

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Rabu, 29 Mac 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan dari tahun 1996 hingga ke tahun 1999 berapakah bilangan tenaga pengajar yang telah melanjutkan pelajaran secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan tenaga pengajar iaitu guru yang telah melanjutkan pelajaran secara pengajian jarak jauh (PJJ) dan program pengajian luar kampus dari tahun 1996 hingga 1999 ialah seramai 1,511 orang.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah 1,511 orang ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian memandangkan bahawa guru-guru ini mengambil masa keluar untuk belajar kerana ada juga pada hujung minggu ataupun satu kali satu bulan untuk mereka pergi belajar luar, apakah impaknya kepada tenaga pengajar di peringkat sekolah, adakah misalnya pengganti-pengganti diatur kerana ada juga aduan di peringkat sekolah memandangkan program ini diadakan untuk kebaikan semua tetapi ada kekosongan pula tenaga pengajar di peringkat sekolah. Jadi, adakah pihak kementerian mengatur pengganti dan apakah impak keseluruhan kepada pentadbiran sekolah? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Dari segi impaknya memang ada. Sekarang ini sebenarnya bilangan yang telah mengikuti program PJJ ini adalah ramai jika dibandingkan kepada keperluan mata pelajaran yang dikehendaki oleh sekolah-sekolah. Oleh kerana itu, bukan semua yang tamat dari program PJJ ini dapat dilantik sebagai guru ijazah.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pada masa ini begitu banyak aduan berhubung dengan guru-guru yang telah tamat PJJ yang tidak mendapat tempat ataupun kenaikan pangkat daripada

skim bukan ijazah kepada skim ijazah, saya ingin menanyakan kepada Timbalan Menteri adakah kementerian ini telah membuat penyelarasan terlebih dahulu dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai keperluan penempatan guru-guru graduan yang telah tamat pengajian dan apakah perkara ini juga telah dijelaskan terlebih dahulu kepada guru-guru yang bakal melanjutkan pelajaran mereka secara PJJ. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Seperti yang saya sebut tadi memang ini telah jadi satu masalah di mana guru yang telah mengikuti kursus PJJ ini bukan semuanya telah diberikan tempat atau dinaik pangkat kerana keperluannya mengikut mata pelajaran atau opsyennya tidak diperlukan pada masa sekarang ini. Sebenarnya apabila seseorang guru memohon untuk melanjutkan pelajaran mengikuti program PJJ ini pihak Kementerian Pendidikan memang tidak berjanji selepas tamatnya pelajarannya akan dinaik pangkat atau diberikan tempat untuk menjadi guru sebagai lepasan ijazah. Jadi, dari segi perancangan pihak kementerian memang ada. Sekarang pihak kementerian telah mengadakan satu peraturan di mana setiap guru yang telah tamat dari program PJJ ini hendaklah membuat permohonan lepas iklan kekosongan telah dibuat dan lepas itu akan dipanggil untuk temuduga dan dia akan dilantik jika mempunyai kekosongan yang tertentu dan ini terpulang juga tentang mata pelajaran yang masih kekosongan dan juga tempat-tempat yang diperlukan.

2. **Dato Goh Siow Huat [Rasah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil kerajaan terhadap bankrap-bankrap yang masih hidup dengan mewah seperti tinggal di rumah banglo besar dan memandu kereta mewah walaupun mereka telah mengisytiharkan diri mereka bankrap.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, jabatan yang mentadbirkan kes-kes kebangkrutan ialah Jabatan Pemegang Harta. Harta seseorang bankrap adalah terletak hak dengan pegawai pemegang harta. Oleh itu, hanya pegawai pemegang harta boleh mentadbirkan harta tersebut. Jika pegawai pemegang harta terima maklumat melalui penyiasatan atau dari orang awam mengenai bankrap yang hidup mewah seperti tinggal di rumah mewah dan menaiki kenderaan mewah, tindakan berikut akan diambil.

Siasatan akan dijalankan untuk mengenal pasti pemilik harta tersebut sama ada ianya milik bankrap sendiri atau milik orang lain, dan jika bankrap bukan pemiliknya pernahkah harta tersebut dimiliki olehnya dalam tempoh lima tahun sebelum kebankrapannya. Jika bankrap didapati adalah pemiliknya, tindakan berikut akan diambil. Bagi kereta mewah, pihak Jabatan Pemegang Harta akan meminta pihak Jabatan Pengangkutan Jalan menyenaraihitamkan kenderaan tersebut untuk mengelakkan sebarang transaksi dibuat ke atas kenderaan itu. Bankrap akan diminta menyerahkan kenderaan tersebut kepada pegawai pemegang harta dan kenderaan tersebut akan dijual dan hasilnya setelah ditolak hutang kepada pembayar sewa beli jika ada, akan digunakan untuk membayar hutang-hutang bankrap.

Bagi rumah pula, tindakan serta-merta akan diambil untuk memindah hak milik kepada pegawai pemegang harta. Tindakan untuk menjual rumah akan diambil oleh pegawai pemegang harta dan hasilnya setelah ditolak hutang kepada pemiutang bercagar jika ada, akan digunakan untuk membayar hutang bankrap. Jabatan Pemegang Harta mengalu-alukan maklumat dari orang awam mengenai cara kehidupan seseorang bankrap supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Maklumat yang diberi hendaklah lengkap seperti nombor pendaftaran kenderaan dan alamat rumah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rasah. Rasah. Yang Berhormat, tidak dengarkah apa yang saya sebut. Microphone itu rosak? Rosak? Sila, sila.

**Dato Goh Siow Huat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejak tahun 1997 semasa kegawatan ekonomi negara kita, berapakah orang peniaga atau syarikat-syarikat yang telah bankrap? Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1997 kes kebankrapan yang terkumpul ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Kes</i>	<i>Bil. Kes Terkumpul</i>
1997	7,395	52,008
1998	8,110	67,986
1999		
(Sehingga Nov)	7,793	74,347

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai kedudukan keistimewaan setengah-setengah orang yang

diisytiharkan muflis, seperti mana berlaku di London baru-baru ini di mana seorang muflis boleh dapat mengadakan program bersama dengan Perdana Menteri berjumpa dengan pelajar-pelajar, iaitu Umi Hafilda. Sekian.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa seseorang yang bankrap memang tidak boleh, tidak dibenarkan meninggalkan negara ini, tetapi bukannya secara automatik apabila namanya diumumkan dalam surat khabar ataupun mahkamah mengisytiharkan dia bankrap, bukannya secara automatik dia dihalang daripada meninggalkan negara ini. Ada prosedur-prosedur tertentu yang harus diikuti yang mana Jabatan Pemegang Harta mestilah melaporkan kes-kes sesiapa yang bankrap ini kepada Jabatan Imigresen dan barulah Jabatan Imigresen boleh menyenaraihitamkan mereka yang bankrap ini.

Bagi kes spesifik seperti mana Yang Berhormat timbulkan tadi, iaitu kes Umi Hafilda sudah banyak kali dibangkit ini, dok tak habis-habis lagi cerita ini. Jadi, saya hendak beri penerangan supaya kes ini jangan dok bangkit lagilah. Kadang-kadang pembangkang ini kalau cakap banyak kali pun tak faham-faham juga. Mengikut rekod-rekod Jabatan Imigresen Malaysia, sibankrap (Umi Hafilda) telah meninggalkan negara ini pada 5 Februari 2000 ke Singapura. Kemudian daripada Singapura dia pergi ke London, itu urusan dialah. Dia meninggalkan negara ini pada 5 Februari 2000 ke Singapura. Manakala Jabatan Imigresen menerima surat rasmi permohonan menghalang sibankrap dari meninggalkan negara ini ialah pada 24 Februari 2000 sejajar dengan Seksyen 38(1)(c), Akta Kebankrapan 1997. Jadi, dia sudah terlepas baru Imigresen dapat notis mengenai kes bankrap Umi Hafilda. Jadi, saya harap Yang Berhormat fahamlah semua, pembangkang pun faham, jangan dok timbul-timbul lagi kes ini. Terima kasih.

3. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada undang-undang yang sedia ada boleh melindungi rakyat asing yang bekerja di Malaysia ditindas oleh majikan tempatan. Apa tindakan boleh diambil terhadap majikan yang mungkir janji hendak membaharui permit kerja orang asing sehingga mereka (pekerja asing) diburu oleh pihak imigresen dan polis.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada memang boleh melindungi pekerja asing di Malaysia dengan syarat pekerja asing tersebut mempunyai permit kerja yang sah sama ada ia ditindas oleh majikan tempatan atau majikan asing. Bagi majikan

yang gagal memperbaharui permit pekerjaanya, tindakan untuk merampas jaminan bank majikan boleh dibuat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kesallah sahaja dijawab ada undang-undang untuk melindungi rakyat asing. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sekiranya ada kes-kes seperti apabila menjelang tamatnya tempoh permit pekerja asing ini dan tauke-tauke tempatan enggan membayar gaji kepada mereka atau lagi teruk kepada kaum wanita asing, tauke-tauke mungkin ada mengganggu mereka dan mengugut-ugutkan mereka dan bukan sahaja itu, malahan membuat laporan kepada pihak Imigresen atau pihak polis supaya orang-orang asing ini ditangkap dan dihantar balik. Apa bantuan yang kerajaan boleh beri kepada pekerja-pekerja asing ini kerana mereka tidak dapat gaji beberapa bulan, diugut, diseksa atau yang lebih teruk lagi dan mereka dihantar balik.

Bukankah ini satu penindasan oleh majikan tempatan dan apa boleh dibuat oleh kerajaan?

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan kerana keprihatinan dan kepekaan. Sebenarnya, undang-undang yang sedia ada yang kita guna pakai adalah Akta Kerja 1955, yang meliputi bukan sahaja pekerja asing tetapi juga pekerja tempatan.

Jadi, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi ada dua isu. Satu, pekerja yang ditakut-takutkan oleh majikan mereka sedangkan mereka masih ada lagi permit. Kalau isu ini berlaku mereka boleh mengadu kepada Jabatan Buruh seperti juga pekerja-pekerja tempatan tetapi jika permit kerja mereka telah tamat sama ada atas janji majikan atau sengaja tidak perasan, pekerja-pekerja tersebut tidak perasan yang permit mereka sudah tamat. Ada beberapa peruntukan dalam Akta Pekerjaan.

Pertama, jika mereka lebih dari setahun mengikut kontrak pekerjaan mereka berhak mendapat ganjaran-ganjaran yang tertera ekoran daripada faedah-faedah pendapatan dan renti kerja sementara yang diiktiraf pada 1980.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terdapat pekerja-pekerja asing yang beragama Islam yang bekerja di rumah majikan bukan beragama Islam. Mereka ini ditindas kerana mereka ini dipaksa untuk membuat kerja-kerja yang bertentangan dengan agama suci kita. Di

mana umpamanya, mereka diarah untuk memandikan anjing ataupun memasak makanan yang haram dan sebagainya.

Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan peruntukan perundangan atau apa-apa peraturan supaya perkara-perkara ini tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh majikan yang bukan beragama Islam terhadap keluarga, masyarakat Islam? Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Alor Gajah itu memang baik. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia memang prihatin dan sentiasa berfikir seperti dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Oleh yang demikian kita di kementerian sedang mengadakan brainstorming yang akan diadakan pada 11 April ini dengan memanggil segala cerdik pandai dan mereka yang terlibat khusus dalam domestic maid ini dengan izin, bagi merangka satu tindakan bersepadu bukan sahaja hal-hal kebajikan majikan dan juga kebajikan pekerja iaitu pembantu rumah tetapi juga ingin menyelesaikan isu tersebut secara lebih komprehensif.

4. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) bilakah sistem penggunaan aliran kuasa (power line) akan dilaksanakan untuk sistem Internet di negara ini dan apakah perubahan terminal, hardware dan kos yang akan berlaku dan sama ada syarikat yang terpilih berkemampuan; dan
- (b) adakah kerajaan akan membuat garis panduan dan batasan undang-undang atas penggunaan Internet dan apakah pengalaman dan langkah yang di ambil negara lain dikaji dan dinilai

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Batang Lupar kerajaan sedar penggunaan aliran kuasa iaitu power line boleh digunakan untuk tujuan sistem komunikasi termasuk laluan Internet.

Walau bagaimanapun, buat masa ini memandangkan sekarang masih terdapat rangkaian yang masih belum digunakan seperti rangkaian fiber optik, kerajaan tidak menggalakkan pelaburan sebagai untuk menambah rangkaian melalui penggunaan aliran kuasa ini.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sebagai yang dimaklumkan kerajaan tidak akan membuat sebarang tapisan ke atas penggunaan Internet. Ini dijelaskan dengan komitmen kerajaan dalam salah satu MSC bill of guarantee, dengan izin, to ensure no censorship of the Internet. Dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di bawah Seksyen 3(3) juga diperuntukkan tiada apa-apa jua dalam akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya inginlah bertanya dengan Setiausaha Parlimen apakah rasional di sebalik tindakan kerajaan tidak menggunakan power line, oleh kerana menggunakan telefon yang kita gunakan sekarang adalah begitu lambat sekali dan mungkin juga begitu mahal kos Internet ini.

Jadi, kalau kita gunakan power line dia bukan sahaja lebih cepat tetapi juga mungkin lebih murah dan mempelbagaikan juga persoalan penggunaan providers Internet ini sebagaimana yang telah dibuat di negara-negara maju yang lain. Dalam keadaan super koridor kita yang ada jadi sepatutnya ini dipertimbangkan dan adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan penggunaan power line ini.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Seperti yang saya kata tadi memang mempunyai satu rangkaian access facilities termasuk fiber optik yang belum digunakan oleh sebab kerajaan tidak menggalakkan penambahan pelaburan dalam sektor ini.

Untuk makluman Yang Berhormat ada kajian yang telah dibuat di negara lain di mana power line merupakan satu teknologi yang baru yang belum matang dan ada kajian yang merupakan bahawa ada banyak masalah yang terlibat berkenaan dengan reliability dengan lain-lain gangguan melalui power line. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apa yang telah pun dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen tadi didapati keupayaan untuk mewujudkan suatu penyelesaian di sebalik akses Internet yang lambat ini nampaknya belum ada jaminan sepenuhnya dan kita tahu dari sudut penawaran kepada khidmat Internet dikawal oleh pihak TM-Nets, Jaring. Di pihak pengguna didapati banyak rungutan rasa tidak puas hati kerana usaha untuk akses Internet ini lambat dan seumpamanya sebagaimana yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi. Pihak kerajaan juga mempunyai cita-cita besar dalam usaha untuk mengembangkan lagi teknologi IT ini menerusi Internet khususnya.

Soalannya ialah dari sudut perancangan masa depan, kemungkinankah tidak penawaran Internet kepada pengguna diperluaskan kepada syarikat-syarikat lain bukan setakat Jaring, TM-Nets ataupun seumpamanya lagi untuk memenuhi keperluan pengguna, lebih-lebih lagi dalam usaha untuk kita mengembangkan lagi teknologi maklumat dan maklumat-maklumat yang terkini kepada pengguna dalam tempoh kemajuan yang sedang berkembang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Minta maaf, seksyen yang akhir kurang jelas, tolong ulangkan sekali lagi.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih. Dari sudut perancangan masa depan kerajaan adakah kerajaan berhajat untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat baru ataupun syarikat lain selain daripada TM-Net atau Jaring dalam menyediakan kemudahan akses Internet ini kepada pihak pengguna kerana kita yakin sekiranya ada syarikat baru ataupun yang lebih bersaing lagi, perkhidmatan lebih baik dan capaian Internet ini dapat dibuat dengan lebih cekap, tidak melambatkan dan sebagainya sebagaimana yang dirungutkan oleh pengguna pada masa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bachok, setakat ini cuma enam atau tujuh syarikat yang diberi lesen untuk menjadi Internet Service Provider (ISP) tetapi ada lain kelas lesen yang boleh diberi masih dalam kajian di bawah Access Service Provider (ASP) dan dalam polisi ini mungkin lebih banyak syarikat boleh diberi kelas lesen dan ini boleh menggerakkan perkhidmatan atau pembekalan penglibatan Internet dan lain-lain penggunaan Internet. Sekian, terima kasih.

5. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauhmanakah tindakan, peraturan dan undang-undang yang sedia ada telah membantu mengurangkan kemalangan di jalan raya kerana nampaknya kes kemalangan di jalan raya semakin meningkat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Ramli bin Ngah Talib]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia telah merancang dan menjalankan beberapa program bersepadu untuk menangani isu keselamatan jalan raya yang dikenali sebagai pendekatan 3P iaitu Pendidikan, Penguatkuasaan dan Pengjuruteraan.

Hasil daripada usaha yang diambil bilangan kematian berdasarkan 10,000 kenderaan yang didaftarkan iaitu petunjuk yang biasa digunakan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa angka kematian telah menurun daripada 8.4 kematian setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1995 kepada 5.8 kematian setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1999.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa sejak tahun 1996 program-program keselamatan jalan raya telah dikaji penilaian keberkesanannya oleh satu unit Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya. Ini bermakna program-program yang dilaksanakan adalah dirancang dan diawasi pelaksanaannya dengan rapi serta dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan ini dibuktikan daripada penurunan sebanyak 15% kadar kematian keseluruhan mulai tahun 1990 sehingga tahun 1999 dan pengurangan 13% kadar kematian bagi golongan penunggang dan pembonceng motorsikal hasil daripada pelaksanaan Program Keselamatan Penunggang dan Pembonceng Motorsikal yang dilancarkan pada 17 September 1997 hingga 1999.

Mengenai kes kemalangan pula, sukacita dinyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa bilangan kemalangan telah menurun daripada 230 kepada 224 kes bagi setiap 10,000 kenderaan yang berdaftar. Angka kemalangan bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar telah menunjukkan penurunan mulai tahun 1999 dan adalah diharapkan bahawa trend baru ini dapat dikekalkan pada tahun 2000 dan seterusnya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya sebenarnya lama tidak dapat hadir di Dewan ini kerana ke Europe dan di sana saya juga melihat bagaimana mereka mengadakan peraturan yang boleh mengelakkan daripada berlakunya kemalangan. Kita dapati di negara kita kenderaan berat seperti lori dan juga bas, kadang-kadang kita dapati telah pun menyebabkan kemalangan yang mana mereka yang terlibat, yang kita paling kasihan adalah kenderaan yang kecil seperti motosikal.

Di Barat, bagi kenderaan yang berjalan jauh, ada waktu-waktu ataupun bilangan kilometer yang ditentukan supaya kenderaan ini berhenti berehat, tetapi di Malaysia kita boleh berjalan dari Kangar ke Johor direct kalau driver itu mampu, ataupun kalau dia mengejar trip. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji dan menentukan supaya kenderaan-kenderaan ini tidak terus berjalan sepanjang masa walaupun mereka dalam keadaan yang keletihan yang mungkin menyebabkan kelalaian.

Dan satu perkara lagi yang saya lihat, driver ini terdiri daripada mereka yang lebih berumur berbanding dengan negara kita, driver kenderaan terdiri daripada mereka yang muda, yang mungkin oleh kerana umur yang muda mereka kurang berhemah di dalam menjalankan urusan dan saya melihat bahawa kerja sebagai pemandu kenderaan ini tidak dianggap sebagai satu karier di negara kita, cuma sebagai kerja sambilan untuk sementara waktu. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji keadaan ini supaya kita dapat mengelakkan kemalangan yang lebih besar di negara kita. Terima kasih.

**Tan Sri Ramli bin Ngah Talib:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Majlis Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya, bukan sahaja melakukan program-program yang tertentu seperti kempen dan sebagainya tetapi juga menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang tertentu dengan tujuan untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya, kematian dan seterusnya.

Dengan itu, aspek-aspek seperti sama ada lori boleh diberi arahan supaya berhenti atau tidak di tempat-tempat yang tertentu, ini adalah satu-satunya di dalam kajian kita. Walau bagaimanapun, sekarang ini di jalan raya kita di lebuhraya kita ada disediakan tempat-tempat yang tertentu di mana lori-lori dan juga pemandu-pemandunya boleh berhenti berehat, begitu juga aspek-aspek yang lain seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, seperti umur dan perkara-perkara yang lain, semua ini adalah di dalam kajian di dalam faktor-faktor yang diambil tahu dalam usaha kita, dalam penyelidikan kita untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat juga kes-kes kemalangan ini berlaku disebabkan oleh pemandu lambat iaitu memandu dengan cara lambat, sebab saya baru balik daripada Setiu, saya lihat di kawasan Setiu itu, iaitu di kawasan jalan di Terengganu ke Setiu di mana kawasan yang dianggap kerap berlaku kemalangan, jalannya sempit dan kenderaan berat dan ringan biasanya berjalan perlahan, jadi, akibatnya kenderaan yang di belakang yang hendak memotong mengambil masa yang terlalu lama dan apabila mereka menunggu terlalu lama, mereka terpaksa membuat take off ataupun membuat pemotongan segera dan di kawasan-kawasan yang dianggap mempunyai jalan yang sempit dan mereka menunggu terlalu lama, menyebabkan mereka terpaksa bertindak sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan site line ataupun kawasan-kawasan yang dianggap iaitu kawasan yang mana boleh dibuat pemotongan jalan iaitu membuat site line di mana kenderaan berat akan ketepi dan kenderaan-kenderaan yang terpaksa menunggu begitu lama boleh memotong. Jadi, saya minta supaya kerajaan membuat perhatian kepada soalan tersebut dan keduanya, ialah kurangnya tanda jalan, saya perhatikan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah satu soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih.

**Tan Sri Ramli bin Ngah Talib:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini, sememangnya dalam pengujian pemandu-pemandu adanya usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar dan memanjangkan tempoh latihan kepada lima jam kuliah pemanduan berhemat kepada kelas teori dan juga 16 jam bagi kelas amali. Saya sebutkan perkara ini kerana banyak daripada kemalangan adalah kesan atau akibat daripada kecuaiannya manusia atau pemandu itu sendiri dan oleh itu, adalah difikirkan bahawa kemahiran mereka haruslah dipertingkatkan seperti consideration, berhemat dan juga mengambil tahu tentang kehendak pemandu dan pengguna jalan raya yang lain supaya tidak begitu lambat memandu, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, road hogging dan sebagainya.

Ini adalah usaha-usaha ke arah menjadikan pemandu ini lebih berhemat, lebih berhemah dan lebih memikirkan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Mengenai jalan kedua di mana pemandu-pemandu yang lambat sebenarnya sepatutnya pemandu-pemandu tidak harus lambat, jikalau dia lambat dia tidak harus berjalan langsung kerana jalan raya digunakan untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan pantas, dalam pada itu mesti juga berhemat dan juga berhemah.

Dalam pada itu, jalan raya kita juga kebanyakannya sama ada lebuh raya mahupun jalan-jalan Persekutuan ataupun country road, dengan izin, ada mempunyai jalan sebelah dan sesiapa yang memotong selalunya diingatkan untuk memotong sebelah kanan dan siapa yang lambat harus berjalan di sebelah kiri.

6. **Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Noor [Machang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pengguna jalan raya mempunyai jalan alternatif yang tidak bertol di semua jalan-jalan yang bertol.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Nordin]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar kerajaan mengekal dan menyediakan jalan-jalan alternatif tanpa tol bagi kepentingan pengguna yang tidak bersedia menggunakan lebuh raya bertol. Walau bagaimanapun, bagi beberapa lebuh raya yang dibina di dalam bandar, perkara ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana masalah tanah. Ini adalah kerana bagi lebuh-lebuh raya ini, kerajaan akan cuba untuk tidak mengambil tanah yang banyak bagi tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai iaitu pemilih hartanah.

Bagi lebuh raya-lebuh raya yang pembinaannya berdasarkan jajaran ataupun dengan izin, alignment baru, seperti Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Seremban-Port Dickson, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia Singapura, jalan-jalan Persekutuan sedia ada merupakan jalan alternatif kepada pengguna untuk mengelak daripada menggunakan lebuh raya bertol. Kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf jalan-jalan ini sentiasa dilaksanakan oleh kerajaan bagi keselesaan pengguna.

Bagi lebuh raya tol di dalam kawasan bandar pula di mana lebuh raya ini melibatkan pembesaran dan naik taraf jalan yang sedia ada, di dalam perjanjian konsesi akan disyaratkan syarikat-syarikat konsesi dikehendaki membina jalan alternatif bebas tol, sebagai pilihan kepada pengguna seperti yang disyaratkan kepada lebuh raya penyuraian trafik Kuala Lumpur Barat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian memberi contoh bandar lain di dunia ini macam Kuala Lumpur iaitu bandar yang dikepung dengan tol. Kalau..., saya rasa tidak ada dah hendak masuk Kuala Lumpur sekarang yang tidak kena tol, sama ada dari Ipoh, dari Kuantan, dari Seremban, dari Shah Alam, bandar raya yang dikepung dengan tol. Sebab kita lihat di negeri-negeri yang miskin seperti Jordan pun tidak ada tol, begitu juga...di Bangkok ada tol tetapi jalan-jalan alternatif yang begitu melintasi sibuk.

Jadi, contoh di mana kita ambil negeri yang dikepung dengan tol begini. Apakah kerajaan bercadang bersungguh-sungguh iaitu bila tamat kontrak yang pertama ini, tidak disambung lagi tol seperti di Jalan Kuching, bila tamat kontrak kita sambung lagi menyebabkan penderitaan kami dahulu, kini dan selamanya. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang telah dikatakan soal apabila tamat tempoh tol sama ada sambung atau tidak bergantung kepada keadaan semasa, sebab perkara itu

telah pun dijawab semasa soalan yang sama dikemukakan tempoh hari dan mengenai perkara lain yang ditimbulkan iaitu mengenai soal tol yang mengelilingi Kuala Lumpur, sebenarnya itu adalah jalan pilihan. Kalau tidak melalui jalan tol pun, kita masih boleh juga masuk ke Kuala Lumpur melalui jalan-jalan alternatif yang sedia ada. Jalan-jalan tol yang ada, adalah sebagai pilihan kepada jalan yang sedia ada yang selama ini kita gunakan. Jadi, sama ada bandar raya lain ada atau tidak, itu saya terpaksa rujuk balik kepada kementerian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak jawapan daripada Yang Berhormat itu kurang yakin diri kerana suara pun tidak begitu nyaringlah tadi kerana tidak begitu, saya percaya beliau itu tidak suka, tidak seronok dengan keadaan yang jalan bertol sekarang dan seperti masam bagai nikah tak suka. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di kebanyakan jalan bertol seperti di Sprint Highway sekarang yang ada di dalam proses pembinaan, feeder road sudah ditutup kerana ia hendak pengguna kereta ini melalui tol, sebab itu feeder road seperti Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) memang ada banyak feeder road, tetapi ditutup semua sehingga semua orang bila mereka melalui jalan itu mereka terpaksa melalui plaza tol, itulah maksudnya, itulah salah satu sebab yang mengakibatkan kesesakan yang bertambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalnya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalnya, bolehkah Yang Berhormat sekarang, walaupun masam, tetapi tidak apalah, mempertimbangkan sama ada bila kita adakan tol misalnya seperti di Jepun kita adakan di atas jalan, walaupun lebih mahal tetapi kalau orang hendak menggunakan jalan yang bertol itu, ia boleh menggunakan, bayar dengan lebih sedikit tetapi ia di atas, ia tidak berada di jalan yang ada sekarang. Ini cara yang baik, cuma dia kadangkala bercakap di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, kalau kita pergi ke New York, pergi ke Le Budge Airport dan sebagainya, Kennedy Airport ia ada tol, tetapi ia satu-satu sahaja, bukan semua jalan masuk ke bandar raya ada bertol, itu mesti ditimbang semula.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat tidak mengemukakan soalan, hanya memberi pandangan, kementerian mengambil kira pandangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak apalah.

7. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementeriannya bagi membolehkan lebih banyak lagi kontraktor dalam Konsep Payung mendapatkan projek.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek menaik taraf jalan kampung (PJK) yang dilaksanakan di bawah Konsep Payung melibatkan perlantikan kontraktor utama dikenali sebagai kontraktor payung dan kontraktor-kontraktor kecil iaitu kelas D hingga kelas F yang melaksanakan projek sebagai kontraktor anak payung.

Bilangan kontraktor utama yang dilantik bagi setiap negeri bergantung kepada jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan kepada negeri berkenaan dan juga keluasan negeri berkenaan, misalnya bagi negeri-negeri besar yang mendapat jumlah peruntukan PJK yang besar seperti negeri-negeri Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak, sebanyak dua kontraktor telah dilantik, manakala negeri lain memadai satu kontraktor sahaja. Perlantikan kontraktor pelaksana adalah dibuat mengikut daerah berasaskan kepada alamat dalam sijil pendaftaran kontraktor yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan bilangannya adalah bersesuaian dengan bilangan projek, panjang jalan dan juga nilai projek bagi setiap daerah.

Sejak PJK secara konsep payung mula dilaksanakan iaitu pada akhir tahun 1997, kementerian ini telah mengambil langkah-langkah untuk menambah bilangan kontraktor anak payung selaras dengan pertambahan peruntukan yang disediakan dalam tahun 1999. Sehingga Mac 2000, seramai 2,089 kontraktor anak payung telah dilibatkan di dalam pelaksanaan PJK. Pada masa-masa akan datang, kementerian bercadang untuk menggilirkan perlantikan kontraktor anak payung pada setiap tahun untuk membolehkan lebih ramai lagi kontraktor dilibatkan.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita sedar bahawa ada kadangkalanya kontraktor anak payung yang diberi kerja untuk menjalankan projek jalan kampung ini oleh syarikat payung tidak mampu menyelesaikan projek berkenaan dalam lingkungan masa yang ditentukan dan jika projek itu dianggap selesai pun, jalan tersebut tidak nampak memuaskan. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan

kontraktor anak payung ini adalah berkemampuan dan syarikat payung yang diberi tugas tersebut benar-benar memantau kerja-kerja anak payungnya. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Baram. Memang kita juga mengetahui bahawa pelaksanaan PJK secara konsep payung ini banyak masalah yang telah ditimbulkan dan oleh yang demikian, kementerian telah mengambil satu langkah iaitu untuk mengadakan pengubahsuaian kepada konsep payung dan di antaranya ialah untuk memastikan bahawa anak-anak payung yang mengambil bahagian di dalam projek-projek tersebut dapat melaksanakan projek itu dengan cemerlangnya dan pada masa yang sama juga sekarang ini akan diadakan lebih banyak perhubungan atau communication, dengan izin, di antara pelaksana dan juga payung utama bersama dengan pemimpin-pemimpin di dalam kawasan untuk memastikan bahawa semua feedback ini bertujuan untuk mendapatkan sebuah projek yang dijalankan dengan jayanya.

*[Soalan No. 8 – Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]*

*[Soalan No. 9 - Y.B Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]*

10. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan langkah-langkah lebih positif untuk menarik pelancong ke negara ini memandangkan kebelakangan ini terlalu banyak pihak yang telah memburuk-burukkan tanahair sendiri.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah merancang dan melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani berita-berita negatif serta menarik minat pelancong melancong ke negara ini. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah meningkatkan lagi aktiviti lawatan suaikenal bagi wakil media asing untuk melihat sendiri keadaan di sini khusus untuk menggalakkan penulisan dan meningkatkan publisiti mengenai Malaysia di samping wakil agensi pelancongan dan krew stesen TV/Filem melalui Program Mega Fan Trip 2000 setiap bulan. Mengatur langkah-langkah pemasaran strategi dengan memberi penekanan kepada pasaran-pasaran yang kurang menerima kesan daripada krisis ekonomi seperti Timur Tengah, India, China, Eropah, Australia dan Amerika

Syarikat, dengan pasaran-pasaran serantau khususnya Singapura, negara Thai, Hong Kong dan lain-lain pasaran di mana terdapat kumpulan pelancong berketurunan Cina dan memasarkan secara agresif sektor MICE iaitu, dengan izin, Meeting, Incentive, Convention and Exhibition dan juga meminta pejabat-pejabat Malaysia di luar negara memberikan gambaran sebenar dalam negara. Sekian.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Selain daripada memburukkan dengan kesan negatif ada juga pihak-pihak yang menghalang persembahan-persembahan tertentu yang berbentuk kebudayaan atau kegiatan-kegiatan yang boleh menarik pelancong, umpamanya, ada permainan yang dilarang, ada pakaian dilarang, ada kegiatan-kegiatan budaya yang dilarang. Apakah pandangan kementerian mengenai langkah ini dan apa pula cadangan-cadangan untuk menangkis perbuatan sedemikian? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Memang kementerian ambil berat atasi isu-isu ini yang kita ada buat kajian dan akan ambil apa-apa langkah yang sesuai pada masa yang sampai.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tun Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga akan menjemput wartawan Lee Chua Hoong dari *The New Straits Times Singapura* yang memburukkan kepimpinan negara ini dan memburukkan sistem ekonomi dan politik negara ini supaya beliau diberi pendedahan yang sejelas-jelasnya? Saya rasa kahu kita hendak memberi penjelasan kepada wartawan asing, wartawan daripada negara jiran khususnya Singapura harus diberi pendedahan yang paling awal sekali. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu satu cadangan yang baik dan kementerian akan ambil tindakan. Pada masa sekarang di Singapura kita ada bekerjasama dengan akhbar *Singapore Straits Times*, yang telah digembleng untuk menerbitkan weekly travel supplement setiap minggu tetapi apa yang Yang Berhormat cadangkan akan kita ambil tindakan. Terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) tidak hadir]

12. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Program Rakan Muda akan digiatkan semula.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [ Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Rakan Muda sentiasa berjalan dengan aktif sejak ianya dilancarkan 63 bulan yang lalu. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1997, 1998 dan 1999 kerana peruntukan program telah pun dikurangkan sebanyak 50% berikutan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita pada penghujung tahun 1997.

Berdasarkan kedudukan sedemikian, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil langkah menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pelaksanaan aktiviti program. Dengan kedudukan kewangan ini, kementerian telah menumpukan aktiviti pelaksanaan NGO, Rakan Muda Sektor IPT, Rakan Muda Sektor Industri dan Rakan Muda Sektor Swasta serta program-program utama dan yang mempunyai potensi penyertaan ramai.

Sungguhpun peruntukan Program Rakan Muda juga telah berkurangan pada tahun ini, kementerian telah pun menyusun langkah bagi mempergiatkan pelaksanaan program di semua peringkat. Antara langkah-langkah penting yang sedang diusahakan ialah menarik penglibatan masyarakat perniagaan terutamanya usahawan-usahawan untuk melaksanakan program ini secara menguntungkan semua pihak seperti anak-anak muda kita dan pelaksana sendiri.

Kementerian sedang mengkaji untuk memberi kebe naran kepada masyarakat perniagaan terutamanya usahawan untuk melaksanakan sebahagian program mengikut panduan yang ditetapkan secara komersial. Pelaksanaan secara komersial ini akan diselia dan dipantau sepenuhnya agar tidak membebankan masyarakat. Melalui pendekatan ini, kementerian yakin dengan bilangan aktiviti program akan dapat ditingkatkan dan dengan itu ianya akan memberi peluang penyertaan yang lebih ramai.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Tun Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia tentang kaedah penjelasan untuk belia-beliau di negara kita. Saya hendak minta sedikit pandangan Datuk Timbalan Menteri, memandangkan kalau kita lihat di kampung-kampung, dahulu hanya sekumpulan kecil sahaja belia tetapi dewasa ini dengan negara kita bertambah maju dan masyarakat pun bertambah maju, didapati bahawa di luar bandar, di kampung-kampung setinggi-tingginya 40% atau sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah penduduk adakah belia. Ini amat

penting sekali untuk kementerian mengukuhkan struktur organisasi di peringkat daerah untuk memastikan belia-belia ini dibela.

Saya nampak isunya, saya rasa selain daripada minta penjelasan Datuk Timbalan Menteri, isunya jangan sangat dari segi peruntukan tetapi adakah elok pada pandangan Datuk Timbalan Menteri, diperkukuhkan struktur organisasi di peringkat daerah. Kalau dahulunya, 10 tahun, 15 tahun dahulu hanya satu orang pegawai belia, tidak mungkin dia boleh mengawasi 30% atau 40% masyarakat di kawasan itu. Minta pandangan Datuk Timbalan Menteri, adakah sudah sampai kita kaji kembali peranan dan struktur organisasi jabatan belia di daerah-daerah ini supaya kita membela masyarakat belia. Kalau tidak, yang di sebelah sana itu [*Merujuk kepada blok pembangkang*] cari alasan sahaja itu, cari alasan hendak cuba meracun belia-belia ini. Saya minta pandangan Datuk Timbalan Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan dan cadangan Yang Berhormat bagi Rompin tetap diambil kira dan disambut baik. Dalam hubungan ini ingin juga saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa walaupun soal peruntukan tidak semestinya merupakan soal yang tunggal bagi menyelesaikan masalah yang ada tetapi tanpa peruntukan yang memadai, maka masalah kepegawaian seperti mana yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat bagi Rompin itu tetap akan merupakan satu-satunya masalah yang perlu diatasi. Memandangkan semakin bertambahnya bilangan belia di kampung-kampung di semua lapisan masyarakat Malaysia kita, maka ada perlunya penglibatan mereka dalam Program-program Rakan Muda ini dipertingkatkan khususnya di peringkat akar umbi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Program Rakan Muda diwujudkan, saya salah seorang daripada Ahli Parlimen yang pernah membincangkan falsafah penubuhan adalah mesti disesuaikan. Pada ketika itu kita bersandar kepada pandangan iaitu kerajaan akan memberi semua sumber peruntukan untuk aktivitinya. Saya mengatakan kalau inilah tujuannya, kalau kegawatan berlaku atau sumber kewangan itu lambat turun, aktiviti itu akan berhenti dengan sendirinya. Saya kata kalau kita halakan falsafah pengwujudannya menggunakan satu kesukarelawan yang mana kerajaan akan menjadi penyokong sahaja kepada aktiviti sedemikian, sebagaimana aktiviti-aktiviti belia lain – Pengakap, Pandu Puteri dan sebagainya, saya percaya perkara ini tidak berlaku pada 1997, 1998 dan 1999.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, adakah kerajaan melihat semula supaya jangan menunggukan Program Rakan Muda ini bersandar kepada kewangan sahaja – kalau wang ada baru buat aktiviti, kalau tidak ada wang berhenti aktiviti. Ia mesti berkebolehan mewujudkan sumber kewangan sendiri dan boleh bergerak dengan sendiri tanpa sangat bersandar kepada sumber kewangan kerajaan ataupun korporat. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sememangnya mengambil iktibar daripada kesan-kesan yang dirasai dalam kegawatan ekonomi yang kita alami pada tahun 1997 dan 1998. Walaupun demikian, seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Batang Lumar, badan-badan sukarelawan sememangnya dijemput untuk melibatkan diri di dalam penganjuran Program-program Rakan Muda seperti mana yang saya sebutkan dalam jawapan saya dan pada masa yang lampau walaupun peruntukan merupakan satu-satunya masalah yang memperlambatkan pelaksanaan Program-program Rakan Muda tetapi bukanlah hasrat pihak kementerian bergantung bulat-bulat kepada peruntukan. Sebaliknya masalah-masalah yang lain, umpamanya masalah kepegawaian merupakan satu-satunya masalah yang perlu ditangani. Dengan adanya peruntukan yang cukup, komitmen dan penglibatan daripada pihak swasta dan pihak-pihak yang lain bukan kerajaan tetap perlu.

13. **Tuan Zawawi bin Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama rakyat di seluruh negara serta bilangan pelajar di sekolah tersebut, dan adakah kementerian bercadang mempertingkatkan taraf sekolah-sekolah agama rakyat serta menyelaraskan kurikulumnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ialah 53 buah dengan jumlah pelajar seramai 40,008 orang, manakala Sekolah Menengah Agama Rakyat pula ialah 210 buah dengan bilangan pelajar seramai 70,235 orang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan telah mempertingkatkan pelbagai bantuan kepada sekolah-sekolah agama termasuk Sekolah Menengah Agama Rakyat seperti bantuan buku teks, bantuan pembangunan dan gran per kapita. Usaha untuk menyelaraskan kurikulum sekolah agama juga dilaksanakan melalui kurikulum Sijil Tinggi Agama Malaysia untuk pelajar-pelajar lepasan SPM. Kurikulum tersebut

adalah berasaskan kurikulum Maahad Al-Buuth Al-Islamiah di Al-Azhar. Calon-calon STAM akan menduduki peperiksaan pertamanya pada tahun 2000. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengambil alih semua sekolah-sekolah agama rakyat itu akan menjadi kenyataan dan apakah rasionalnya.

Yang kedua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah satu sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan dan juga memantau segala pelajaran yang diadakan di sekolah agama, yang terdapat sekarang ini. Memang kerajaan telah bincang untuk mengambil alih kalau sekolah-sekolah ini bersetuju dan juga bersetuju ikut kurikulum yang telah ditetapkan, yang akan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, ia ini akan berjalan kalau dua-dua pihak bersetuju pada masa nanti.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu mengenai kebanyakan sekolah-sekolah agama ini jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah menengah kebangsaan biasa jauh perbezaannya dari segi kemudahan asas. Tetapi masih ada pihak-pihak tertentu yang cuba menghalang supaya pihak kerajaan tidak menyalurkan peruntukan-peruntukan terutama sekali dari segi pembinaan bangunan dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas kepada pelajar-pelajar disebabkan kerana sekolah tersebut dianggotai oleh guru-guru dan kakitangannya yang dianggap pembangkang dan akan melahirkan murid-murid yang terdiri daripada pembangkang juga. Jadi, itu adalah satu alasan yang tidak menggalakkan pihak kerajaan untuk menyalurkan peruntukan. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana saya tahu memang tidak ada halangan apa pun untuk membantu sekolah-sekolah agama yang terdapat di negara kita ini, cuma parti pembangkang suka menggunakan isu ini memainkan politik, dapat 'mileage politic' itu sahajalah. Jadi, saya nasihat Ahli-ahli Yang Berhormat duduk sebelah itu janganlah gunakan isu sekolah agama itu sebagai modal politik pada masa nanti.

*[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Nasharuddin bin Mat Isa (Yan) tidak hadir]*

15. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan Kumpulan Wang Amanah Negara sejak ditubuhkan dari segi kewangan, kenaikan sumbangan tahunan, identiti penyumbang, bagaimanakah dan siapakah yang menguruskan dana tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Negara atau KWAN, telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987 dengan tujuan memastikan sumber-sumber asli negara yang semakin berkurangan atau dengan izin, *debleeding resources*, digunakan secara optima bagi faedah generasi akan datang dan memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan stabil kepada kerajaan dan negara.

Ini merupakan satu langkah yang berpandangan jauh dan sikap berhemah kerajaan dalam menguruskan sumber dan pendapatan negara. Petronas telah menyumbang RM100 juta setiap tahun semenjak dana ini ditubuhkan. Sehingga 31 Disember 1998, jumlah sumbangan terkumpul Petronas ialah sebanyak RM1,300 juta, manakala aset terkumpul KWAN pada tempoh yang sama ialah sebanyak RM2,159.7 juta termasuk sumbangan Petronas dan hasil daripada aktiviti pelaburan yang diceburi oleh Kumpulan Wang Amanah Negara.

Pengurusan dan pentadbiran seharian hal ehwal Kumpulan Wang ini dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia yang akan memastikan dana Kumpulan Wang ini dilaporkan di dalam pelaburan yang selamat. Operasi Kumpulan Wang ini diawasi oleh panel KWAN yang dianggotai oleh seorang pengerusi dan 4 orang ahli yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pengerusi Panel sekarang ialah Tan Sri Datuk Seri Azizan bin Zainal Abidin yang juga merupakan Pengerusi Petronas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 9, 11, 14 dan 16 hingga 20 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

**Pelanggaran Prinsip Demokrasi dan Penganiayaan Terhadap Doktor  
Panel, Para Peguam dan Kontraktor di Melaka**

**11.05 pagi.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Usul saya berbunyi bahawa Dewan ini membenarkan saya, Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar, Ahli Parlimen Pokok Sena mencadangkan:-

“Bahawa Majlis ini hendaklah ditangguhkan mengikut Perkara 18 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pelanggaran prinsip demokrasi dan penganiayaan terhadap doktor panel, para peguam dan kontraktor di Melaka yang merupakan suatu tragedi hitam selepas Pilihanraya Umum Kesepuluh yang lalu.”

Perkara ini adalah tertentu kerana pihak berkuasa Kerajaan Negeri Melaka telah mencemarkan hak kebebasan setiap rakyat dan warganegara yang dijamin mengikut Perkara 8(4) dan 10 Perlembagaan Negara iaitu kebebasan berniaga tanpa diskriminasi dan gangguan oleh pihak berkuasa awam dan Perkara 10, kebebasan menentukan pendirian berdasarkan kepada pilihan dan keyakinan rakyat.

Usul ini menyentuh kepentingan orang ramai kerana tindakan Ketua Menteri Melaka memberhentikan khidmat 21 doktor panel, menyenaraihitamkan 20 kontraktor dan juga khidmat peguam panel, adalah dipercayai didorong politik balas dendam atas mereka yang didakwa tidak menyokong UMNO/Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu. Malangnya tindakan itu mendapat sokongan Perdana Menteri sehingga Ketua Menteri Melaka nampaknya perlu belajar membezakan antara kepentingan parti dan kerajaan dan jangan dicampuradukkan.

Usul ini perlu disegerakan kerana tindakan Ketua Menteri Melaka tidak bertamadun kerana mesejnya mengugut dan menakut-nakutkan rakyat supaya mereka terus memberikan sokongan buta kepada UMNO/Barisan Nasional. Politik tanpa tamadun ini pasti menjahanamkan rakyat dan negara kerana amat bertentangan dengan laungan kerajaan sendiri untuk memulihkan ekonomi, memajukan rakyat dan negara.

Justeru itu, saya mohon Dewan menerima agar usul ini dibincangkan atas alasan perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Pokok Sena pada 27 Mac 2000 jam 5.00 petang.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

Perkara yang boleh dipertikaikan dalam usul ini sama ada memberhentikan seseorang atau kumpulan orang atau sesuatu badan daripada menjalankan sesuatu kerja yang telah dipersetujui itu adalah suatu perbuatan melanggar prinsip demokrasi ataupun satu penganiayaan. Kita sudah termaklum bahawa prinsip demokrasi adalah mengandungi hak bagi seseorang membuat perjanjian dengan lain-lain pihak untuk membuat sesuatu dan mengikut terma-terma yang ditentukan di dalam perjanjian itu. Hak-hak itu ada kepada kedua-dua pihak. Jika hendak diputuskan bahawa seorang majikan atau, dalam perkara ini sebuah kerajaan negeri, tidak boleh merentikan perlantikan pekerjaan walaupun di atas apa-apa sebab sekalipun, baik politik atau tidak, bukankah perbuatan itu juga boleh dipertikaikan sebagai satu perbuatan melanggar prinsip demokrasi? [*Tepuk*] Kita tidak boleh mentiadakan hak demokrasi yang ada kepada majikan untuk membuang pekerjanya. Demokrasi bukanlah memihak sebelah pekerja sahaja. Ia juga sama memihak kepada majikan juga. [*Tepuk*]

Sebenarnya, mengikut undang-undang dan mengikut demokrasi, tiap-tiap orang yang melantik boleh merentikan sesiapa sahaja yang dilantiknya dari memegang jawatan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Begitu juga pihak pekerja boleh berhenti daripada perlantikan itu. Jika keberhentian kerja itu tidak mengikut kontrak di antara mereka, maka pihak yang memikirkan dirinya telah mengalami kerugian, boleh membuat aduan menuntut ganti rugi di mahkamah mengikut undang-undang. Yang demikian, perkara yang ditimbulkan di dalam usul ini bukanlah satu perkara yang tertentu atau yang sah spesifik.

Sama ada perkara ini adalah untuk kepentingan orang ramai juga boleh dipertikaikan. Jika pemberhentian itu adalah suatu perkara kontrak biasa di antara dua pihak, maka tidaklah boleh dianggap ia adalah untuk kepentingan orang ramai.

Selain dari itu, perkara ini boleh dikemukakan pada mana-mana masa pun. Ia tidak perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Ketujuh]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.26 dan B.27 [Jadual]-**

**Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan 2000]-**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 dan B.27 dan Kepala Pembangunan P.26 dan P.27 Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Beluran

**11.13 pagi**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas butiran 020300 dalam Kepala B.26 Belanjawan yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan di Dewan ini semalam yang menyatakan bahawa terdapat

seramai 9,081 orang guru-guru yang sedang mengajar dalam sekolah-sekolah rendah di negeri Sabah. Sekali imbas ianya menunjukkan satu jumlah yang besar dan tidak sama sekali membayangkan sebarang masalah kekurangan tenaga pengajar yang berlaku, namun hakikatnya adalah tidak sedemikian.

Saya melihat masalah kekurangan guru di sekolah rendah di Sabah tambah meruncing apabila Kementerian Pendidikan mengambil langkah memberhentikan keseluruhan guru-guru sandaran bagi sekolah rendah di negeri Sabah sejak akhir tahun yang lalu. Tindakan ini telah mengakibatkan sekolah-sekolah rendah di luar bandar Sabah kekurangan guru dengan tiba-tiba. Saya ingin tahu apakah rasional kementerian terhadap tindakan ini. Adakah ianya diambil setelah kajian mendalam dijalankan? Saya yakin jika pendekatan ini diambil dengan mengambil kira bilangan guru-guru terlatih yang akan keluar daripada maktab-maktab perguruan dan keperluan guru-guru yang diperlukan akibat ketidaksambungan khidmat guru-guru sandaran ini diambil kira dengan terperinci tentu sekali masalah ini tidak berlaku dan dapat dielakkan.

Saya menyuarakan masalah kekurangan guru di sekolah rendah ini kerana menyedari hakikat bahawa ianya bukan sahaja menyulitkan malah sedikit sebanyak merencat minat seorang murid terhadap keperluan pendidikan dalam kehidupannya. Saya difahamkan banyak sekolah-sekolah rendah di luar bandar di negeri Sabah yang hanya terdapat 3 atau 4 orang guru untuk mengajar kelas-kelas tahun 1 hingga tahun 6. Bayangkan jika sebuah sekolah itu hanya ada 4 orang guru, tentu sekali dalam setiap waktu mengajar terdapat 2 buah bilik darjah yang tidak mempunyai guru. Dan sesungguhnya, inilah yang berlaku di beberapa buah sekolah di daerah Parlimen Beluran, sebuah daerah kecil luar bandar di negeri Sabah. Tetapi hakikatnya begitu juga, masalah yang sama didapati di beberapa buah daerah di luar bandar dalam negeri Sabah. Saya percaya, dan saya pernah bertanya dengan seorang guru besar yang terlibat, bagaimana beliau menyelesaikan masalah guru di sekolahnya, dan menurut beliau sekolahnya terpaksa mercantumkan kelas-kelas tahun 1 dan tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 dan seterusnya untuk ditangani oleh guru-guru yang ada.

Tuan Pengerusi, bayangkan jika perkara ini berlaku 30 tahun dahulu, tentu sekali ianya satu perkara yang biasa dan tidak perlu dijadikan isu. Tetapi untuk ianya berlaku ketika dunia melihat pengetahuan dengan abjad-abjad I, E dan K dan

sebagainya, tentu sekali ianya memerlukan satu tindakan menyeluruh dan langkah penyelesaian yang perlu diambil dengan serta-merta.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin mencadangkan sebagai tindakan jangka pendek, Kementerian Pendidikan hendaklah menimbang semula dengan serta merta untuk mengadakan semula khidmat guru sandaran ini khusus untuk sekolah-sekolah luar bandar dan pada yang sama menentukan kemasukan guru-guru pelatih dalam maktab-maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi mencukupi dan mampu menampung keperluan guru untuk jangka masa yang panjang. Saya juga ingin mencadangkan agar pengambilan guru-guru sandaran ini diambil di kalangan anak-anak muda di sekolah-sekolah rendah setempat. Tindakan ini perlu sekali agar ianya dapat mengatasi masalah kekurangan guru yang juga berlaku di sekolah-sekolah luar bandar.

Menyentuh tentang rumah guru luar bandar, tentu sekali rancangan peruntukan sebanyak RM1.35 juta seperti yang dinyatakan dalam Butiran 0800 jauh daripada mencukupi.

Saya ingin mencadangkan agar peruntukan ini ditambah biar hingga ke lima atau sepuluh kali ganda daripada jumlah yang dicadangkan. Rasional cadangan ini adalah kerana rumah-rumah guru sekolah luar bandar memangnya kurang, tidak mencukupi dan ada sesetengah sekolah itu ada rumah guru tetapi ianya di dalam keadaan yang perlu pembelaan segera. Penglibatan saya dalam khidmat kerajaan dan politik yang sudah menjangkau hampir 16 tahun, saya amat banyak melihat keperluan untuk mencari satu jalan penyelesaian terhadap masalah ini.

Yang terakhir saya melihat bagaimana rumah guru besar di sebuah sekolah dalam kawasan saya dan keluarganya terpaksa menggunakan Pusat Sumber Sekolah sebagai tempat tinggal kerana satu-satunya rumah guru yang dibekalkan sudah usang dan berbahaya untuk didiami. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mengambil satu usaha secara besar-besaran untuk memeriksa keadaan rumah-rumah guru di sekolah-sekolah luar bandar ini dan keperluan untuk membina rumah-rumah tambahan yang baru..

Data ini tentunya akan membantu untuk kementerian merancang keperluan Belanjawan terhadap perkara ini untuk tahun-tahun akan datang. Saya insaf bahawa masalah rumah guru dan kakitangan juga merupakan masalah yang dihadapi oleh

agensi-agensi kerajaan yang lain. Namun sebagai langkah pertama, saya rasa telah tiba masanya untuk kementerian menentukan agar rumah kediaman guru diwajibkan sebagai sebahagian daripada bangunan yang perlu dibina bagi pengwujudan mana-mana sekolah luar bandar di masa-masa akan datang.

Saya yakin jika rumah guru menjadi sebahagian daripada bangunan, masalah kediaman rumah guru, masalah tempat tinggal guru-guru tidak akan wujud di masa-masa akan datang. Saya yakin langkah ini akan merangsang komitmen guru untuk berkhidmat lebih gigih dan dedikasi. Walaupun mereka dihantar berkhidmat di mana-mana pelosok negara, baik di bandar ataupun di luar bandar.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 00101 – Prasekolah. Saya melihat bahawa untuk tahun kewangan 2000 ini, butiran ini tidak diuntukkan sebarang wang pembangunan. Kali terakhir ia menerima peruntukan ialah pada tahun 1991 dan 1995 iaitu sebanyak RM22 juta. Saya ingin tahu apakah tindakan kementerian ini selaras dengan rancangan kementerian untuk mewajibkan pendidikan prasekolah sebagai satu pendidikan seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini.

Saya bersetuju dan menyokong hasrat kementerian untuk mewajibkan pendidikan prasekolah di kalangan anak-anak murid yang akan melangkah ke alam persekolahan. Namun untuk merealisasikan kehendak ini, ianya harus disokong dengan peruntukan kewangan yang mencukupi. Bangunan-bangunan sekolah, rumah-rumah guru dan sebagainya hendaklah diwujudkan dan ini tentu sekali memerlukan peruntukan kewangan yang setimpal. Untuk menjayakan hasrat kerajaan, hasrat kementerian untuk mewajibkan pendidikan prasekolah ini, saya mencadangkan agar pendidika prasekolah di bawah terus pengawasan sekolah-sekolah kerajaan dan tidak melalui agensi kerajaan seperti KEMAS, seperti yang berlaku sekarang.

Saya tidak bermaksud untuk memperkecil-kecilkan kemampuan KEMAS dalam perkara ini. Usaha mereka untuk memberi pendidikan prasekolah terutama di kalangan anak-anak luar bandar, katakan ini amat berkesan. Namun untuk mewajibkan pendidikan prasekolah ianya hendaklah dikemaskinikan oleh Kementerian Pendidikan agar ianya mampu memberi peluang lebih ramai murid-murid terutama di luar bandar menghayatinya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong.

**11.22 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** 10 minit aje. *[Ketawa]* Rompin, saya akan ambil 10 minit saja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mengenai pendidikan, jangan pusing-pusing.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, saya tidak pusing-pusing. Halaman ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Kepong. Masa berjalan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, masa berjalan. Halaman 266, Butiran 020000 Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah dan juga Halaman 292 Perluasan rangkaian “Jaring Ilmu” untuk perpustakaan kementerian dan jabatan melalui internet.

Tuan Pengerusi, saya ada memperhatikan jawapan daripada Kementerian Pendidikan melalui Menteri, Timbalannya dan juga Setiausaha Parlimen, saya nampaknya adakalanya jawapan itu tidak begitu tepat dan boleh disifatkan tidak begitu jujur juga. Nampaknya cantik tetapi kadangkala tidak begitu cantik juga. Saya akan bagi satu contoh, ‘dilihat pulut, ditanak berderai’, itu masalah kita sekarang dan,

*Anak sibuk membilang jari,  
Satu, dua dan tiga,  
Ada sibuk berjalan kaki,  
Dalam dua tengah tiga.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Puisi ke prosa ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, ya, memang dalam dua tengah tiga. Itu masalah Kementerian Pendidikan juga. Misalnya, Tuan Pengerusi, saya nampak daripada penggunaan bahasa kita. Selain daripada kucar-kacir yang diwujudkan oleh pihak kerajaan mengenai bahasa baku, kita nampak – misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai begitu banyak kos. Semalam saya ada baca Dewan Bahasa dan Pustaka hendak bagi insentif orang ramai yang boleh menunjukkan di mana ejaan ataupun penggunaan tidak betul di kalangan ramai, boleh buat aduan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, kemudian akan diberi insentif secara buku-buku dan sebagainya.

Itu memang satu perkara yang boleh digalakkan tetapi saya seringkali sejak awal 90-an lagi menunjukkan di mana ada salah di tempat orang ramai seperti penggunaan “persiaran” untuk “pesiaran” untuk jalan di Lebuhraya Wilayah Persekutuan itu selepas plaza tol, kita nampak Persiaran Kayangan, Persiaran Selangor dan sebagainya. Entahlah, hampir 10 tahun pun dah tidak diubahkan – tidak

diambil turun untuk tukarkan kepada ejaan yang betul. Begitu juga dengan Jalan Sultan Salahuddin di sini, “pesiaran” dia ada dua belah – muka satu, dia ada “persiaran” dan muka yang lain, dia taruk “pe”.

Itulah caranya dan Dewan Bahasa dan Pustaka memang tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan. Itu masalah kita sekarang walaupun saya tunjukkan di sini berapa kali. Itu termasuk di bangunan yang baru untuk Majlis Perbandaran Melaka. Di situ ada “geraha makmur”. “Geraha” ini Sanskerta, digunakan di Indonesia. Tetapi bekas Ketua Menteri, dia gunakan “geraha” untuk tunjukkan kebolehan dan kepandaian bahasa dia. Tetapi ini bangunan orang ramai, tak patutlah kita gunakan “geraha” di dalam Kamus Dewan tidak dapat dicari. Tidak ada di dalamnya. Ini menunjukkan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak begitu berkesan.

Tuan Pengerusi, selepas itu saya hendak meminta pihak kementerian memastikan berapa ratus sekolah yang telah pun diumumkan tidak mempunyai bekalan elektrik. Bagaimanakah kerja untuk memberi bekalan elektrik kepada sekolah-sekolah. Saya setuju memang susah kadangkala di kawasan pedalaman, sama ada di Sarawak Sabah ataupun Semenanjung, ada kawasan yang terlalu terpencil dan susah untuk membekalkan elektrik. Apakah usaha dan projek kementerian untuk memperbetulkan keadaan, memandangkan kita hendak memperluaskan rangkaian “Jaring Ilmu” melalui internet kita sekarang.

Hendak gunakan internet, kita mesti adakan bekalan elektrik yang cukup untuk semua sekolah dan seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya di dalam peringkat sekolah menengah, kita adakan kajian menyeluruh untuk memastikan kepandaian ataupun kecerdikan murid-murid kita, pelajar-pelajar kita untuk menguasai bahasa-bahasa (*literacy rate*) – penguasaan bahasa dan juga celik membaca dan sebagainya, sebab walaupun ada angka yang diberikan mengenai buta huruf di negara ini tetapi saya nampak pihak Kementerian Pendidikan sendiri mungkin tidak tahu setakat mana *literacy rate* di dalam sekolah kita sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Kadangkala kita nampak pelajar-pelajar kita ada di dalam peringkat tingkatan tiga atau tingkatan lima, tidak begitu fasih di dalam bahasa sama ada Bahasa Malaysia, Inggeris ataupun di sekolah Cina, bahasa Mandarin dan sebagainya. Apakah tindakan yang telah diambil, walaupun kita ada peperiksaan penilaian di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, PMR, SPM tetapi bagi saya walaupun

ini boleh menunjukkan sedikit sebanyak tanda penguasaan bahasa penuntut-penuntut kita tetapi ini tidak mencukupi. Kita patut adakan, mungkin dalam tingkatan dua ataupun tingkatan empat, ada satu kajian menyeluruh untuk semua, lebih 8,000 sekolah di negara ini.

Kita adakan kajian menyeluruh ini untuk menentukan setakat mana penguasaan bahasa-bahasa di kalangan pelajar-pelajar Malaysia dan juga *literacy rate* di dalam Malaysia ini. Tidak gunalah kita adakan sekolah dan universiti kalau tidak ada penguasaan bahasa ataupun *literacy rate* begitu rendah. Dan bagi saya, walaupun pihak kementerian dia megah, memang ada perkara-perkara yang betul juga, dia buat kerana peruntukan bagi pendidikan RM14 bilion di masa krisis ekonomi memang satu perbuatan yang boleh disetujui oleh ramai tetapi adakalanya benda yang tidak baik – sistem peperiksaan negara kita mungkin kita mesti kaji dengan lebih teliti setakat mana dapat menilai kebolehan pelajar-pelajar kita di negara ini.

Saya berharap pihak kementerian dapat menyahut seruan pihak kita yang bernas membina dan memberi sumbangan kepada negara ini dan kalau tahun ini tidak dapat dilaksanakan kajian menyeluruh untuk mengetahui kepandaian penguasaan bahasa dan *literacy rate*, kita boleh laksanakan tahun kemudian dan sebagainya sebagai kajian menyeluruh tahunan, selain daripada peperiksaan-peperiksaan yang ada sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akhir sekali, ini mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai buku bagi murid-murid kita itu terlampau beratlah, *school bag too heavy* dan juga sekolah kita itu sekolah percuma. Tetapi dengan secara ringkas, Tuan Pengerusi, bagi satu contoh, di tiap-tiap sekolah mungkin ada sembilan jenis buku rumpaan dan mungkin kosnya dua tiga puluh ringgit lebih dan juga enam jenis yuran kutipan...

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya ingin tanya Yang Berhormat, rakan saya dari Kepong. Adakah beliau juga sedar bahawa ada satu pengakuan juga oleh Timbalan Menteri Pendidikan bahawa itu unified examination tidak diakui oleh mana-mana IPTS ataupun universiti di dalam negara ini baik pun kerajaan ataupun swasta.

Keputusan unified examination yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dalam negara ini tidak diterima kelayakannya ataupun resultnya tidak diterima sebagai kelayakan untuk masuk IPTS negara ini. Adakah ini benar dan jika benar, mengapakah keputusan ini dibuat. Saya difahamkan menurut Timbalan Menteri Pendidikan, keputusan itu dibuat pada 16 Jun tahun yang lalu, ini adalah mengejutkan saya kerana unified examination resultnya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Yang Berhormat ni, Kepong cakap lain tadi. Ini apa ni?

**Tuan Tan Kok Wai:** ...recognize all over the world.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya nak tanya juga, kalau nak tanya, tanya tentang beglah, Datuk Yang di-Pertua.

**Tuan Tan Kok Wai:** ....oleh beberapa ribu universiti dan IPTS....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, kalau nak tanya, tanya berkaitan dengan Keponglah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...tanya tentang beg bukan bab lain.

**Tuan Tan Kok Wai:** Mengapa tidak dapat diiktiraf dalam negara kita ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, cukup, cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong saya nak tanya juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tunggu, tunggu, saya bagi peluang kalau ada injury time. Bagi saya, bahagian Rompin, saya pun seronok juga Rompin pun berminat dengan masalah peperiksaan seragam sekolah tinggi persendirian ini, berminat pula, tunjukkan begitu ghairah kepada masalah mengapa pihak Kementerian Pendidikan mengarahkan supaya itu peperiksaan seragam sekolah tinggi persendirian ini dilarang daripada terima di IPTS dan juga IPTA.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat dah habis, Yang Berhormat. *[Beberapa orang Ahli Parlimen berdiri]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana nak habis, saya tak cuma itu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, terus.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, gulung.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Gulung, ya, cepat, cepat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cepat sikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dah cepat dah. Saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji semula keputusan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....keputusan untuk peperiksaan seragam itu dan Tuan Yang di-Pertua, saya nak habis dalam beberapa ayat lagi mengenai itu buku rampaian dan yuran dan kutipan setiap sekolah sehingga tiap-tiap murid mungkin tak dapat bayar untuk yuran dan kutipan RM25 dan ini termasuk Takaful, insuran Takaful pun ada monopoli Takaful di sekolah-sekolah dan juga itu buku-buku GAPEN.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat dah habis dah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dah habis dah? Terima kasihlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin.

**11.35 pagi**

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Kepong dia melarat, cakap beg sampai cakap peperiksaan. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong Perkara 020000, 030000, saya mohon menyentuh dua perkara Tuan Pengerusi.

Tentang isu pendidikan iaitu 020100 – Pengurusan Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah. Saya nak bawa dua isu Datuk Pengerusi. Dewasa ini kita melihat bahawa pendidikan kitalah, teras pendidikan kita lebih ke arah kita menghafal memorize rather than understanding atau pemahaman. Ini banyak kita dengar sikit keluhan daripada ibu bapa. Minta sedikit kementerian cuba kaji kembali adakah benar bahawa kita ini lebih mirip kepada menghafal, lebih amat mirip kepada keputusan peperiksaan tetapi kurang daripada isu pemahaman, the education itu sendiri. Bukan adakah bermakna kalau orang dapat 5A UPSR itu semestinya yang cemerlang dalam pendidikan. Ada dewasa ini orang mempersoalkan itu. Kita mungkin terlalu kepada merit kepada keputusan itu sahaja tetap juga kepada dari segi ilmiah, pemahaman dalam sekolah. Itu saya nak bawa satu perkara.

Perkara yang kedua oleh kerana masa tak banyak, saya ingin menyentuh sahaja yang keduanya ialah kita bimbang juga kita dengar bahawa minat kanak-kanak

sekolah rendah ini terutama di luar bandar, luar bandar orang Melayu luar bandar, orang India luar bandar, orang Tionghua luar bandar baru kurang minat mereka kepada mata pelajaran sains dan teknologi. Oleh kerana itu bila mereka ini sampai masa untuk memasuki universiti untuk kursus-kursus berbentuk sains dan teknologi amat kurang orang luar bandar melayu dan bukan melayu luar bandar yang keputusannya baik untuk memasuki kursus-kursus ini. Ini satu perkara yang amat membimbangkan terutama sekali dalam penekanan kita kepada the new economy, the k-ekonomi yang berasaskan kepada teknologi dan sains.

Saya minta sedikit pandangan ulasan daripada kementerian adakah ini benar keluhan daripada peringkat universiti, mereka menerima permohonan kualiti yang kita dapat untuk memasuki kursus-kursus enjin dan sains universiti ini dari segi mutu dan kualiti mereka daripada luar bandar yang mendapat keputusan yang baik dalam bidang sains dan ilmu hisab ini pada tahap yang membimbangkan. Saya minta sedikit pandangan kementerian dalam perkara ini.

Perkara yang ketiga Datuk Yang di-Pertua, ini ada kena mengena sikit dengan apa yang isu dibawa oleh apa tu yang mana bawa ni, lupa, Kuala Kedah ke? Ketua Pemuda PAS. Dia, Pokok Sena, minta maaf Yang Berhormat. Ini dia bawa itu kerana Sanggang. Saya nak bawa itulah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia berdiri Yang Berhormat, Pokok Sena berdiri.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini pertanggungjawapan guru-guru...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apa kena-mengena dengan Sanggang ni?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...pendidik-pendidik, bagi saya habis dulu. Ini ada sepuluh minit lagi. Pertanggungjawapan daripada pendidik-pendidik kepada profesion mereka. Kalaulah kita mahu melihat supaya guru-guru ini menjalankan tugas mereka, pendidik-pendidik ini menjalankan tugas mereka, mereka mesti menjalankan tugas mereka sebagai profesion mereka sebagai seorang pendidik, sama ada pendidik itu guru di sekolah rendah atau menengah atau pendidiknya di peringkat universiti. Bermakna kalau kita lihat dari segi kualiti

mereka, masa mereka mengajar mestilah kepada kalau mereka ini guru Sains, mengajar Sains, guru Matematik mengajar Matematik. Mereka yang di universiti mengajar Geoglogi atau Geografi tetapi kadang-kadang kita bimbang kerana mereka ini mengambil kesempatan masa yang dibayar, gaji mereka seorang sebagai pendidik, kemudahan diberi kepada mereka sebagai seorang guru menggunakan komputer, menggunakan kemudahan yang lain digunakan aktiviti yang tak ada kena-mengena dengan pendidikan.

Kalau ada masa dia tolong orang yang sakit, bawa pergi hospital, pergi ke kampung masa mereka yang ada itu hujung minggu, membantu yang miskin, Alhamdulillah. Tetapi hujung minggu ini membuatkan kerja-kerja politik yang kerana dihasut oleh yang sebelah sana. Ini saya minta bidang mereka-mereka, persatuan guru-guru, pendidik-pendidik kaji kembali peranan ini. Kalau adakah mereka ini kita benarkan gaji yang dibayar kemudahan diberi untuk mendidik, untuk menjadi kita guru yang baik, profesor yang baik, gaji dibayar oleh rakyat ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tapi masa yang kita gunakan itu untuk aktiviti-aktiviti yang tak ada kena-mengena dengan profesionalisme mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta...terima kasih, kita berjumpa di Sanggang malam ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi, dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya persoalkan ini...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ada guru-guru yang sokong...*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bukan, ini isunya yang dibayar gaji oleh rakyat untuk menjadi pendidik yang baik, dibayar gaji oleh .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Dibayar gaji oleh rakyat ...tetapi menyokong UMNO.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** oleh rakyat untuk mengajar Fizik dan Chemistry.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dah lah tu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi komputer yang diberi itu, Internet kemudahan yang diberi itu untuk mengajar tetapi apa digunakan itu to download fitnah-fitnah oleh parti-parti tertentu. Ini sebenarnya hakikatnya yang mereka ini gunalah melalui network dia itu yang dimulakan di luar negeri. Saya tahu kawan saya di sana, kawan saya masa di universiti juga, dia balik ke mari, ditangkap buat usrah, daripada usrahlah dicucuknya. Ini saya ingat ini saya mengesyor mereka- mereka ini dalam bidang yang betul-betul yang baik, disanjung oleh rakyat, menjadi satu pendidik yang betul-betul dinilai oleh rakyat, adakah kita mahu diri kita sebagai guru...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena berdiri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...sebagai profesion dipersoalkan oleh rakyat bahawa kita telah menggunakan masa kita yang dibayar oleh rakyat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tak beri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tak bagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Lepas ini jumpa di Sanggang. Dia panas telinga...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apa...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita jawab di Sanggang malam ini, peti undi mana, Yang Berhormat pergi peti undi, saya pergi sebelah, tak ada masalah, kita boleh jawab soalan ini malam ini. Tetapi bagi saya masa sudah habis, saya mempersoalkan di Dewan yang mulia ini, saya menyeru kepada badan-badan guru-guru dan pendidik-pendidik persatuan-persatuan mereka, tanya diri

mereka adakah kita ini sebagai pendidik menjalankan tugas kita, tanggungjawab kita sebagai pendidik yang direndah Allah S.W.T. Menggunakan masa yang diberi, gaji yang dibayar itu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai pendidik. Tanya diri sendiri, jangan kita terhasut oleh mana-mana pihak oleh kerana kepentingan politik tertentu. Ini kalau boleh saya nak tekankan isu ini, ada masa lagi, kita akan ulas di Sanggang malam ini. Bagitahu di peti undi mana kita berjumpa.

Perkara yang satu lagi Datuk oleh kerana nak bahas banyak lagi tetapi ada dua tiga perkara lagi. Infrastruktur, kita tidak mahu lagi melangkah dekad 2000 ini dengar di kampung-kampung, ada sekolah tak ada rumah guru, kita dengar di kampung-kampung lagi, ada guru Sains, guru Hisab tapi yang sebenar itu guru Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu mengajar Sains dan Ilmu Hisab, malu kita dalam melangkah dekad 2000 ini. Kalau tidak nanti kalau kerajaan tak bela ini, depa sana gunakan ini untuk kita menghasut mereka supaya mengundi untuk mereka.

Yang sebenar, kerajaan itu bertanggungjawab. Saya minta semuanya yakin kerajaan dah buat tapi malah ada kelompok-kelompok yang tertinggal itu ataslah ia, selesaikan masalah ini secepat mungkin.

Perkara yang satu lagi, keciciran. Alhamdulillah, syabas kepada Kementerian, syabas kepada guru-guru, keciciran di luar bandar pada tahap yang amat kurang sekali, syabas pada guru-guru. Majoritinya baik, majoritinya melaksanakan tugas mereka tak kira siang dan malam, saya tahu, kita semua tahu. Syabas kepada mereka. Kalau dahulu kita dapati bahawa kalau 5A itu UPSR, orang Melayu tidak ramai tetapi boleh dikatakan Alhamdulillah, yang 5A, yang A yang tinggi-tinggi tingkatan tiga, keputusan yang baik seimbang mengikut penduduk di negara ini. Ini yang sebenarnya ialah kejayaan kerajaan Barisan Nasional, belah sana kena terima, walaupun belah sana mungkin tak boleh terima dalam masa seminggu tak apalah, tapi minggu depan kena terima.

Tetapi, ha ini tetapi sebab dia risau 300 orang pengundi Sanggang yang Orang Asli, depa risau, ini orang katalah, belah sana dah pakai tokey-tokey yang disponsor oleh satu parti supaya angkut Orang Asli supaya jangan mengundi. Ha, ini taktik dia [*Ketawa*]. Ini kata orang ya, saya tak tahu. Ini kata orang, saya dengar di kedai kopi. Keciciran untuk Orang Asli, saya minta, sebab masyarakat Orang Asli ini juga rakyat Malaysia. Ini nanti akan memalukan negara kita, memalukan kita semua, kalau orang mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli ini kita tidak bela, yang sebenar kita bela

tetapi mungkin yang kita perlu ialah tidak boleh pakai formula yang sama, yang telah berjaya kita meningkatkan maruah dan martabat pendidikan kita anak luar bandar, anak-anak Melayu dan bukan di luar bandar Alhamdulillah kita naikkan martabatnya tetapi mungkin pendekatan yang berbeza kita perlu untuk masyarakat Orang Asli. Saya bimbang Datuk Yang di-Pertua, tak tahulah Maran ada Orang Asli, ada ya? ada Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ada, tapi tak begitu banyak macam rompin. Kecicirannya masuk darjah satu, ambil UPSR tak lebih daripada 50%, tercicir separuh sebelum naik darjah enam. Lepas itu yang masuk universiti itu lagi banyak cicir, tolong kementerian ambil satu pendekatan yang structure, yang barulah bagaimana kita dapat membela masyarakat Orang Asli ini.

Satu lagi perkara Datuk Yang di-Pertua, pengajaran agama sekolah-sekolah ini. Ini satu lagi. Dia masa belajar di Jordan dia dah pergi berjumpa dah masa cuti sekolah, tidur di.. kawan saya tak tahu siapalah, kawan belah manapun kita tahulah sebab katakan saya tuduh pula naik 36(6). Dia pergi Jordan, dia tidur sekali. Dia balik berjumpa lagi lepas tu mengajar di sekolah sebagai pensyarah agama.

Saya syorkan semua guru sekolah rendah, menengah ataupun universiti yang mengajar agama mesti ditauliahkan oleh Jabatan Agama Negeri. Mungkin dia guru tetapi dia mesti dapat permit daripada Jabatan Agama kalau tidak, dia tidak dibenarkan mengajar agama di sekolah-sekolah ataupun di universiti-universiti sebab apa, ini nanti akan ....., kawan kita di sebelah sana ini, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, Alhamdulillah, 'Seri' belum? Tidak lama lagi 'Seri'. Ini bapanya dulu menteri, ya. Pembela, pejuang UMNO dahulu, anaknya semalam saya tengok macam anak singa juga, itu Alhamdulillah. Kalau bapanya singa, anaknya pun kita mahu singa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Teruskan, ya. Saya minta, terpulang kepada kementerian. Mereka yang mengajar agama ini kadang-kadang di sekolah ada masjidnya, ada suraunya ya, saya dengar hujung-hujung telinga ini, masa ini di kuliah-kuliah Subuh, kuliah-kuliah Maghrib diselitkan agenda-agenda tertentu ini. Di kelas darjah ia tidak berani tetapi apabila ada kuliah Maghrib,

kuliah Subuh ini, yang masuknya guru-guru agamanya sendiri, tidak semua, segelintir sahaja. Saya tidak kata semua. Semuanya baik, semua guru pendidikan semuanya baik, ada satu, dua segelintir yang telah dihasut oleh orang tertentu. Saya minta supaya mereka yang mengajar agama, sekolah rendah, menengah dan universiti mesti ditauliahkan oleh Jabatan Agama Negeri sebab kita tidak tahu, biar Jabatan Agama Negeri ini mengesahkan bahawa mereka ini mengajar dengan baik atau telah dipengaruhi, Kalau sudah dipengaruhi kita perbetulkan mereka. Ini saya minta komen ataupun penghayatan daripada kementerian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Gulung. Okay, yang terakhir.

Yang terakhir ialah dari segi kolej komuniti. Syabas kepada kementerian hendak adakan di peringkat tiap-tiap daerah, saya mengucapkan syabas tetapi kalau boleh percepatkannya. Mungkin kalau kita hendak buat semua dengan pendekatan yang ada, iaitu mesti ada bangunan yang baru, kelas yang baru, alat yang baru, guru baru. Probably lima tahun lagi, belum tahu lagi. Tetapi mengapa tidak menggunakan pendekatan yang kita kata, ala moden ini? Mungkin kita menggunakan kelas-kelas, sekolah-sekolah di daerah itu yang ada, kelas-kelas menengah yang ada, makmal-makmal sekolah menengah atau makmal sekolah teknik yang ada, buat sebelah petang dan malam. Mengapa aset pendidikan itu tidur lepas Zohor? Mengapa tidur lepas Maghrib dan Isyak? Mengapa tidak digunakan masa ini untuk kelas? Sekarang ini kita sudah ada universiti 24 jam melalui Internet. Mengapa kita mengikut konvensional bahawa sekolah itu mesti mula pukul 7.30 pagi mesti berakhir lepas Zohor, lepas itu tidur.

Aset ini amat berharga sekali berbilion-bilion mengapa tidak kita gunakan aset ini supaya juga digunakan untuk pendidikan orang ramai. Orang ramai Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dahagakan pendidikan. Amat dahagakan pendidikan..., luar bandar, tetapi mereka tidak mampu pergi ke Kuala Lumpur, masuk institusi pengajian awam atau swasta. Pertama, membayar tuisyennya; yang kedua saraan hidupnya. Why not bawa universiti, bawa institusi kepada mereka. Jangan

mereka datang kepada institusi. Kita turun ke bawah kepada mereka. Ini cabaran yang baru dalam dunia IT. Kalau dalam konsep korporatnya, kita pergi kepada *customer* kita dengan izin. Mengapa tidak juga kerajaan, negara kita, institusi pendidikan kita turun ke bawah kepada rakyat, jangan rakyat kepada kita. Saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pengkalan Chepa.

**11.47 pagi.**

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin cakap dengan ringkas sahaja iaitu merujuk kepada Butiran 070000 - Pendidikan Swasta; Butiran Kecil 070400 - Penguatkuasaan, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian tentang pelaksanaan dasar kerajaan di IPTS yang ada di dalam negara kita terutamanya daripada segi pelaksanaan, kursus-kursus kenegaraan dan juga tamadun Islam dan Bahasa Malaysia yang mengikut apa saya difahamkan menjadi salah satu komponen yang wajib diperkenalkan di IPTS ini. Saya ingin tahu setakat ini bagaimanakah pelaksanaannya dan apakah IPTS yang ada di negara kita ini telah mematuhi kehendak-kehendak ini dan kalau ada IPTS yang melanggar peraturan ini, berapakah bilangan IPTS yang melanggar peraturan ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi keadaan ini?

Perkara yang kedua, di bawah Butiran ini ialah saya menerima aduan daripada beberapa pihak yang mendakwa bahawa wujudnya diskriminasi terhadap pelajar-pelajar bumiputera di IPTS terutamanya di Universiti Telekom Malaysia (UNITEL) di Ayer Keroh. Dan saya diberitahu amat sukar bagi pelajar-pelajar bumiputera yang ada di UNITEL ini untuk memperolehi keputusan yang baik dan cemerlang di dalam peperiksaan mereka kerana seolah-olahnya macam ada satu usaha untuk menafikan peluang kepada pelajar-pelajar bumiputera daripada mencapai keputusan yang baik. Dan sebab itu amat sukar bagi mereka untuk masuk ke dalam senarai dekan (dean's list) dan hampir tidak ada pelajar-pelajar bumiputera yang berjaya mencapai ataupun memasuki senarai tersebut. Jadi, saya memohon kepada pihak kementerian supaya menyiasat dakwaan ini dan kalau benar dakwaan ini berlaku, saya mengharap supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang tegas terhadap pengurusan universiti ini.

Kemudian Butiran 030000 'One Off', Butiran Kecil 030200 - Pembelian Koleksi Pusat Sumber Manusia di Ohio dan Leiden. Saya minta penjelasan daripada

pihak kementerian tentang butiran ini. Apakah yang dibeli dan apakah bentuk koleksi sumber manusia ini dan minta perjelasan tentang item dan barangan yang dibeli di bawah butiran ini? Saya juga ingin tahu tentang kepentingan koleksi ini yang memerlukan jumlah wang yang agak besar kalau tidak silap saya, RM50,000 untuk dibeli dan kemudiannya apa kepentingannya kepada kementerian dan juga kepentingannya kepada negara kita.

Perkara yang terakhir iaitu Butiran Kecil 330600 - Pengurusan Kolej Matrikulasi. Semalam Ketua Pembangkang ada menyebut tentang masalah yang berlaku di kolej matrikulasi di mana pihak kementerian kononnya ingin melaksanakan program matrikulasi ini sendiri tetapi pada hakikatnya yang berlaku kita melihat bagaimana program matrikulasi ini di'franchise'kan ataupun dalam istilah yang agak kasar sedikit, dipawahkan. Pelajar-pelajar matrikulasi ini dipawahkan kepada kolej-kolej yang tertentu dan sebahagian besar daripada kolej-kolej ini tidak mempunyai kemudahan yang cukup, kemudahan infrastruktur yang cukup untuk pelajar-pelajar. Dan ada sebahagian daripada kolej matrikulasi ini belajar hanya di atas kedai sahaja, bangunan kedai di tingkat atas dan tidak ada kemudahan-kemudahan yang lain. Sebahagian daripada para tenaga pengajar yang ada di kolej-kolej ini tidak ada mempunyai kelayakan yang cukup dan mereka hanya mengajar sekadar untuk memenuhi kehendak lahirnya sahaja dan banyak sukatan-sukatan pelajaran yang tidak dihabiskan.

Saya mendapat pengaduan daripada pihak universiti sendiri kerana soalan-soalan bagi program matrikulasi ini biasanya disediakan oleh pensyarah-pensyarah di universiti. Jadi, sedangkan yang mengajar itu bukan pensyarah-pensyarah universiti melainkan tenaga pengajar yang dipilih oleh kolej-kolej yang berkenaan. Jadi, pensyarah-pensyarah universiti ini menyusun soalan itu berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditentukan, kurikulum yang ditentukan. Sedangkan tenaga-tenaga pengajar ini mengajar hanya mengambil bahagian-bahagian tertentu sahaja dan mengharapkan kepada soalan-soalan spot untuk membantu. Saya diberitahu ada sebahagian daripada tenaga pengajar ini apabila dekat sahaja peperiksaan telah menghubungi pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam penggubalan soalan ini di universiti dan minta hint tajuk mana yang hendak keluar dalam peperiksaan tersebut. Inilah mungkin sebab berlaku baru-baru ini kita dengar kekecohan di kolej-kolej matrikulasi di mana ramai

pelajar yang merungut dan gagal dalam peperiksaan kerana soalan yang keluar itu mereka tidak pun belajar tajuk-tajuk yang berkenaan.

Perkara ini berlaku oleh kerana keadaan inilah - yang mengajar orang lain dan mengajar pula secara sambil lewa sedangkan yang menggubal soalan itu orang yang lain yang mengikuti sukatan pelajaran. Itu yang menyebabkan baru-baru ini kita dengar bagaimana keadaan yang berlaku hampir di seluruh Malaysia dan salah seorang saudara saya sendiri pun terlibat dalam perkara ini - yang menjadi pelajar itu sehingga balik ke rumah menangis, tidak dapat menjawab soalan kerana tidak pernah belajar pun, di kolej itu tidak pernah diajarkan tajuk yang berkenaan.

Jadi, saya mintalah supaya perkara ini diberi perhatian yang serius oleh pihak kementerian dan kalau perlulah, kalau pihak kementerian tidak mempunyai kemampuan apa salahnya kita kembalikan program ini kepada pengurusan pihak universiti-universiti tempatan supaya lebih baik seperti mana pada masa-masa yang lepas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong. Selepas ini menteri menjawab.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian masa tidak cukup. Saya hanya memberi pandangan. Kalau ada apa yang belum disentuh, bolehlah minta penjelasan kepada menteri. Jadi, bendanya itu lebih kurang samalah sebab saya perhatikan apa yang dicakapkan ini sudah banyak dibangkitkan. Jadi, kita sudah tinggal, tidak banyak masa, sudah tidak dapat hendakkejar. Jadi itu sebab keputusan saya buat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya rasa perlu diberikan sebab kementerian-kementerian yang penting yang menyentuh soal aset ....negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini Yang Berhormat di antara yang terbanyak ini, sudah tiga belas orang. Selalunya ada tujuh, lapan orang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab perkara-perkara khususnya saya hendak sentuh perkara-perkara yang belum disentuh oleh rakan-rakan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau ada berkaitan dengan menteri jawabnanti, boleh Yang Berhormat bangkit minta penjelasan. Itu pandangan saya dan itu adalah keputusan sayalah. Saya harap begitulah Yang Berhormat. Ya, minta Parit Sulong

**Tuan Lim Hock Seng:** Jabatan Pendidikan banyak memerlukan .....belanja  
.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, serupalah sebab benda ini banyak perkara yang hendak disentuh.

**Tuan Lim Hock Seng :** Mungkin lima minit untuk setiap orang lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya ingat lebih baik masa penjelasan boleh minta penjelasan. Perkara ini banyak disentuh.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, saya risau nanti Setiausaha Parlimen tidak memberi laluan untuk beri penjelasan.

**Seorang Ahli:** Ya, dia tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya tidak boleh jaminlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lima minit seorang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat .

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, mana ada peluang untuk kita menyuarakan masalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau minit pun kali dengan berapa, panjang Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lima minit cukup, lima minit seorang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Yang Berhormat. Saya minta Parit Sulong.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, mana ada.....

**Seorang Ahli:** Kalau menteri sendiri jawab saya ingat sempat. Tetapi kalau Setiausaha Parlimen jawab dia merapu lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Janganlah buat macam itu Yang Berhormat. Ini benda sudah berulang-ulang.

**Puan Fong Po Kuan:** Tetapi Tuan Pengerusi ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduklah, sila duduk.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, oleh kerana tempoh waktu yang amat suntuk, saya memohon izin membahaskan Kepala B. 020000 mengenai Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah; B. 030000 mengenai Pendidikan Teknikal; B. 030200 mengenai Pendidikan Teknik dan Vokasional; B. 030300 mengenai Kurikulum Teknikal dan Vokasional; B. 060000 mengenai Pendidikan Tinggi dan B. 070000 mengenai Pendidikan Swasta secara sekaligus.

Tuan Pengerusi, hari ini terdapat 4.7 juta rakyat Malaysia yang sedang belajar di institusi pengajian dan sekolah milik kerajaan. Sebanyak 61% dari jumlah tersebut menuntut di sekolah rendah, 36% di sekolah menengah dan bakinya 3% di institusi pengajian tinggi awam. Pada waktu yang sama, ramai lagi pelajar bukan bumiputera menuntut di sekolah bukan kerajaan termasuk di sekolah Cina persendirian.

Hasil satu kajian oleh pihak Gabungan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera tahun lalu mendapati bahawa kadar keciciran murid di peringkat rendah hingga ke peringkat pra-SPM di dalam negara ini adalah amat membimbangkan.

Contohnya, dari sejumlah 2.982 juta rakyat Malaysia di dalam lingkungan umur 7 hingga 12 tahun, hanya 96.4% atau 2.875 juta sahaja yang mendaftar di sekolah rendah. Hakikat ini mengundang satu pertanyaan yang *basic*, iaitu mengapakah terdapat lebih kurang 107,000 anak-anak bangsa yang tidak belajar di sekolah rendah? Di manakah silapnya sehingga hakikat seperti ini boleh terjadi?

Pada waktu yang sama, dari sejumlah 2.433 juta rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun, hanya 70% atau 1.70 juta sahaja yang sedang menuntut di sekolah menengah. Sekali lagi saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kerajaan, kenapakah terjadi sedemikian? Mengapakah seramai 730,000 pelajar tidak menuntut di sekolah menengah?

Selanjutnya, dari seramai 2.149 juta rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 18 hingga 22 tahun, hanya 7% atau 154,000 sahaja yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam. Selebihnya, hanya 9.3% atau 200,000 sahaja yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta. Dan dari jumlah pelajar di institusi pengajian tinggi swasta ini, 85% adalah bukan bumiputera.

Perangkaan pelajar di IPTA dan IPTS seperti yang saya huraikan di atas tadi, menunjukkan bahawa 16.4% rakyat Malaysia di dalam lingkungan kategori umur

antara 18 hingga 22 tahun menuntut di peringkat pasca sekolah menengah. Dari jumlah tersebut, 42% adalah pelajar bumiputera dan 58% adalah pelajar bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya berharap semoga Kementerian Pendidikan mengkaji hakikat di atas secara terperinci. Kajilah apa sebabnya terjadi keciciran di peringkat rendah, menengah dan juga di peringkat pengajian tinggi. Dan mengapakah pelajar bumiputera di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta khususnya adalah lebih kecil berbanding dengan bukan bumiputera.

Saya juga menggantungkan harapan yang tinggi kepada Kementerian Pendidikan semoga jurang perbezaan jumlah pelajar bumiputera berbanding bukan bumiputera di institusi pengajian awam dan swasta ini diatasi secara berkesan dan segera.

Di dalam perbincangan-perbincangan saya baru-baru ini saya telah pun menghuraikan beberapa masalah yang menghalang kemasukan pelajar bumiputera ke institut pengajian tinggi swasta. Antaranya ialah masalah kewangan.

Masalah kedua dan fundamental pada pendapat saya, ialah kelemahan pelajar bumiputera di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Hakikat ini boleh diatasi sekiranya Kementerian Pendidikan dan juga Usahawan Pendidikan menyediakan kursus-kursus jangka pendek di dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut sebelum pelajar terbabit disalurkan ke IPTS ataupun pendidikan teknikal dan vokasional.

Langkah-langkah jangka panjang telah pun saya huraikan dalam ucapan-ucapan saya yang lalu. Banyak kisah-kisah kejayaan di bidang memberi kursus jangka pendek di dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang telah pun dilaksanakan secara kecil-kecilan oleh pihak Universiti Teknologi MARA dan juga beberapa institusi pendidikan di bawah jagaan MARA, hasilnya terbukti amat menggalakkan.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan sewajarnya mencari pendekatan segera untuk menganjurkan kursus jangka pendek di bidang Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk pelajar peringkat SPM yang lulus SPM untuk membolehkan lebih ramai anak-anak bumiputera melanjutkan pendidikan ke IPTS dalam peringkat diploma dan ijazah. Ini relevan sekali dengan

hasrat kerajaan untuk melatih lebih ramai tenaga kerja mahir di zaman k-ekonomi yang kian mencabar.

Tuan Pengerusi, kerajaan juga perlu mengkaji seluruh bentuk kelemahan institut pengajian tinggi swasta bumiputera. Saya membangkitkan hakikat ini kerana daripada 564 IPTS di negara ini sekarang, hanya 17.6% adalah milik bumiputera. Selebihnya, 86.9% adalah dimiliki oleh bukan bumiputera. IPTS bumiputera pula terpaksa berebut-rebut mendapatkan pelajar seramai 24,000 setiap tahun yang ditaja oleh MARA ataupun pelajar-pelajar yang menjalani program berkembar ataupun program-program matrikulasi sebagaimana yang disebutkan oleh Pengkalan Chepa sebentar tadi.

Sementara itu, hanya 32.9% pelajar bumiputera menuntut di IPTS bumiputera dan 65.6% pelajar bukan bumiputera menuntut di IPTS anjuran bukan bumiputera. Dari keseluruhan IPTS milik bumiputera dan bukan bumiputera pula, hanya 107 buah sahaja atau 19% yang memiliki kampus sendiri, 63 buah atau 11.2% beroperasi dari bangunan khusus, ia bangunan terasing tetapi bukan kampus dan 394 buah atau 68.5% menggunakan kompleks pejabat, rumah kedai dan rumah sebagai premis pendidikan.

Berdasarkan masalah dan hakikat di atas, kerajaan hendaklah mengambil inisiatif membela usahawan pendidikan bumiputera supaya mereka boleh beroperasi secara menguntungkan menerusi pendekatan seperti berikut:

- (i) IPTS bumiputera hendaklah diberi bantuan modal menerusi sebuah dana khusus yang boleh dikenali sebagai Dana Pembangunan Usahawan IPTS Bumiputera. Dana ini akan membolehkan usahawan IPTS bumiputera meningkatkan prestasi dan prasarana pendidikan di IPTS mereka. Dana tersebut hendaklah merangkumi juga skim pembiayaan prasarana, skim modal kerja dan juga skim galakan cukai, skim peningkatan tenaga pengajar dan sebagainya.
- (ii) IPTS bumiputera hendaklah diberi status Kolej Komuniti selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan kolej tersebut dalam tempoh yang paling singkat ini. Setelah mendapat taraf Kolej Komuniti, IPTS bumiputera hendaklah diberi tanggungjawab membekalkan pendidikan jangka pendek kepada pelajar bumiputera yang memerlukan pementapan

dalam bidang Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik sebelum pelajar terbabit disalurkan ke peringkat diploma dan ijazah sebagaimana saya sebutkan tadi. Hakikat ini penting dilaksanakan kerana setiap tahun hampir 160,000 hingga 200,000 pelajar bumiputera lulusan SPM tercicir dari pendidikan tinggi kerana kelemahan di dalam bidang Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, sesetengah kursus anjuran swasta yang dibiayai oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) juga boleh diagihkan kepada IPTS bumiputera. Ini membolehkan IPTS bumiputera bertaraf Kolej Komuniti memperolehi sumber pelajar yang berbagai di samping pelajar matrikulasi, program berkembar ataupun pelajar-pelajar program jarak jauh. Kalau tidak, IPTS bumiputera ini hanya bergantung kepada Kementerian Pendidikan dan MARA dan ini menjadikan mereka tidak boleh merencamkan dia punya 'cash low' secara efisien.

- (iii) Kerajaan hendaklah menubuhkan dana khas untuk pelajar bumiputera menuntut di IPTS dalam kursus-kursus jangka pendek, kursus sambilan, kursus persediaan dan kursus-kursus profesional, teknikal ataupun vokasional di peringkat sijil, di peringkat diploma dan di peringkat ijazah. Dana tersebut boleh diwujudkan dengan mengarahkan ataupun meminta jasa baik institusi perbankan memberikan pinjaman tanpa faedah yang dijamin sendiri oleh para pelajar mengikut model CGC. Pinjaman tersebut mesti dibayar balik oleh pelajar setelah mereka bekerja menerusi potongan gaji oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pihak kerajaan boleh menentukan corak kursus yang layak mendapatkan pinjaman tersebut.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan-pandangan dan cadangan saya, mudah-mudahan perkara ini akan memberi pembelaan yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar bumiputera dan juga usahawan IPTS bumiputera.

Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setiausaha Parlimen sila jawab.

**Puan Fong Po Kuan:** Jika boleh saya merayu, saya diberi tiga minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh, kalau saya beri seorang kena beri semua.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini adalah masalah bagi pelajar-pelajar duduk di atas sana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Semua serupa, semua ada masalah yang sama.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini masalah lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah putuskan.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini untuk pemimpin masa depan. Tuan Pengerusi, jika boleh saya hanya mahu dua minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh, kalau yang lain minta semua nanti macam mana saya, tidak boleh....

**Puan Fong Po Kuan:** Dua minit sahaja, ini adalah ikhlas, masalah ikhlas, bukan main-main politik di sini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya pun tidak main politik, Pengerusi lagi tidak boleh main politik. Sila menteri jawab. Minta maaf Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini memang masalah sekolah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta maaf Yang Berhormat, yang lain akan saya beri keutamaanlah, kalau Yang Berhormat hendak penjelasan saya beri belaka.

**Puan Fong Po Kuan:** Boleh Tuan Pengerusi buat satu ruling Setiausaha Parlimen mesti beri laluan jika diminta.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya tidak bolehlah, tetapi saya harapkan dia akan beri.

**Puan Fong Po Kuan:** Macam ini kami mana boleh suarakan masalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya dengar pun benda yang serupa, sila jawab menteri. Minta maaf, saya kasihan semua Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, saya umur lebih muda, saya faham masalah pelajar-pelajar sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya faham, saya faham.

**Puan Fong Po Kuan:** Kalau faham boleh beri dua minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat, sila menteri jawab. Terima kasih Yang Berhormat. Sila jawab menteri.

**12.08 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana hari ini saya juga akan menjawab semua soalan dan kita lihat bagaimana ramai Ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian membahas mengenai Belanjawan kita terhadap pendidikan. Saya juga merasakan bahawa teguran dan pandangan yang membina dalam perdebatan Belanjawan bagi Kementerian Pendidikan dalam Dewan ini sejak kelmarin adalah begitu baik dan ada juga pandangan-pandangan yang kita terima dengan hati yang terbuka.

Kementerian Pendidikan sentiasa peka bahawa setiap ringgit yang dibelanjainya merupakan peburan atau perbelanjaan yang sangat penting bagi masa depan anak bangsa dan negara kita. Melalui pendidikanlah kita mengasuh, mencorak dan membentuk rakyat yang diperlui untuk menyara masa depan negara dan dalam semua bidang, pertumbuhan ekonomi, kestabilan sosial, keselamatan negara dan lain-lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan akan dibelanjakan dengan sebaik mungkin. Kerajaan sedar dalam mengimplimentasikan dasar pendidikan mungkin terdapat kelemahan di sana sini. Di sinilah pentingnya teguran dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan terima semua teguran dan pandangan dengan ikhlas dan dengan ha ti yang terbuka.

Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Benut bertanya berkenaan dengan Community College, dengan izin, dan meminta supaya didirikan lebih banyak lagi sekolah-sekolah berasrama penuh. Idea Community College adalah sesuatu yang baru di Malaysia, Kementerian Pendidikan masih lagi pada peringkat mengkaji

keperluannya, memahami konsep dan falsafahnya dan menggaris panduan baginya. Terdapat pada hari ini pelbagai institusi pengajian tinggi dan kolej-kolej sama ada awam atau swasta. Di manakah tempatnya serta fungsinya Community College di kalangan institusi-institusi pengajian dan kolej-kolej yang telah sedia ada hendaklah dikaji dengan teliti.

Kita tidak boleh mengambil sikap 'laissez faire', dengan izin, dalam mengolah keperluan pendidikan negara. Berkenaan sekolah-sekolah asrama penuh memanglah hasrat kerajaan untuk memberi segala keselesaan bagi anak-anak bangsa kita dalam pembelajaran mereka dan sekolah asrama penuh adalah amat selesa. Tetapi peruntukan kita terhad dan terpaksa diagih-agihkan, kerajaan akan terus mendirikan, kita beri jaminan di sini sekolah-sekolah berasrama penuh di masa hadapan tetapi ia tertakluk kepada kemampuan dan keperluan kita.

Kemudian Yang Berhormat bagi Sungai Benut juga telah bertanya kita mengenai dengan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Boleh Yang Berhormat beri peluang kepada saya? Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tadi mendengar Yang Berhormat menyebutkan bahawa kerajaan memang berusaha untuk memberi keselesaan kepada sekolah berasrama penuh. Saya ingin minta laluan di sini untuk mengatakan kepada Yang Berhormat dari segi pembaikpulih sekolah-sekolah berasrama penuh, saya faham bahawa kementerian di dalam usaha untuk membaikpulih kadang-kadang telah pun mengadakan satu peraturan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor TPU, kalau saya tidak silap TPU, dan adakah kementerian mengetahui bahawa ada sekolah-sekolah yang dibaikpulih tidak dapat siap di dalam jangka masa yang ditentukan tambahan pula bagi sekolah berasrama penuh seperti Sekolah Sains Tuanku Syed Putra di Perlis, saya sebagai Pengerusi PIBGnya di mana setelah penggal persekolahan dibuka pembaikpulih yang diberikan oleh kementerian tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang telah pun ditetapkan.

Ini menyebabkan masalah saya rasa berlaku juga di sekolah-sekolah yang lain dan banyak juga sekolah-sekolah yang saya difahamkan bahawa pembaikan pulih

sekolah-sekolah ini tidak dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan oleh kementerian.

Saya minta kementerian mengkaji semula dari segi pemberian kepada kontraktor-kontraktor bermasalah ini kerana ia menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar itu sendiri. Tambahan pula bagi sekolah berasrama penuh apabila asrama tidak siap, bilik-bilik darjah tidak dapat disediakan dan pelajar-pelajar 24 jam berada di sekolah berkenaan. Ini menimbulkan satu tekanan kepada pelajar-pelajar dan juga kepada guru-guru yang mengajar.

Saya minta supaya pihak kementerian dapat memberikan perhatian kepada pembangunan infrastruktur terutamanya pembaikpulihan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor ini supaya diberi kepada kontraktor-kontraktor yang benar-benar berwibawa dan dapat menyelesaikan di dalam jangka masa yang ditetapkan kerana percutian sekolah ada satu jangka masa yang khusus, jika sekiranya tidak siap dalam masa yang berkenaan, pelajar dan guru terpaksa menanggung tekanan untuk mereka meneruskan pembelajaran. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Memang kita akan mengambil tindakan seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat bagi Arau. Di sini saya sendiri akan membawa perkara ini kepada perhatian kementerian supaya kontraktor yang hendak diberi kontrak itu memastikan bahawa kerja-kerjanya itu akan habis pada jangka waktu yang ditentukan. Ini kita akan buat tinjauan seperti mana kata Yang Berhormat tadi, kepada sekolah-sekolah yang lain juga sekiranya kontrak-kontrak itu diberi kita akan pastikan dan juga tentukan supaya kontrak itu berjalan dalam jangka masa yang telah ditentukan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Puan Sukinam Domo:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Penjelasan. Terima kasih, hanya dengan perkara ini sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Adakah mengenai dengan soalan yang sama?

**Puan Chong Eng:** Ya, ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak berikan kepada siapa?

**Puan Chong Eng:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa di Machang Bubuk, SRJK(C) Thye Tze telah tiga tahun lambat pembinaan sekolahnya. Ini untuk perhatian supaya disegerakan. Pembinaan sekolahnya telah lambat, projeknya terbengkalai, dan diteruskan balik masih belum habis lagi. Saya harap kementerian akan mengambil perhatian dan segerakan penghabisannya. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Saya akan beri perhatian terhadap itu dan sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada masalah yang sama dapat menulis kepada pihak kementerian dan kita akan mengambil.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan sedikit. Berhubung dengan masalah kelewatan ini adakah kerana kontraktor-kontraktor yang mendapat projek ini dia mempunyai agenda yang lain – sebelum dapat agendanya lain, bila dapat agenda dia lain. Adakah ia menyebabkan kadangkadangkang projek ini terbengkalai, umpamanya yang lebih bersimpati dengan pembangkang. Saya minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ya, sebenarnya saya terima kasihlah apa yang telah di.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan. Kalau bunyi bising di sana saya tidak dapat teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Nampaknya gangguan ada di sana. Bolehkah saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang boleh.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi saya ucapkan ribuan terima kasihlah, dan kita akan teliti perkara-perkara itu adakah sabotaj berlaku ataupun adakah terlewat, barang tidak cukup dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya katakan kalau siapa ada soalan-soalan berkenaan dengan itu, kita akan jawab kemudian kerana saya tidak cukup masa, kita hendak laju sedikit.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya buat penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Buntar mohon.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Perkara yang sama juga, sekolah asrama penuh, agaknya sebagaimana Setiausaha Parlimen saya pun produk asrama penuh ini. Sekolah asrama penuh ada 27,000 pelajar, 39 buah dan telah mendapat pencapaian yang baik. Tetapi di akhir-akhir ini masalah disiplin begitu longgar dan ini sebenarnya telah disahkan oleh pihak sekolah, oleh ibu bapa yang ada anak belajar di sekolah asrama penuh. Tetapi yang saya nampak kajian yang rambang-rambang yang dibuat, sekolah asrama penuh yang berteraskan kepada agama, yang dipanggil sekolah agama seperti di Labu, sekolah agama seperti di Kajang, Kolej Islam Klang biasanya ke depan dari segi pencapaian, dari segi disiplin dan sebagainya jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah asrama penuh yang tidak mengambil perkataan 'agama' itu. Dari segi prestasi kelulusan kita dapati sekolah-sekolah asrama penuh yang agama ini mencatatkan saban tahun keputusan seratus peratus dan kelulusan berkualiti yang baik jika dibandingkan dengan yang lain.

Adakah kementerian memikirkan supaya semua sekolah asrama penuh ini 'diagamakan'. Bukan 'diagamakan' maksud dalam konteks semacam itu. Maknanya, pentadbirannya, pengurusannya, pelaksanaannya mengikut model yang ada seperti di Kolej Islam, seperti di Labu, seperti di Kajang dan sebagainya. Saya harap kalau ini ada dan saya ingin mencadangkan – rasa saya dengan cara ini boleh menyelesaikan banyak masalah disiplin. Saya diberitahu sebahagian besar daripada asrama penuh ini, kecuali yang tidak mengambil perkataan 'agama' itu sekarang ini pelajarannya 60% ke 70% penghisap rokok. Jadi, ini menggambarkan soal disiplin, Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu saya rasa mengenai dengan disiplin di sekolah-sekolah asrama yang lain seperti mana sekolah yang tidak ada 'agama' di depannya itu, saya tidak tahu bagaimanakah Yang Berhormat boleh dapat membezakan. Apakah sekolah-sekolah yang asrama yang tidak ada 'agama' itu tidak ada agama? Apakah mereka tidak Islam, apakah yang 'agama' itu lebih Islam daripada yang tidak Islam itu? Jadi, tidak apa bagi saya jelaskan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, soalan saya sebenarnya, komen saya itu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya akan jawab. Jadi, seolah-olahnya Yang Berhormat hendak membezakan sekolah tadi. Memang bagaimana juga kita tahu pengambilan pelajar-pelajar tadi menurut, apa yang kita panggil kelulusan mereka berdasarkan kepada kelulusan-kelulusan UPSRkah, SPMkah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya kalaulah telah dibangkitkan mengenai dengan disiplin, kita akan teliti dan kita akan mengambil langkah-langkah yang tertentu. Tetapi daripada apa cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi mengatakan bahawa mengapa tidak, memang kita kata sekolah-sekolah walaupun tidak 'agama' kita tetap menjalankan disiplin sama seperti mana-mana sekolah sekalipun.

Bagi sekolah-sekolah 'agama' tadi yang diletakkan 'agama' tadi emphasisnya ialah kepada agama, emphasis mata-mata pelajaran itu. Sekolah yang lain adalah mata-mata pelajaran yang lain. Tetapi tidak boleh kita mengatakan bahawa sekolah-sekolah yang tidak ada 'agama' di depannya itu seolah-olah tidak ada agama, maka disiplinnya juga tidak begitu baik. Terima kasih, saya akan lanjutkan mengenai dengan.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, saya rasa ini soal fundamental, soal dasar dan Setiausaha Parlimen tidak boleh wash away begitu sahaja, sebab yang saya tanya tadi bukan soal sekolah yang tidak ada mengambil 'agama' itu tidak ada agama. Tetapi saya mengatakan sistem pengurusan, sistem pentadbiran, sistem pemilihan dan seluruh sistem pengendalian sekolah itu agaknya ada beza di antara Sekolah Menengah Agama Labu dengan misalnya Kolej Melayu Kuala Kangsar. Tetapi dari pengamatan yang kita buat jelas sekolah 'agama' ini ke depan sedikit jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah itu. Itu sahaja, bukan soal ada agama dengan tidak ada agama, saya tidak pernah timbulkan soal itu, Yang Berhormat. *[Tepuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebab itu, Yang Berhormat, tadi saya telah katakan saya bersetuju kalau Yang Berhormat hendak berbincangkan mengenai dengan disiplin sekolah-sekolah ataupun antara sekolah-sekolah. Tetapi sekiranya Yang Berhormat telah mengatakan bahawa – tadi Yang Berhormat ada sebutkan

sekolah yang ada 'agama' di depan itu agak disiplinnya, pengurusannya begitu baik. Bagi saya semua sekolah kita adakan pengurusan yang sama. Jadi, boleh jadi ada sekolah yang setengahnya pengurusannya agak lemah sedikit. Ini masih bergantung kepada – tadi saya katakan dalam apa hal sekalipun saya mengatakan bahawa segala-galanya berjalan menurut sistem kita. Kita tidak bersetuju sama sekali untuk mengatakan bahawa yang hak agama itu kita begini, begini, yang hak ini kerana kita letak sahaja istilah di depan itu 'agama' maka sekolah itu akan menjadi baik, tidak. Tetapi saya lebih bersetuju kepada Yang Berhormat tadi untuk mengatakan bahawa kalaulah disiplin itu menjadi persoalannya, maka kita akan terus mengambil langkah-langkah yang tertentu, dan cadangan Yang Berhormat itu kita terima dengan baik. Terima kasih.

Masalah mengenai dengan Astro.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batang Sadong bangun.

**Puan Sukinam Domo:** Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen kerana tidak ada peluang untuk bercakap tadi, Yang Berhormat. Ini berhubung dengan asrama. Seperti yang kita ketahui Sarawak tidak banyak sekolah berasrama penuh, tetapi banyak sekolah berasrama. Misalnya, sekolah rendah 489 buah yang berasrama dan sekolah menengah 93. Tetapi saya ingin minta perhatian kementerian memang kita ingin hendak mengutamakan sekolah asrama penuh di mana pelajar-pelajarnya boleh dikatakan selected, elit. Tetapi kita jangan lupa sebilangan besar pelajar kita perlu juga pendidikan supaya mereka tidak tercicir.

Tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah pun membaca data-data yang menunjukkan begitu ramai pelajar yang tercicir. Jadi, keselesaan tempat belajar pelajar-pelajar yang tidak di asrama penuh ini perlu juga diambil perhatian. Jadi, saya mintalah kementerian benar-benar serius, sudah beberapa puluh tahun agaknya perkara ini masih berkeadaan begitu, terutamanya sekolah rendah, asramanya kalau kita pergi amat daif sekali, tidak ada katil, pelajar-pelajar tidur atas lantai, platform sahaja. Saya harap ini diambil perhatian supaya pelajar luar bandar khususnya juga dapat. Apa yang kita hendak ialah opportunity of education itu ada. Prestasi is another matter, dengan izin, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Sadong. Saya rasa apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat, saya juga

telah menjawab pada minggu yang lalu mengenai dengan sekolah-sekolah asrama ini bahawa di mana di Sarawak kita juga terima cadangan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar supaya kita akan terus ke Sarawak untuk membuat tinjauan lebih dekat sekali mengenai dengan integrated school tadi di mana soal-soal sekolah asrama tadi kita akan perinci lebih serius lagi mengenainya. Ini termasuk juga di Sabah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Sebenarnya yang 'batang' itu satu sahaja iaitu Batang Lupar. Saya bersetuju dan menyokong rakan saya bagi Batang Sadong. Batang Lupar pernah menyebut perkara ini. Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara, saya hendak bercakap tadi. Saya macam orang kata bila dia menyelam air dalam, dia bangun itu bila keluar nampak keadaan cuaca tidak baik, dia kata cerita tidak baik. Sebenarnya hari itu baik semua. Masa dia bangun keluar daripada air itu sahaja yang tidak baik. Jadi, satu persoalan yang pernah saya hendak cakapkan mungkin ini out of contact cerita Dato' itu tetapi boleh diulas juga. Persoalan Bahasa Malaysia itu – sudah sampaikah atau belum sampaikah Bahasa Malaysia ini?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Belum.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ada Bahasa Malaysia nanti?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ada.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau ada Bahasa Malaysia, saya akan duduk dahulu. *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya ingat berkenaan dengan asrama lagi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Masalah penyiaran TV Pendidikan yang diambil alih oleh Astro daripada TV2. Jawapan yang saya boleh beri di sini ialah pertama sekali pelajar tidak perlu membuat sebarang pembayaran bagi tujuan berkenaan. Kedua, jenis dan kandungan rancangan TV Pendidikan yang disiarkan di Astro dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan. Oleh itu, peranan Astro hanyalah menyiarkan rancangan itu melalui satelit sahaja dan pelajar di sekolah tidak dapat menonton semua rancangan melalui semua saluran di Astro. Sekolah hanya dapat mengikuti rancangan daripada saluran-saluran pendidikan di Astro iaitu Rancangan TV Pendidikan melalui saluran 28 yang menyiarkan Animal Planet. Saluran-saluran National Geography, Discovery, Disney dan juga siaran-siaran RTM1, RTM2 dan TV3.

Berbalik kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya hendak jawab ini. Yang Berhormat bagi Seputeh ini saya tengah hendak jawab. Yang Berhormat bangun sebelum saya jawab lagi, dah Yang Berhormat hendak tanya lagi. Yang Berhormat bagi Seputeh minta sabar, dengar dahulu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai dengan pelajar miskin di sekolah luar bandar yang tidak dapat menonton rancangan pendidikan di Astro sebab kosnya tinggi. Jadi, dah saya jawab. Masa siaran dan tahap pembelajaran TV Pendidikan tidak sesuai dan persembahan bahan membosankan, katanya. Apakah sebab sebenarnya Kementerian Pendidikan memindahkan siaran TV. Tadi, saya rasa telah jawab separuhnyanya. Masa siaran TV Pendidikan di Astro ialah dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari dan diulang siarannya dari pukul 1.00 tengah hari hingga 5.00 petang. Waktu siaran ini sesuai kerana waktu penyiaran tersebut berada dalam waktu persekolahan. Sebelumnya masa siaran TV Pendidikan di RTM2 ialah dari pukul 11.00 pagi hingga pukul 3.00 petang. Waktu siaran tersebut kurang sesuai.

Rancangan TV Pendidikan bertujuan mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Rancangan tersebut adalah bersifat 'edutainment' dan bukan bersifat entertainment. Pihak RTM juga sendiri meminta kembali masa siaran TV Pendidikan yang disewakan kepada kementerian kerana RTM hendak menyiarkan rancangan sendiri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya teruskan jawapan saya terhadap Yang Berhormat bagi Seputeh juga mengenai dengan AUKU yang juga saya rasa ini juga telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Pendang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh bangun lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tidak faham kenapakah Kementerian Pendidikan tidak boleh mengadakan kedua-dua saluran televisyen yang menyiarkan Program Pendidikan Televisyen iaitu ia boleh disiarkan di RTM dan juga boleh disiarkan di Astro.

Saya masih ingat bila saya berada di sekolah rendah selalunya waktu pagi kami pergi ke sekolah dan petang kami balik akan menonton program pendidikan melalui RTM.

Jadi, sekarang selepas hak penyiaran ini dipindah ke Astro, jadi bagi pelajar yang tidak ada Astro TV mereka pun tidak ada peluang untuk menonton program pendidikan ini, yang mana saya fikir ia juga bermanfaat terhadap pelajaran mereka.

Jadi, tindakan ini sebenarnya merupakan satu cara untuk bailout untuk Astro dan bukannya ia betul-betul mendatang manfaat kepada para pelajar terutamanya mereka yang keluarga mereka tidak mampu adakan Astro dan mereka yang miskin duduk di luar bandar. Bolehkah Kementerian Pendidikan menimbangangkan semula keputusan seperti ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebelum daripada ini termasuk juga dakwaan yang telah dibuat oleh pihak Yang Berhormat juga mengatakan ini adalah bailout kepada Astro dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahu respond perkara itu. Soal bailout, tidak bailout itu interpretasi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Walau bagaimanapun, kita hanya serius dalam soal pendidikan – pendidikan maksud saya. Jadi, mengenai dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi boleh kita pertimbangkan. Insya -Allah kita akan lihat dan kita akan teliti baik-baik apakah cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh dan saya hendak .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batang Lupar, Yang Berhormat .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....beralih kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh dan juga Yang Berhormat bagi Pendang juga.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, ini soalan RTM2 dan Astro itu. Saya beri input sedikitlah, hendak jawab Seputeh juga sebab .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa hendak jawab, tidak payah jawab Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jawab saya? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen akan jawab

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Hei, belum jadi menteri lagilah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kadang-kadang Tuan Pengerusi, sebagai Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional ada input yang mungkin tidak dikenal dalam kerajaan, *[Disampuk]* ini yang saya hendak beri penjelasan ini. You, kalau you hendak .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Maka, tolong sampaikan kepada kerajaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Okay, nanti saya beri penjelasan dengan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, beri penjelasan dengan Seputeh. *[Disampuk]* Di Sarawak, Tuan Pengerusi, dengar cakap saya dahulu, dengar cakap saya dahulu. Semasa di Sarawak ada .....

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, dengan izin, ini di bawah Peraturan Mesyuarat berapa ya? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia boleh minta penjelasan, boleh.

**Puan Fong Po Kuan:** Dia jelas kepada apa yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen, boleh.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Suruh balik 'hisap pepetlah' ini budak kecil ini.

**Puan Fong Po Kuan:** .....tetapi bukan jelas kepada Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Beliau sudah kata demikian. *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** Suruh dia tarik balik, tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah kata demikian.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Budak kecil suruh dia 'hisap pepet' pergi rumah sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batang Lupar jangan kita buang masalah. Kalau apa .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dia yang buang masa.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(4). Dia kurang sopan terhadap saya, nyatakan saya budak kecil. *[Tepuk]* Saya dipilih oleh rakyat, saya dipilih oleh penduduk di kawasan Batu Gajah. Telah berulang-ulang kali dia berkata demikian. *[Disampuk]* Saya pohon Tuan Pengerusi buat sesuatu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, gunakan perkataan kena berjaga-jagalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...batang yang terlupar itu mesti tarik balik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, tarik balik. *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mesti tarik balik, tidak manis.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, dengar dahulu orang bercakap. Saya punya percakapan belum habis. Kalau apa yang akan saya cakap salah, saya akan tarik balik 'budak kecil' itu. Saya tarik balik 'budak kecil' tetapi saya tidak tarik balik apa yang saya cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, gunakan perkataan yang baik punyalah. Ini Yang Berhormatlah, Yang Berhormat kita. *[Disampuk]* Jadi, teruskanlah.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini, ini .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ....kalau tidak ada lain duduk. Setiausaha Parlimen sila teruskan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya belum habis, saya hendak cakap tadi. Yang Berhormat bagi *[Disampuk]* .....

**Seorang Ahli:** Tarik balik dahulu!

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** .....dia beri peluang dengan saya cakap. Saya tarik balik yang 'budak kecil' itu. *[Disampuk]* Sudah terima tidak? Saya sudah tarik balik 'budak kecil'.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya terima Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Okay, duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, baik-baik.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 'Budak kecil' sudah ditarik balik, saya bercakap.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah gunakan lagi Yang Berhormat! Teruskan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya, saya – dengarlah saya punya cakap dahulu. Yang Berhormat don't give wrong impression on me, I am a very good guy. *[Ketawa]*

Jadi, saya hendak beritahu di Sarawak ada tempat-tempat yang mana RTM2 tidak boleh dapat saluran. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian diadakan Astro memancarkan televisyen ini boleh kita terima di mana-mana lurah dan bukit di Sarawak. Dengar tidak cerita orang? You tidak pernah datang Sarawak, jangan cakap soalan ini. *[Disampuk]* RTM ada tempat-tempat di Sarawak, tidak dapat pakai RTM. Jadi, dapat terima Astro.

Jadi, saya hendak sokong tindakan kerajaan menggunakan Astro supaya di mana-mana sahaja di Sarawak itu boleh dapat terima TV Pendidikan. Kalau rely dengan Astro sahaja, dengan izin, ada tempat-tempat yang tidak boleh terima TV Pendidikan. Jadi, kita gunakan Astro. Jadi, consideration itulah mungkin ada dalam surat Yang Berhormat itu belum terkeluarlah. *[Disampuk]* Jawapan belum ada masuk semua sebab dia terkeluar.

Jadi, saya bagi input sedikit, .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** .....penjelasan keadaan di Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, cukup.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, silakan Yang Berhormat kementerian berbuat baik ini. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, saya hanya hendak beritahu yang .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan jawab. Jadi, selepas ini kalau apa-apa boleh tanyalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sedikit sahajalah. Saya hanya hendak kata, saya orang Kuala Lumpur, rumah saya pun tidak ada Astro.

Jadi, saya juga rasa program RTM sudah cukup untuk tontonan kita semua. Jadi, kenapakah program pendidikan televisyen itu tidak cater kepada semua mereka yang tidak ada Astro di rumah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa kita boleh selesaikan mengenai Astro ini. Biarlah saya beri jawapan *[Ketawa]* saya dahulu, kemudian baru kita boleh bincang lagi berkenaan dengan Astro.

Saya berbalik kepada soal AUKU yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, seolah-olah mengatakan AUKU itu menindas dan juga ia bersifat dengan izin, repressive terhadap mahasiswa dan mahasiswi.

Sebenarnya, saya di sini ucap ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Pendang yang telah memberi sedikit sebanyak commendation terhadap saya. Saya ucapkan terima kasih mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap saya semasa saya bertugas di universiti pada tahun yang lalu dan saya ucap ribuan terima kasih.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan soal mempertahankan mahasiswa dan sebagainya tidak saya berubah pendirian saya tetapi ini tidak bermakna saya tidak boleh berbincang mengenai dengan AUKU dan kita lihat AUKU itu semata-mata satu senjata yang begitu repressive, yang seolah-olah ia digambarkan sebagai 'hantu' yang akan menelan mahasiswa dan universiti.

Walau bagaimanapun, di sini saya ingin nyatakan adakah Yang Berhormat telah memperincikan segala apa yang terkandung di AUKU itu sendiri? Di mana kalau kita lihat sebahagian besar daripada AUKU adalah mengenai dengan governance universiti. Soalnya, bukan bertujuan untuk menekan, menindas. Ini adalah anggapan ataupun impression yang diberi oleh banyak pihak pembangkang yang cuba mendapat publisiti yang meluas di kalangan mahasiswa dan tenaga pengajar universiti.

Kalau kita lihat mengenai dengan AUKU itu sendiri, kalau boleh dapat saya lanjutkan sebahagian besarnya mengenai dengan penubuhan universiti dengan perlantikan beberapa jawatan dalam universiti. Sila rujuk, saya tidak perlulah kerana masa terlalu singkat, saya tidak boleh. Hanya sebahagian kecil sahaja yang ada kaitan dengan disiplin pe lajar.

Memang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi beberapa kes-kes tertentu yang berlaku di UPM dan di beberapa universiti tadi. Saya rasa itu adalah tindakan disiplin yang diambil oleh pihak universiti. Di satu pihak kita mengatakan universiti harus pertahankan autonominya, di satu pihak kita kata universiti tidak harus pertahankan autonominya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, inilah pandangan yang suka dikelirukan oleh pihak pembangkang terutama sekali apabila menjelang pilihan raya,

maka AUKU itu dibangkit-bangkitkan dan digambarkan sebagai ia menyerupai hantu yang besar dan menyerupai jin-jin yang akan menelan dan jin-jin ini adalah creation oleh pihak Barisan Nasional.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ..ini memanglah tidak benar, bagi tahu kepada Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan saya Setiausaha Parlimen. Kita bangkitkan tentang masalah AUKU ialah apabila ada pihak universiti menggunakan beberapa peruntukan dalam AUKU yang berkaitan dengan soal-soal hak dan kebebasan yang sepatutnya diperolehi oleh mahasiswa untuk menekan mereka, khususnya mahasiswa-mahasiswa yang dilihat oleh pihak universiti lebih mirip menyokong kepada parti-parti pembangkang.

Sedangkan kita melihat bahawa ada juga mahasiswa-mahasiswa yang diperalatkan oleh parti UMNO dan Barisan Nasional tetapi dalam masa yang sama mereka tidak diambil tindakan dan ini kita melihat bahawa double standard. Apa yang kita kehendaki ialah sekarang ini bukan soal mahasiswa. Bagi saya bukan soal mahasiswa tidak boleh terlibat dengan UMNO, saya setuju dia hendak terlibat dengan UMNO tetapi syarat yang kita hendak ialah mereka juga diberikan kebebasan kalau mereka mempunyai pendirian untuk menyokong parti-parti pembangkang yang terdapat dalam negara kita.

Ini persoalan yang kita bangkit supaya diberikan kebebasan supaya pihak universiti lebih mengenal pasti masalah-masalah sebenar. Umpamanya, apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang semalam. Sedangkan apa yang dilakukan oleh Saudara Rizal Annan itu hanyalah sekadar bukan menampelak pihak Universiti Utara Malaysia tetapi hanya sekadar menampelak kehadiran Astora Jabat yang tidak memenuhi maksud sebenarnya daripada tujuan program tersebut.

Apatah lagi dia seorang yang sangat controversial dan dia membangkitkan persoalan-persoalan yang bukan menyentuh soal pentadbiran universiti dan sebaliknya dia diambil tindakan, disoal siasat, kemudian dinafikan dia untuk mengambil peperiksaan akhir. Satu mata pelajar sahaja, satu kertas sahaja dan

akhirnya dia digantung saya difahamkan, gantung selama tiga semester. Adakah ini adil, kita membunuh masa depan bumiputera kita, anak bangsa kita.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan disiplin mahasiswa dan mahasiswi yang tertakluk di dalam AUKU. Fahamkan Yang Berhormat di antaranya ialah mengenai dengan disiplin. Yang Berhormat harus faham apa itu disiplin? Di antaranya ialah mereka yang menipu peperiksaan juga dimasuk dalam disiplin. Tahukah Yang Berhormat berapa ramai di antara mereka juga ada yang terlibat dalam soal penipuan peperiksaan? Ada yang berlaku, maka tindakan disiplin harus diambil tetapi peruntukan itu berada di dalam AUKU.

Baik. Seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai tindakan disiplin ke atas mahasiswa di UUM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, yang juga Yang Berhormat juga bangkitkan perkara ini. Soalnya, dia diambil tindakan di bawah disiplin, peruntukan disiplin oleh pihak universiti. Tetapi kalaulah dua orang Ahli Yang Berhormat tadi hendak membangkitkan perkara itu seolah-olah mengatakan bahawa mahasiswa itu tidak bersalah. Jadi, dia diambil tindakan menurut prosedur yang terdapat di dalam peruntukan itu. Tetapi kita tidak boleh menggunakan dan mengatakan bahawa perkara itu seolah-olah hendak menindaskan mahasiswa, maka mahasiswa tidak bebas untuk mengambil peranan dalam politik. Soalnya sekarang kita tidak mahu politik partisan berkeliaran di atas kampus. Kita tidak .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Minta maaf, saya mahu habis dahulu. [*Disampuk*] Sabar pak!

Kalau buat macam itu, interruption, ini pun kena ambil disiplin kalau macam ini. Kita kena AUKU, adakah AUKU yang salah? Maaf saya, itu seloroh sahaja ya.

Jadi, maksud saya begini! Kita tidak menggalak politik partisan di atas kampus. Apa yang dilakukan ialah pihak orang-orang kerajaan masuk ke kampus, sudah ditakrif oleh pihak pembangkang mengatakan ini adalah kegiatan UMNO. Siapa kata itu kegiatan UMNO? Katakanlah saya pergi melawat ke kampus, saya berjumpa dengan mahasiswa, saya bercakap suruh mereka bekerja keras, bekerja rajin, adakah itu kegiatan UMNO? Saya mewakili kementerian. Kalau tuan hendak jadi seorang anggota Kabinet, sila masuk Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Jadi, saya mahu balik kepada soalnya. Ini disiplin ini adalah sebahagian kecil di dalam itu dan mengenai dengan UUM tadi, memang kita kata ia diambil tindakan oleh pihak universiti berasaskan kepada itu dan menurut prosedurnya, sekiranya itu tidak juga diterima maka ia ada juga ruang-ruang untuk membuat rayuan demi rayuan dan rayuan. Ia seperti biasa juga, ada prosedurnya dan kita tidak boleh sebagai satu impression mengatakan kalau mahasiswa melapor kepada kita dan mengatakan, ini adalah tidak adil dan kita terus – ha ini satu peluang pihak kita untuk menyatakan kepada luar di sana, bahawa ini adalah penindasan.

Saya tidak akan teruskan lagi mengenai perkara itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya ada surat daripada mahasiswa.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order, Tuan Pengerusi, 37(1)(b).

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Point of order berapa?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 37(1)(b). Jika hendak minta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk. Ini Setiausaha Parlimen tidak beri jalan, dia hendak habiskan jawapan, kita sudah tidak dapat bercakap.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini bukan kacau. Ini Peraturan Mesyuarat. Kita kena hormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Yang Berhormat Larut, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, memang benarlah sebelum kebenaran diperolehi, tidak payah berucap apa-apa, tunggu sampai Setiausaha Parlimen membenarkan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Boleh beri jalan, kawan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan saya yang baik hati, seorang yang kuat menentang pengkorporatan universiti dahulu.

Saya ini ada surat daripada orang yang dituduh, surat yang diajukan kepada Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor Universiti Utara Malaysia. Dia

memperjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap beliau, antaranya beliau mengatakan bahawa pihak keselamatan Universiti Utara Malaysia telah memegang beliau untuk menyiasat, antaranya dituduh kerana memalukan nama baik Universiti Utara Malaysia di seluruh dunia lantaran, katanya, tindakan beliau yang berucap semasa program dialog bersama Astora Jabat. Maksud saya di sini apakah pihak universiti mengkategorikan bahawa seseorang yang bangun bercakap dalam satu dialog yang terbuka, forum yang terbuka, mengemukakan pendapat-pendapat, pandangan-pandangan yang bertentangan dengan ahli panel tersebut sebagai satu kesalahan?

Saya mengaku, saya boleh menerima bahawa apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pihak universiti kalau mengikut prosedur, tetapi tidak boleh menggunakan sewenang-wenangnya alasan-alasan hanya semata-mata sekadar seseorang pelajar itu, mahasiswa itu mengemukakan pendapat-pendapat dan pandangan yang bertentangan dengan ahli panel, umpamanya beliau menyatakan dalam ucapannya bahawa Astora Jabat adalah seorang yang gagal untuk membezakan antara yang benar dan yang salah.

Adakah salah dia hendak berkata begitu kepada Astora Jabat? Itu antara isi kandungan, isi ucapan, kemudian beliau mempersoalkan tentang tujuan sebenar Majlis Perwakilan Pelajar yang menjemput seorang penceramah yang sangat kontroversi, dia beri pandangan dalam majlis tersebut. Takkan itu salah! Dan dia memberikan cadangan bahawa sepatutnya MPP mengundang dua orang penceramah, kalau hendak mengundang Astora Jabat, mengundang seorang yang lain supaya universiti masyarakat kampus boleh membuat perbezaan supaya mereka dapat memahami dan tidak terkeliru dengan pandangan-pandangan yang kontroversi yang disampaikan oleh Astora Jabat. Takkanlah pandangan yang sebegini rupa, yang disampaikan oleh mahasiswa, dianggap oleh pihak Universiti Utara sebagai satu kesalahan.

Kemudian beliau mempersoalkan MPP yang menjadi penganjur pada malam tersebut, mengatakan bahawa MPP telah pun melakukan pembohongan kepada pelajar-pelajar kononnya mereka memohon untuk membuat penambahan terhadap mesin ATM yang ada dipintu masuk utama UUM, memandangkan isu tersebut telah diperjuangkan oleh pimpinan sebelum itu. Takkan ini sebagai satu kesalahan, dianggap sebagai satu yang mencemarkan UUM, dia langsung tidak menyentuh soal

UUM, dia langsung tidak mencemarkan pihak pentadbir di UUM. Tetapi malang bagi saya bahawa Timbalan Naib Canselor yang memang sejarahnya Saudara Fauzi Basri, seorang yang sangat bagi saya bahawa seorang Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar yang sangat biadab terhadap anak bangsa sendiri. Sudah berapa tindakan yang diambil terhadap pelajar-pelajar hanya atas alasan kerana apa, beliau mempunyai 'doktrin' UMNO yang kuat dan tidak senang melihat mana-mana pelajar yang mempunyai mirip sokongan mereka kepada parti pembangkang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat, berapirapi ucapannya, mungkin semalam sudah ke Sanggang! *[Ketawa]* Apa penjelasan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, saya rasa itu adalah pandangan mahasiswa itu yang telah membuat laporan surat itu kepada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat juga cuba mendapat penjelasan daripada pihak berkuasa universiti?

Itu belum! *[Tepuk]* Yang Berhormat tidak menyiasat, Yang Berhormat hanya mengambil satu kes itu sahaja. Tahukah Yang Berhormat sebelum daripada itu apakah kes yang sudah ada terlibat mahasiswa itu? Yang Berhormat tidak menyiasat!

Jadi, maka ini berlakulah satu penghujahan yang tidak adil, walaupun ada parti KeADILan. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak ada penjelasan! Yang Berhormat sudah beri penjelasan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apakah alasan sebenarnya, kalau berdasarkan alasan sebenar dibuat oleh UUM untuk mengambil tindakan kepada pelajar-pelajar ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, tadi Tuan Pengerusi telah bersetuju, Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Ini apa ini? Bila hendak habis?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat, saya sudah beri masa kepada Yang Berhormat untuk jelas. Sebab itu, saya duduk diam-diam, saya dengar,

sekarang biar saya pula beri jawapan kepada Yang Berhormat. *[Tepuk]* Baru kita kata dalam Dewan yang mulia ini ada tertib dan adab.

Jadi, saya balik kepada itu hanya satu kes yang mana kita hendak jadi kes itu untuk menyatakan bahawa AUKU itu menindas mahasiswa. Begitu juga saya rasa kesal terhadap Yang Berhormat untuk menyatakan nama Timbalan Naib Canselor dengan segala macam tuduhan tadi, saya rasa itu kurang sopan sedikit.

Saya berharap lebih-lebih lagi kita datang dari sebuah parti yang menggelar kita 'Partai Islam'. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya balik kepada ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bagan bangun, hendak berikan laluan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini mengenai dengan AUKU juga?

**Tuan Lim Hock Seng:** Mengenai dengan disiplin. Lagi minit sahaja sudah berehat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita hendak break dah. Sekejap lagilah! Sekejap lagi mengenai dengan ....

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh tolong beri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak beri laluan kepada dia ataupun tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, tidak, kita bercakap fasal AUKU dan disiplin pelajar.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, disiplinlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, disiplin pelajar, ini saya sedang menjelaskan ini. Beri saya habiskan dahulu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ada soalan. Tolonglah duduk, beri saya satu peluang kerana tidak ada peluang untuk berucap. Tuan Pengerusi pun membenarkan boleh membuat penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya sedang menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya ingat lagi Yang Berhormat dahulu, apabila Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat tidak pernah beri laluan kepada saya, suruh saya duduk.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh! Mulai sekarang saya boleh beri penjelasan.  
*[Ketawa]* Kalau ada masa!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kalau ada masa? Sila.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani oleh kerana ada ramai orang bertanya kepada saya sebagai seorang ahli dalam pendidikan, dia mesti ada tauladan yang baik dan ramai di kalangan UMNO pun ada menanya-nanya kepada saya, sama ada Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani ini seorang Ph.D kerana mereka kata Ahli Yang Berhormat selalu menggelar sendiri seorang sebagai Ph.D. Saya pun tak tahulah, mungkin itu betul, mungkin itu ada orang yang cuba hendak tikam Yang Berhormat di belakang kerana ada pilihan raya UMNO yang akan datang ini, Yang Berhormat akan bertanding Vice President.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, apa soalan Yang Berhormat? Jangan buat ucapan!

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, saya cuma ingin memberi satu peluang kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani untuk memuaskan ...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, point of order 36(6).

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya habis dahulu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ini bukan sangkaan jahat Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order. Ini sangkaan jahat. Tuan Pengerusi, ini sangkaan jahat 36(6), tak ada tikam-tikam ini, ahli UMNO tidak boleh dikaitkan dalam perkara ini. Minta Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, sila Yang Berhormat, sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya akan habiskan pertanyaan saya. Tuan Pengerusi, jadi ini adalah satu peluang yang paling bagus untuk Yang Berhormat

membuat satu penjelasan di sini supaya membersihkan kekeliruan ini dan lagi pun Yang Berhormat, kalau saya merujuk kepada Butiran 26 Kementerian Pendidikan, muka surat 747, di semua kementerian ada Setiausaha Parlimen, tetapi mengapa di Kementerian Pendidikan ini Menteri, ia menerima gaji RM11,050, Timbalan Menteri – RM8,000, lepas Setiausaha Parlimen tidak ada dalam sini. *[Ketawa]* Tidak ada dalam sini. Lepas itu nombor tiga dia Setiausaha Politik RM4,200. Jadi, di mana kerusi Yang Berhormat dari Sungai Petani?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bagan. Jadi, Yang Berhormat ingin masukkan gaji untuk Setiausaha Parlimenkah? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia sebagai seorang Setiausaha Parlimen, beliau perlu ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya tadi bawa point of order. Minta tarik balik bertanyakan sama ada Ahli Parlimen Sungai Petani ada Ph.D ataupun tidak. Ini sangkaan jahat Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia akan buat ruling.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini boleh memalukan seseorang ahli yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, sila duduk dahulu. Tadi Yang Berhormat Bagan sudah terangkan, bagi dia, dia tidak tahu, tetapi memang orang kata dia Ph.D. Jadi, saya fikir tidak ada unsur sangkaan jahatlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tanyakan kerana ...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada Tuan Pengerusi, ini bagaimana tanya, tiba-tiba ada Ph.D ataupun tidak, ini menjatuhkan maruah orang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tentu ada Ph.D, memang Ph.D. Jadi, Yang Berhormat Bagan, dia tidak up to date.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, minta perbetulkan balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, kita sudah maklumkan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini sangkaan jahat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen akan maklumkan bahawa dia ada Ph.D. Sila, Setiausaha Parlimen, sila jawab. Saya ingat cukuplah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya habiskan ucapan saya ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada masa untuk jawab nanti.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, saya berharaplah sekiranya ini adalah kerana kesalahan percetakan, Yang Berhormat perlu membangkitkan hal ini. Sekiranya ini betul, percetakan ini betul, bermakna jawatan ini tidak ada dalam kementerian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tunggu jawapan. Jawapan akan diberikan. Jadi, cukuplah Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, Yang Berhormat hari ini menjawab sebagai apa? Yang Berhormat menjawab dalam Parlimen ini sebagai apa? Itu kena diperbetulkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah memberi ucapan. Ini sudah dikemukakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sudah habis dah? Hendak tanya saya macam-macam. Saya rasa, saya tidak perlu jawab itu sama ada saya di sini ataupun di mana, apa kelayakan, saya boleh persoal juga kelayakan tiap-tiap orang. Apa hendak tentang kelayakan. Jangan suka timbul-timbulkan mengenai dengan kelayakan dan sebagainya, apakah perlu kalau saya ada Ph.Dkah, tidak ada Ph.D, kalau saya hendak jelas, saya boleh jelaskan – kenapa? Kalau hendak bawa cerita pula orang lain pula cucuk Yang Berhormat kata ini adalah peluang untuk ini, saya boleh ada peluang untuk banyak perkara, saya tidak kisah.

Walau bagaimanapun, saya pun mengatakan di sini, lihat saya tidak letak. *[sambil menunjukkan tanda nama ditempat duduknya]* Jadi, apa yang soal hendak bangkit saya ada qualification, sama ada kita ada Ph.D atau tidak, boleh kita pegang jawatan itu ataupun tidak. Jangan Yang Berhormat mempunyai perkiraan yang kurang elok. Jadi, haraplah, saya tahu arah mana Yang Berhormat ingin bawa soalan itu. *[Tepuk]*

Dan keduanya, untuk menyatakan sama ada di dalam buku ini ada atau tidak ada nama saya, jawatan saya. Jawatan saya tetap ada dalam kerajaan! *[Tepuk]*

Jadi, ini hendak dibangkitkan kerana buku itu dan tidak buku itu, ini boleh dapat dijelaskan oleh mana-mana pihak yang berkuasa. Jadi, hendak dibangkitkan benda yang remeh macam ini. Kita sedang soalkan perkara-perkara yang begitu

serius, tiba-tiba Yang Berhormat dari Bagan sudah beberapa kali, lihat sahaja saya, bangkitlah soalan-soalan yang remeh, kadangkala boleh dikira dan dianggap sebagai menyakitkan hati. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, masa sudah suntuk. Kita boleh sambung petang ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, adakah kita hendak sambung lagi petang ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sambung pada petang ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ataupun sudah selesai?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pukul 2.30 petang boleh sambung.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat tidak ada ucapan lagi, boleh berhenti sekarang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ada, banyak soalan-soalan yang belum saya jawab!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, sambung disebelah petang.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, sila sambung.

**2.33 ptg.**

*[Pembesar suara berbunyi bising]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tun Pengerusi. Tadi ada saya, sebelum kita berhenti telah ditimbulkan satu perkara mengenai diri saya oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Ingin saya perelaskan di sini sebagai pengetahuan Yang Berhormat, sejak awal kita masuk dalam Parlimen ini, pada hari yang pertama, satu perkara yang telah saya ambil ialah apabila nama saya ditulis di sini 'Dr.' *[Menunjukkan kepada tag nama]* Saya telah menulis surat kepada Setiausaha Bagi

Parlimen ini supaya nama saya hanya ditulis begini sahaja, tidak ada 'Dr.' Begitu juga sebelum daripada itu beberapa kali penjelasan telah saya lakukan supaya tidak ada 'Dr' di hadapan nama saya, malah ada yang masih menulis nama saya Profesor, Profesor Madya, saya juga minta dia gugurkan nama itu tetapi apa boleh saya buat, masih ditulis berkali-kali, apakah saya hendak lakukan lagi. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi Bagan, saya jelaskan sejelas-jelasnya secara ikhlas dan saya telah pun mengambil segala macam tindakan. Saya berharap perkara itu terhenti setakat itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tun Pengerusi, tadi juga telah dibangkitkan mengenai dengan perkara AUKU, telah saya berkali-kali membuat penjelasan bahawa AUKU sebenarnya adalah governance dari segi pentadbiran universiti, malah kalau kita baca dengan Universities and University College Act 1971, Act 30 telah disebut kebanyakannya mengenai dengan peraturan-peraturan dari segi pengendalian universiti dan sebahagian kecilnya adalah hanya mengenai dengan disiplin pelajar dan telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebagai penjelasan lanjut, beliau telah membangkitkan.... [*Seorang Bentara Dewan menghidupkan pembesar suara di sebelah dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan beralih ke pembesar suara di sebelah*] Maaf saya, beliau telah membangkitkan mengenai dengan kes Rizal Adnan, malah dalam perbincangan kita, soal ini kadangkala telah menjadi satu isu yang besar tetapi ingin saya buat sedikit penjelasan di sini mengenai dengan kes 'Rizalman', Semester Tujuh iaitu pelajar UUM.

Beliau merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar bagi tahun 1999. Beliau telah didapati melakukan dua kesalahan, antaranya ialah, satu, mengadakan perarakan untuk menghalang satu forum bagi menerangkan isu sebenar mengenai pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Hukuman yang dikenakan ke atas beliau ialah amaran keras.

Kedua, selaku ketua yang menjaga latihan dan kepimpinan, beliau telah menganjurkan satu langkah untuk menyusun strategi membantu PAS dalam pilihan raya di Bengkel PAS Kubang Pasu. Hukuman dikenakan ialah gantung satu semester.

MPP baru telah dilantik bagi tahun 2000 dan MPP baru ini tidak sehaluan dengan Rizal Adnan. MPP baru telah menganjurkan satu ceramah dengan Astora Jabat. Ceramah itu berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, semasa majlis penutupan dan penyampaian cenderahati, Rizal Adnan telah bangun berucap dan mengutuk MPP baru serta menghasut menjadikan majlis tersebut kucar-kacir. Ini memalukan UUM dan tindakan ke atasnya ialah hukuman gantung dua semester. Hukuman tersebut dikenakan kerana UUM merasakan bahawa sebagai seorang intelektual di IPTA beliau tidak seharusnya bertindak demikian. Walaupun UUM boleh terus membuang beliau dari pengajian tetapi dia masih diberi peluang untuk menamatkan pengajiannya selepas hukuman.

Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, beliau juga telah membangkitkan.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tun Pengerusi, kalau saya beri laluan, nampaknya kita tidak habis sampai malam.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, bukan, bukan, bukan, bukan fasal....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf, saya tidak beri laluan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan fasal UUM ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita pergi teruskan....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tun Pengerusi, saya bukan hendak menyentuh fasal UUM, tidak.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, boleh atau tidak saya habiskan dahulu....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya habiskan dahulu...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kalau habis nanti, dia lagi .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kalau tidak kita tidak boleh habis Yang Berhormat, sampai malam pun tidak boleh habis.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, sebab....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, begini Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat sendiri kena berlaku adil sebab Yang Berhormat menyebut tadi tentang Rizal ini pernah dihukum kerana terlibat dengan parti pembangkang ....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Pokok Sena. Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab sekarang ini saya hendak membuktikan bahawa [*Tuan Pengerusi mematkan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen cuba teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak beri jalan, yang lain tidak bolehlah berucap.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tun Pengerusi. AUKU juga telah dipinda pada tahun 1996 untuk memantapkan dan meningkatkan penggunaan dan pelaksanaannya demi keselamatan dan keselesaan pelajar.

Mengenai isu pilihan raya yang dibatalkan, sebenarnya pilihan raya telah diubah corak kepada pemilihan secara pencalonan terbuka untuk pelajar. Begitu juga dengan isu ekspo kebudayaan Tionghua di UTM telah dibatalkan. Jadi, saya bangkit kepada perkara-perkara yang telah dibangkit itu, kita faham mengenai dengan disiplin, peraturan yang telah dikenakan ke atas pelajar tetapi tidaklah boleh kita golongan bahawa pada keseluruhannya AUKU itu menindas dan menekan para pelajar serta tidak ada ruang kebebasan untuk akademik dan juga pelajar-pelajar. Jadi, saya berharap untuk kali ini saya rasa bolehlah kita bincang pada masa yang akan datang kerana ini adalah berkaitan dengan.... apa kita panggil.... perbincangan kita tidak banyak mengenai dengan AUKU, dengan demikian saya teruskan.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....memberi jawapan kepada Yang Berhormat bagi Pendang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Pendang telah menyatakan....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf, saya hendak teruskan, kalau tidak nanti habis. Kalau tidak, kita tidak boleh teruskan untuk pada petang ini,

banyak lagi soalan yang telah dikemukakan dan perlu saya jawab. Banyak sangat saya hendak jawab. Jadi, saya berharaplah, mintalah, sebab kita sudah beri penjelasan dan saya berharap memang penjelasan itu kadangkala tidak memuaskan kita sepuas-puasnya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tun, saya.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, saya minta Tun Pengerusi.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** .....bukannya hendak minta penjelasan tentang perkara tadi tetapi perkara baru sebab kami tidak berpeluang untuk berucap tadi dan seharusnya dalam sesi penggulangan ini, perlu diberi peluang.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Setiausaha Parlimen sebab ini berkaitan dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, berkaitan dengan students.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Sila, sila teruskan Setiausaha Parlimen.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Setiausaha Parlimen kena perjelas ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Pendang telah juga membangkitkan mengenai dengan STAM yang digunakan untuk tujuan memasuki Universiti Al-Azhar. Kementerian Pendidikan tidak membatalkan pengiktirafan sijil-sijil berkenaan tetapi kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperkenalkan peperiksaan bersepadu atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Oleh itu semua sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat akan mengambil peperiksaan tersebut untuk mendapatkan sijil.

Yang Berhormat bagi Pendang juga membangkit mengenai dengan kemudahan di pusat matrikulasi yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej matrikulasi KPM hanya mula beroperasi pada 1 Jun 1999 iaitu Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan dibuka pada 1 Januari 2000. Kementerian Pendidikan dalam proses melengkapkan kemudahan di kolej-kolej ini. Walau bagaimanapun, keperluan asas pembelajaran dan pengajaran telah disediakan. Begitu juga Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan mengenai dengan signifikan Kementerian Pendidikan membatalkan pengendalian matrikulasi oleh universiti dan diserahkan kepada pihak swasta. Sebenarnya hasrat kerajaan adalah untuk menyediakan satu program yang

dapat diterima oleh semua universiti dan sekaligus dapat memberi peluang kepada pelajar memilih mana-mana universiti untuk Ijazah Pertama mereka.

Di samping itu, kerajaan juga berhasrat untuk menyediakan kurikulum yang menyeluruh merangkumi aspek-aspek akademik dan pembangunan diri pelajar seperti pendidikan Islam dan moral. Kemahiran berkomunikasi, pendidikan kewarganegaraan, bahasa Inggeris dan teknologi maklumat. Pelajar juga wajib mengambil satu jenis sukan dan aktiviti persatuan.

Begitu juga soalan yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Pendang, mengapakah IPTS menjalankan Program Matrikulasi KPM. Pada masa sekarang KPM mempunyai lima buah kolej matrikulasi yang hanya mampu menampung 12,500 pelajar sedangkan jumlah pelajar setiap tahun ialah 21,000 orang. Pada masa akan datang Kementerian Pendidikan merancang untuk membina 5 buah lagi kolej tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Yang Berhormat Sedang pula, Serdang, maaf saya, telah membangkitkan mengenai dengan sekolah bantuan modal dan yang tidak mendapat kemudahan yang sama seperti sekolah kerajaan. Sekolah bantuan modal ialah sekolah di mana bangunan dan tapak tanah itu, sekolah berkenaan bukan milik Kerajaan Persekutuan. Tapak dan bangunan sekolah ini dimiliki oleh orang perseorangan, Lembaga pengurus sekolah, pihak mission atau tapak adalah milik Kerajaan Negeri yang dibeli secara pajakan. Sehubungan itu, kemudahan yang diberikan adalah tidak sama seperti sekolah kerajaan.

Beliau juga telah membangkitkan mengenai sama ada benar atau tidak UPM mengenakan bayaran letak kereta. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, UPM atau Universiti Putra Malaysia memang tidak mengenakan bayaran letak kereta seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun Yang Berhormat. Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa tidak perlu kot, saya bagi dah jawapan, dia tidak .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apa pasal sentuh nama saya. Kena bangunlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya perlu dapatkan penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .... Pendang juga telah membangkitkan perkara ....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ada bukti mengatakan ada kena.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, itu peraturannya Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dah saya buat penjelasan, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena fahamlah. Dalam surat khabar pun kita sudah buat penjelasan. Yang Berhormat tidak baca *Utusan Malaysia*, ini yang susah.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat baca surat khabar *Harakah* saja. Jadi, tidak adalah cerita-cerita pasal UPM.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini berkaitan dengan *Utusan Malaysia*, Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* di sini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan soalan juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini macam mesyuarat kampung.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Apakah ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sila teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini bukan mesyuarat kampung ataupun mesyuarat PAS, ini Parlimen. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang ini juga mengenai dengan kenaikan taraf Jabatan Pendidikan ke Fakulti Pendidikan di UIA diturunkan semula.

Sebenarnya kenaikan taraf Jabatan Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa ke Fakulti Pendidikan ditangguhkan sehingga satu kajian mengenai halatuju program pendidikan secara menyeluruh selesai. Sehubungan dengan itu setiap IPTA dicadangkan supaya mempunyai, dengan izin, *niche area*, masing-masing. Memandangkan Universiti Pendidikan Sultan Idris atau UPSI, telah ditubuhkan dan berfungsi untuk melatih dalam bidang pendidikan, maka seharusnya bidang dan program pendidikan dijalankan oleh universiti tersebut. Oleh itu kita sedang pertimbangkan perkara itu supaya hal-hal sedemikian tidak bertindih.

Begitu juga telah dibangkit oleh Yang Berhormat Pendang mengenai dengan mengapa bilangan pelajar Diploma Pendidikan UIA menurun pengambilannya dari 400 orang kepada 100 orang pada tahun ini. Jawapannya, bilangan pelajar *Diploma in Education* di UIA adalah seramai 250 orang dan bukannya 100 orang. Bilangan pelajar telah berkurangan kerana maktab perguruan telah membuat pengambilan pelajar Dip.Ad, dengan izin, menerusi kursus pengurusan lepasan ijazah.

Untuk menjawab soalan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang sekali lagi, sebab saya jawab banyak sikit kepada yang Pendang ini sebab dia puji saya, ada hari dia menyoal, dia bagi pujian kepada saya. Terima kasih banyak-banyak. *[Disampuk]*

Pelaksanaan AUKU dan disiplin pelajar-pelajar di universiti, apakah hukuman diselaraskan, di universiti-universiti atau atas tindakan universiti itu sendiri. Tindakan dan hukuman ke atas pelajar yang melanggar AUKU adalah berasaskan kes demi kes, penyelarasan akan menyebabkan tindakan yang tidak bersesuaian ke atas kes yang wujud. Di samping itu, ingin saya beri sedikit makluman di sini bahawa sekiranya seseorang mahasiswa itu dikenakan tindakan dan sudah dijatuhkan hukuman bahawa mereka akan dihadapkan ke satu majlis dan kalau minta kurangkan hukuman itu ataupun untuk penyelesaian iaitu boleh sampai ke peringkat Menteri Pendidikan. Dia boleh buat rayuan kemudiannya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Arau bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Soalan yang selanjutnya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai ....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ..... apakah kebebasan menyoal dan memberi pendapat disekat di kalangan pelajar. Majlis dialog, forum dan seminar sentiasa diadakan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian bagi mencetus idea bernas dan intelektual pelajar. Jadi, kita juga di universiti, saya difahamkan bahawa kita tidak dibenarkan untuk mengadakan rapat-rapat umum PAS atau mana-mana parti dalam kampus.

Kemudian, pihak Yang Berhormat Bandau telah juga .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya habiskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *Come on* lah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya habis sikit sahaja. Sikit sahaja saya habis.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baru ada perdebatan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tidak boleh Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Bandau mencadangkan supaya pinjaman untuk IPTA boleh diberikan pendahuluan sebagai satu *flexibility* kerana pendahuluan sebanyak RM1,000 tidak mencukupi terutama sekali kepada pelajar dari Sabah dan Sarawak serta mencadangkan supaya pengeluaran wang pinjaman dipercepatkan.

Sebagai jawapan, pelajar Sabah dan Sarawak yang belajar di Semenanjung mendapat RM1,500; begitu juga dengan pelajar Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Bagi pelajar Sabah yang belajar di Sarawak juga diberi pendahuluan sebanyak RM1,500 dan begitu juga pelajar Sarawak ke Sabah. Hanya pelajar Semenanjung yang memasuki IPTA di Semenanjung sahaja mendapat RM1,000. Wang pendahuluan diri hanya baru diperkenalkan oleh PTPTN dalam tahun 1999.

Berkaitan dengan mempercepatkan proses pemberian pinjaman, pada tahun 2000 pelajar akan mendapat wang pinjaman mereka dalam masa 2 minggu selepas mendaftar diri di IPTA. Pelajar yang sedia ada pula akan menerima wang pinjaman mereka sebaik sahaja mereka mendaftarkan diri semula di kampus. Dengan ini diharapkan masalah kewangan pelajar akan dapat diatasi.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Dia tidak sebut apa-apa pun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Bandau juga ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat takut ke apa ini?

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila teruskan. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tak, yang saya hendak takut, takut apa, saya sudah kata tadi, saya hendak teruskan ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak. Sepatutnya kalau Yang Berhormat tidak takut .... saya mengikut amanah rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Pokok Sena. Ini peraturan mesyuarat, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, yang lain tidak boleh berucap. Sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Bandau pula ingin tahu berapakah jumlah pra-sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan jumlah yang dibina di kawasan luar bandar. Bilangan pra-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan di seluruh negara sebanyak 1,069 terdiri daripada 1131 kelas. Daripada jumlah tersebut 80% terletak di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, pihak Yang Berhormat Bandau juga telah membangkitkan perkara-perkara lain, saya rasa itulah dua perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Serdang juga telah membangkitkan tentang konsep Sekolah Wawasan untuk menghapuskan syak wasangka. Begitu juga pihak Yang Berhormat tadi mahu tahu berapakah jumlah Sekolah Wawasan yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Seterusnya, soalnya juga berbunyi, apakah kriteria yang digunakan untuk membina Sekolah Wawasan seperti sekolah di Puchong yang hendak dijadikan Sekolah Wawasan. Dan, selanjutnya beliau juga ingin tahu bagaimanakah reaksi ibu bapa terhadap Sekolah Wawasan.

Konsep Sekolah Wawasan adalah menyatukan beberapa buah sekolah lebih daripada satu aliran dalam satu kawasan. Contohnya, menyatukan sekolah aliran kebangsaan dengan jenis kebangsaan Tamil atau Cina atau ketiga-tiganya sekali. Sekolah ini ditempatkan dalam satu kawasan yang sama tetapi mempunyai pengurusan yang berasingan. Ketiga-tiga aliran ini bagaimanapun berkongsi kemudahan sekolah seperti dewan, padang dan kantin. Sebanyak 7 buah Sekolah Wawasan sedang dalam proses pembinaan dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Kebiasaannya pihak Kementerian Pendidikan memberi keutamaan bagi sekolah-sekolah yang bermasalah dari segi tapak atau sekolah yang daif dan memohon supaya dipindahkan.

Yang Berhormat Sibü juga telah membangkitkan soalan mengenai dengan cadangan supaya Kementerian Pendidikan mengambil guru-guru yang terdiri daripada pemilik kelayakan *Senior Middle Three* daripada *Chinese Independence School* bagi mengatasi kekurangan guru di SJK (Cina). Kelayakan sijil *Middle Three*, dengan izin, tidak diiktiraf oleh kerajaan bagi tujuan pelantikan dalam perkhidmatan awam

kerana sijil berkenaan tidak berdasarkan kurikulum kebangsaan. Kerajaan hanya memberi pertimbangan bagi kemasukan ke maktab perguruan bagi calon-calon yang memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon juga dikehendaki memperolehi kelulusan di peringkat Kepujian serta lulus ujian lisan SPM yang mereka miliki.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kelonggaran yang diberi untuk kemasukan ke maktab perguruan adalah masih dalam .....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Cheras.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...rangka butiran kelayakan dalam SPM itu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia tidak dengar.

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak. Ini ada yang bangun ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, saya perlu habiskan. Penjelasan saya sudah buat, sudah saya katakan memang kadangkala kita tidak boleh beri segala macam *detail* kerana ia makan masa. Jadi, walau bagaimanapun telah pun kita buat penjelasan.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibul juga. Yang Berhormat bagi Sibul telah mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji dengan teliti tentang penubuhan IPTS kerana didapati kurang kemudahan di IPTS dan ia bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Jawapannya ialah bilangan IPTS yang ada sekarang adalah untuk menampung permintaan ke IPTA yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa memantau .....

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ..... dan mengawal selia supaya IPTS mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.....

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ..... termasuk kemudahan pengajaran....

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ....dan pembelajaran, kualiti pensyarah dan kemudahan-kemudahan yang lain.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya dia....

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Peraturan-peraturan bagi mengawal....

**Tuan Pengerusi:** Kejap, kejap, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat hendak bagi jalan kepada yang kemudian daripada ini bangun ataupun tidak mahu bagi langsung?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tuan Pengerusi, tadi saya dah buat ketetapan sebab saya hendak habiskan, jadi sesiapa sahaja pun bangun, saya tidak bagi laluan walaupun daripada Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi:** Sudah, cukuplah. Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi sendiri faham....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Masalahnya dalam peringkat dasar kata tidak ada masa, boleh bincang di peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Setiausaha Parlimen, sila teruskan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Peraturan-peraturan bagi mengawal IPTS sentiasa diberi perhatian....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** KPM juga telah meningkatkan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kalau dia tidak bagi jalan, saya rasa untuk memendekkan masa, dia boleh buat jawapan penjelasan bertulis, jadi kita boleh bahas kementerian lain. Itu menjimatkan masa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Pokok Sena, Pokok Sena. Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** KPM juga telah meningkatkan kerjasama dengan pihak persatuan institusi swasta bagi meningkatkan perkembangan IPTS.

Yang Berhormat bagi Tebrau juga telah membangkitkan sama ada terdapat peraturan atau undang-undang berkaitan penubuhan kelas-kelas Tadika dan Tabika atau adakah ia ditubuhkan sesuka hati. Oleh itu dicadangkan agar kerajaan menyiasat dan mengawal *syllabus* kelas-kelas tersebut.

Pada masa ini, satu garis panduan bagi prasekolah telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan dan diedarkan kepada semua Tadika pada akhir tahun 1998. Pemantauan berterusan dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Negeri melalui lawatan berkala. Lawatan khas dan lawatan berasaskan aduan bagi mengawal kualiti pengajaran, keselamatan dan keselesaan pengajaran, pembelajaran di sekolah.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Tebrau juga telah membangkitkan mengenai dasar konsortium bagi tender kantin untuk asrama kerana bumiputera didapati tidak mendapat bekalan secara langsung dan harga makanan mungkin akan meningkat. Jadi, beliau telah mencadangkan supaya konsortium tidak diperlukan. Sebagai jawapan, perkara ini adalah di bidang kuasa agensi lain. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian terhadap perkara ini.

Beliau juga, Yang Berhormat bagi Tebrau telah mencadangkan guru yang menentang kerajaan ditamatkan perkhidmatan kerana tindakan menukarkan mereka ke sekolah-sekolah lain tidak memadai. Sebagai jawapan, bagi guru-guru yang telah disahkan menentang kerajaan, mereka boleh diambil tindakan tata tertib atau ditamatkan perkhidmatan mengikut *merit* sesuatu kes.

Prosedur yang ditetapkan bagi mengambil tindakan tersebut adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tata Tertib) 1993. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu tindakan diambil, bukti yang nyata adalah diperlukan....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mohon penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Selain daripada itu, kita juga telah mewujudkan jawatankuasa menurut prosedur tertentu. Dengan lain perkataan,....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, dia tidak bagi jalan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ....tindakan tatatertib hendaklah....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tak. Kalau tidak, dia tidak boleh membuat apa-apa tuduhan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab yang berlaku sekarang ini bukan menentang kerajaan, menentang UMNO dan tidak demokratik. [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Pembesar suara dimatikan*]  
Sebenarnya pelajar-pelajar universiti, saya nak bagi tahu.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ....sedang menyokong UMNO di salah sebuah peti undi di Sanggang.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kenapa tindakan tidak diambil? Saya ada senarai nama dan kad matriks pelajar-pelajar universiti termasuk....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ..... pensyarah universiti Universiti Kebangsaan yang ditaja oleh UMNO Johor.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kenapa tidak diambil tindakan?

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Nama, nama ada kat saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila teruskan ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, sebagai kesimpulan kepada soalan itu, maka tidak benarlah kita mengambil sesuatu tindakan disiplin iaitu sewenang-wenangnya tanpa usul periksa dan tanpa prosedur.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah juga membangkitkan mengenai dengan perayaan yang diadakan di UTM. Sebagai jawapan, bahawa tidak timbul isu UTM menghalang kegiatan kebudayaan. Ini saya sambung lagi, kebudayaan Tionghua di kampusnya kerana kelulusan bersyarat telah pun diberi di peringkat awal di mana ekspu ini mestilah diadakan, dijalankan bersama dengan

Festival Adunan Rakan Seni dan Budaya (ADUKA) yang telah diadakan pada 9 sehingga 19 Februari 2000 yang lalu.

Program ini telah dirasmikan oleh wakil Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 13 Februari 2000 dan disokong penuh oleh Kementerian Belia dan Sukan. Program ADUKA merupakan satu program adunan seni dan budaya berasaskan kebudayaan berbilang bangsa yang telah dirancang dan diluluskan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, masalah timbul apabila sekumpulan pelajar yang ingin mengadakan program secara berasingan dengan mewujudkan program yang menumpukan aktiviti yang sama dan tidak menunjukkan semangat berbilang kaum pada tarikh yang sama.

UTM sentiasa terbuka untuk menimbang semua permohonan mengadakan aktiviti pelajar dan memberi sokongan kepada pihak berkenaan yang ingin benar-benar mengadakan aktiviti yang sihat demi kepentingan pelajar. Maka, tidak benarlah untuk mengatakan pihak universiti telah menyekat ataupun tidak mahu memberi apa-apa ruang ke pada satu-satu pertunjukan.

Akhir sekali ialah mengenai dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Subang. Mengenai dengan kekurangan guru pengajian Tamil di SJK(Tamil). Pada 1 Februari 2000, daripada sejumlah 5,093 jawatan yang diperuntukkan di SJK(T) sebanyak 4,731 telah diisi iaitu 4,160 orang guru tetap, 557 orang guru sandaran tidak terlatih dan 14 orang guru kontrak. Bilangan kekosongan iaitu sebanyak 362 akan diisi oleh pelatih keluaran maktab perguruan yang berjumlah 138 orang pada bulan Jun 2000 dan 299 orang lagi pada bulan Jun 2001.

Secara keseluruhannya kedudukan perjawatan di SJK(T) adalah stabil. Masalah untuk mendapatkan calon yang berkelayakan untuk mengikuti kursus di maktab perguruan serta menempatkan guru di SJK(T) tidak mendesak.

Mulai Jun 2000 hingga Januari 2003 seramai 1025 guru terlatih dalam opsyen pengajian Tamil akan dikeluarkan oleh maktab-maktab perguruan dan dengan ini semua guru di SRJK(T) akan terdiri daripada mereka yang terlatih. Mengenai dengan apa ini, soalan yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Rompin iaitu mengenai dengan keciciran bagi Orang Asli dan juga supaya meminta kementerian membuka lebih luas lagi ataupun memberi pembelaan kepada masyarakat Orang Asli. [Batuk] Maaf saya. Kementerian semenjak mengambilalih sekolah-sekolah Orang Asli pada tahun 1995 amat prihatin mengenai tahap pendidikan Orang Asli yang

masih lemah. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan mutu pendidikan dan keadaan kepentingan pendidikan di kalangan ibu bapa dan pelajar-pelajar. Langkah-langkah yang telah diambil oleh KPM ialah satu, dari segi fizikalnya membaik pulih dan menaik taraf serta membuat gantian dan membina bangunan baru.

Dari segi sosial pula bantuan makanan telah diberi. Selanjutnya kursus-kursus motivasi juga diberi oleh pihak kementerian. Selanjutnya program khas murid yang terdiri daripada kaum Orang Asli bagi mempertingkatkan 3M - Membaca, Menulis dan Mengira di kalangan murid Orang Asli yang lemah di sekolah rendah telah pun diadakan bagi memperbaiki keadaan. KPM juga semenjak pengambilalihan sekolah-sekolah murid Orang Asli pada tahun 1995 amat prihatin mengenai tahap pendidikan Orang Asli yang masih lemah. Berbagai program telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi mutu pendidikan dan kesedaran kepentingan pendidikan di kalangan ibu bapa dan murid-murid Orang Asli.

Langkah-langkah yang telah diambil seperti membaik pulih, menaiktaraf atau menggantikan sekolah, rumah guru dan serta juga asrama yang daif. Di samping itu KPM telah memperkenalkan program khas murid Orang Asli bagi mempertingkatkan 3M yang telah saya sebutkan tadi.

Selanjutnya Yang Berhormat bagi Rompin juga telah mengambil ataupun telah membuat cadangan supaya disegerakan masalah kekurangan guru Sains dan Matematik terutama sekali di luar bandar. Kementerian telah mengambil tindakan berikut untuk mengatasi masalah kekurangan guru Sains dan Matematik terutama sekali di luar bandar.

Satu, pihak kementerian telah menambah bilangan unjuran dan ambilan guru ke Maktab Perguruan dalam bidang Matematik dan Sains. Sejak tahun 1997, ambilan guru Matematik dan Sains ke maktab kira-kira 65% dengan bakinya untuk mata pelajaran lain yang kritikal seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Yang Berhormat bagi Rompin juga telah menanyakan supaya setiap orang guru di sekolah rendah dan guru sekolah menengah serta juga pensyarah di universiti hendaklah mendapatkan tauliah untuk mengajar agama di surau dan di masjid serta juga sekolah-sekolah daripada Jabatan Agama Islam Negeri.

Jawapannya, guru-guru dan pensyarah yang mengajar di sekolah dan aktiviti sememangnya telah diberi tauliah bersama perlantikan mereka sebagai guru melalui

hubungan persefahaman Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Agama Islam Negeri atau JAIN.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tak cukup kuorum.

**Tuan Pengerusi:** Kejap, kejap, Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Berhubung dengan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada yang kata korum tak cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf tadi, minta maaf.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia minta point of order Yang Berhormat, kuorum tak cukup Yang Berhormat, sila duduk dulu Yang Berhormat. Minta setiausaha bilang berapa orang yang ada?

*[Ahli-ahli dikira: kurang 26 ahli hadir]*

Ya, 25? Tak cukup korum seorang lagi. Minta bunyikan loceng dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

Ya, minta bilang semula, Yang Berhormat.

*[Ahli-ahli dikira: lebih 26 ahli hadir]*

Ya, 29? Dah cukup korum dah. Setiausaha Parlimen, sila teruskan. Yang Berhormat, makan masa panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sikit saja Tun, sebab itu saya tak bagi laluan tadi kerana kalau tidak masa dia akan makan lagi banyak, malam pun kita tak boleh habis.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan guru dan pensyarah yang mengajar agama di masjid dan luar sekolah mereka telah mempunyai tauliah daripada JAIN. Walau bagaimanapun kementerian berpendapat bahawa sekiranya masih ada sebilangan mereka yang tidak mempunyai tauliah, eloklah mereka mendapatkan tauliah tersebut dahulu daripada JAIN.

Yang Berhormat bagi Rompin juga telah membangkitkan mengenai dengan kelengkapan ataupun melengkapinya serta juga mengkaji semula sistem pendidikan peperiksaan kerana ia lebih mirip kepada belajar untuk peperiksaan iaitu lebih menghafal daripada memahami. Sebagai jawapan, pembinaan ujian dibuat berdasarkan objektif kurikulum yang berdasarkan jadual penentuan ujian yang mengandungi kandungan dan kemahiran berfikir. Ini bermakna setiap soalan itu berbeza dari segi kesukarannya. Ini tidak semuanya soalan dibina terdiri daripada

soalan dan juga cara untuk mengingat semula fakta-fakta. Soalan peringkat kemahiran tinggi pula seperti pada aras kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian memerlukan calon berfikir untuk memberi jawapan yang tepat dan berkesan.

Maka tidak benarlah untuk mengatakan bahawa sistem peperiksaan kita hanya semata-mata untuk mengeluarkan murid-murid yang hanya tahu menghafaz sahaja.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah membangkitkan mengenai dengan mencari satu pendekatan segera untuk menganjurkan kursus jangka pendek Bahasa Inggeris dan Matematik dan juga bagi mereka yang kelepasan SPM. KPM akan mengkaji dan kita mengambil perhatian terhadap cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Parit Sulong juga telah mencadangkan supaya disediakan dana bagi membantu pelajar daripada IPTS. Kementerian akan mencadangkan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional supaya syarat pinjaman boleh juga dibuka kepada pelajar-pelajar IPTS dan ini sedang kita usahakan. Jadi, ini masih dalam pertimbangan.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa juga telah membangkitkan mengapa tenaga pengajar program Matrikulasi tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi. Jawapannya semua tenaga pengajar, pensyarah program Matrikulasi memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dalam bidang yang berkaitan termasuk Pensyarah di IPTS.

Begitu juga, ramai pelajar didapati gagal dalam peperiksaan sehubungan dengan kes yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya tidak ramai yang gagal, misalnya daripada keseluruhan pelajar Matrikulasi di seluruh negara hanya 0.47% sahaja yang gagal.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan apakah usaha yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memberi bekalan elektrik ke sekolah-sekolah luar bandar dan juga penggunaan Internet. Pihak kementerian hanya boleh menyediakan kemudahan sekolah manakala kemudahan asas yang lain sepertimana bekalan elektrik, air dan sebagainya disediakan oleh agensi yang lain.

KPM bagaimanapun menyedari kemudahan itu dan kita juga sedang berusaha supaya dapat kerjasama daripada agensi-agensi lain dalam hal itu. Walau bagaimanapun, kita mengambil cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang

Berhormat bagi Kepong dalam hal ini. KPM juga bagaimanapun telah menyediakan kemudahan generator untuk sekolah-sekolah di kawasan luar bandar supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa juga telah mencadangkan KPM memberi perhatian yang serius terhadap program Matrikulasi yang tidak mempunyai infrastruktur yang lengkap. Sebagai jawapan, sebenarnya pihak kementerian telah menjalankan pemantauan dari masa ke semasa tentang persoalan ini. Cadangan-cadangan dan komen yang diberikan kepada IPTS untuk memperbaiki dan juga bagi mengatasi kekurangan yang ada meliputi hal akademik dan hal ehwal pelajar amatlah dialu-alukan dan kita senantiasa berharap cadangan dan pandangan yang dikemukakan senantiasa mendapat perhatian ini.

Saya sekali lagi pohon maaf sekiranya soalan-soalan yang tidak dapat saya jawab kerana mungkin sesetengahnya sudahpun terjawab.

Akhir kata, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan yang dibahaskan dalam Dewan ini adalah yang pertama untuk millenium ini. Fakta ini adalah significant. Kita mesti faham bahawa apa yang kita lakukan pada hari ini akan menentukan hala tuju dasar pendidikan kita. Ia akan menentukan sama ada wawasan yang kita idamkan bagi bangsa dan negara ini akan tercapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbelanjaan yang kita bahaskan ini adalah bagi meneruskan objektif-objektif dasar pendidikan negara kita. Setakat ini kita telah mencapai tahap yang membanggakan dalam peningkatan taraf pendidikan. Dari dalam dan luar negara kita mendapat pengiktirafan dalam usaha kita mendemokrasikan pendidikan dengan izin, *democratization of education* dan dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Kerajaan meminta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian senantiasa memberi sokongan dan terus membantu usaha yang unggul dan murni ini. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,691,367,400 untuk Maksud B.26 dan RM25,886,900 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,691,367,400 untuk Maksud B.26 dan RM25,886,900 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,388,370,420 untuk Maksud P.26 dan RM33,675,700 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,388,370,420 untuk Maksud P.26 dan RM33,675,700 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ketinggalan masa selama dua hari. Sepatutnya pada hari ini kita telah pun dapat menghabiskan Kementerian Sumber Manusia tetapi hari ini kita hanya boleh menghabiskan Kementerian Pendidikan. Yang demikian, terpaksa kita pada hari ini hendak melanjutkan masa Mesyuarat, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat mengadakan kuorum yang secukupnya untuk hendak menghabiskan mesyuarat pada hari ini dan dicadangkan mesyuarat disambungkan sehingga 7.45 malam.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa ]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.28 hingga B.32 [Jadual] -**

**Maksud P.28, P.31 dan P.52 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.28 hingga B.32 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.52 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

**3.28 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, B.28 Butiran 010000 - Perkhidmatan Kewangan dan P.28 Butiran 070000 - Dasar Baru.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan satu perkara sahaja iaitu Syarikat Perumahan Negara yang telah ditubuhkan sebagai syarikat yang dimiliki oleh kerajaan yang dikendalikan oleh Menteri Kewangan yang diperbadankan. Syarikat Perumahan Negara ini adalah sebuah syarikat kerajaan dengan adanya Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai pengurusan sendiri. Saya minta pihak kerajaan untuk memaklumkan kepada Dewan ini senarai ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Perumahan Negara yang telah dilantik dan juga bilangan pegawai-pegawai pengurusan untuk mengendalikan syarikat tersebut.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi, Syarikat Perumahan Negara ini yang ditubuhkan bagi meningkatkan bagi pelaksanaan program perumahan kos rendah supaya lebih ramai rakyat yang layak dapat memiliki rumah sendiri. Oleh yang demikian, Syarikat Perumahan Negara yang telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu maka saya mintalah apa perancangan dan garis panduan telah dilaksanakan sepanjang masa ini dan sehingga kini berapa jumlah rumah unit kos rendah telah dibina atau juga membeli unit-unit rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta sebab semasa penubuhan telah dimaklumkan pada Dewan ini bahawa untuk membina rumah-rumah kos rendah atau membeli unit-unit rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta. Maka sehingga ini berapa jumlah telah dibuat demikian yang boleh dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada ini oleh kerana garis panduan pelaksanaan juga hendaklah yang telah ditentukan oleh kerajaan ini, yang telah diluluskan oleh kerajaan maka maklumkan garis panduan pelaksanaan supaya dasar syarikat ini dapat dipenuhi dan juga saya minta pihak kerajaan untuk memberi penjelasan bahawa dengan adanya Syarikat Perumahan Negara ini, adakah bercanggah dengan Jabatan Perumahan Negara yang di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kalau dengan ada nya dua-dua badan untuk mendirikan rumah kos rendah atau membeli rumah unit-unit daripada pihak swasta akan bersaing antara satu sama lain. Dengan adanya persaingan ini adakah menjejaskan pelaksanaan atau pembinaan rumah kos rendah di negara kita ini dan mungkin oleh itu jadikan tidak akan sampai tahap untuk sampai yang dikehendaki di negara ini untuk memberi rumah kos rendah kepada rakyat jelata yang sentiasa diminta.

Jadi ini yang pentingnya supaya dapatlah satu penjelasan lebih lanjut daripada pihak kerajaan untuk menghapuskan sya k wasangka terhadap apa yang telah berlaku terhadap Syarikat Perumahan Negara yang begitu lama ditubuhkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukit Bintang.

**3.33 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Butiran 010000 - Perkhidmatan Kewangan dan Butiran 010100 - Pengurusan Am, Maksud Bekalan 28 Perbendaharaan. Sejumlah RM67,086,890 dan RM40,468,160 ada diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin membangkitkan kes Suruhanjaya Sekuriti yang mengeluarkan waran tangkap ke atas usahawan Datuk Soh Chee Wen, bekas Ahli Jawatankuasa Tertinggi MCA dan Patric Lim Hong Koon pada 19 April 1999 tetapi mereka berdua sehingga kini masih berada di luar negara.

Tuan Pengerusi, Datuk Soh Chee Wen dan Patric Lim dikehendaki kerana hubungan mereka dalam kes manipulasi saham yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya Sekuriti menyebabkan kaunter Kelana mas Industri Bhd., Rekapac, Red Box dan Promet digantung sejak tahun lalu. Sehingga kini tidak ada laporan tersiar dalam media mengenai mereka berada ataupun laporan usaha-usaha menjejaki mereka dan sehingga kini tidak ada laporan sekuriti mengenai orang ketiga yang dikatakan terlibat untuk siasatan lanjut.

Tuan Pengerusi, saya tidak fikir bahawa pihak Suruhanjaya Sekuriti dan pihak-pihak lain yang diminta bekerjasama, serius dalam pencarian mereka. Negara tidak harus bertolak ansur dengan 'penjenayah komersial' tidak kira apa kedudukan mereka kerana perbuatan mereka menyalahguna kedudukan dan kuasa menyebabkan ramai pelabur menanggung kerugian tidak harus dimaafkan.

Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini harus diberitahu apakah kedudukan mutakhir kes mereka dan apakah sebab pihak ketiga yang terlibat tidak mengumumkan namanya. Apakah ia satu 'cover up' dan ada pihak atasan terlibat tetapi dilindungi.

Kerajaan yang bertanggungjawab pada alaf baru ini ialah tidak melindungi penjenayah komersial. Datuk Soh dan rakannya harus diberi jaminan bahawa mereka akan diadili dengan saksama jika dihadapkan ke pengadilan dan diberi ruang pembelaan seadilnya kepada beliau. Saya cabar Suruhanjaya Sekuriti dan menteri supaya mengumumkan identiti orang ketiga dalam kes ini, mengapa takut diumumkan.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada KWSP yang diumumkan baru-baru ini oleh Pengerusi Eksekutifnya bahawa kadar dividen KWSP tahun 1999 ialah 8.84%. Sebaliknya PNB yang diberi pinjaman RM2 bilion oleh KWSP pada 30 April 1999 memberikan dividen atau bonus kepada penyimpan ASB sebanyak 12% malah LTAT pun memberi bonus atau dividen sebanyak RM12%. Mengapa kadar dividen KWSP terlalu rendah berbanding keuntungan pelaburan, faedah, caruman-caruman dan sebagainya yang diterima oleh KWSP sehingga 31 Disember 1999 sebanyak RM160.8 bilion diperuntukkan untuk pelaburan.

Tuan Pengerusi, ramai pihak beranggapan KWSP akan mengumumkan kadar dividen lebih tinggi pada tahun ini kerana pada tahun 1996 dan tahun 1997 kadar dividen ialah 7.7%. Jadi ramai percaya kadar tahun 1999 ialah 8%. Ini bererti KWSP menyimpan banyak keuntungan untuk diri sendiri dan tidak dipulangkan kepada pencarum dalam bentuk dividen. Apa maksudnya, adakah kerajaan bertujuan untuk membenarkan dana KWSP digunakan sebagai pinjaman baru atau dilabur dalam portfolio baru. Mengapa pula PNB yang selama ini dianggap gagah dan dibanggakan dengan pelaburan RM30 bilion masih memerlukan pinjaman RM2 bilion daripada dana KWSP.

Adakah kerajaan bimbangkan para pelabur ASN dan ASB lari dan mengeluarkan pelaburan mereka kerana kerugian dan kemerosotan pendapatan dari pelaburan saham-saham. Maka memerlukan campurtangan kerajaan menjadi penjamin pinjaman PNB kepada KWSP, sebabnya pelaburan ASN atau ASB senang keluar wang tetapi caruman KWSP tidak boleh atau sukar dikeluarkan wang. Caruman KWSP ialah untuk bekalan hari tua tetapi sekarang mengapakah banyak skim pengeluaran wang KWSP menjadikan seseorang pekerja tidak mempunyai banyak simpanan dan bekalan pada hari bersara.

Tuan Pengerusi, skim-skim pengeluaran ini menjadikan maksud simpanan KWSP tidak mencapai sasaran dan lemah. Ia hanya menjadi tabungan sementara sahaja. Ini bukan tunjuk kemurahan hati kerajaan tetapi menunjukkan kerajaan tidak ada wang untuk membantu rakyat yang memerlukan bantuan sama ada untuk kesihatan, pendidikan, komputer, pembelian saham dan perumahan. Ini bukti kerajaan lemah, bukan bukti kerajaan teguh dan kukuh.

Tuan Pengerusi, memanglah wang caruman KWSP ialah wang sendiri. Tetapi jika sudah dikeluarkan untuk pelbagai kegunaan apalah ertinya simpanan. Kerajaan menggalakkan rakyat menabung tetapi dari segi lain kerajaan menggalakkan rakyat mengeluarkan simpanan hari tua. Caruman KWSP ialah ganti wang pencen. Pengeluarannya sebelum umur bersara atau matang hendaklah dianggap sebagai sementara sahaja. Apabila ekonomi bertambah baik, caruman hendaklah kembali kepada asal seperti apabila skim insurans kesihatan, tabung pendidikan dan perumahan berjalan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, jika kita merujuk buku Laporan KWSP tahun 1998, KWSP ada mencatat dalam akaun belanja operasinya, Item hapus kira, kerugian serta peruntukan hapus kira, hutang ragu dan lapuk sebanyak masing-masing ialah RM445,116,761. Manakala akaun pinjaman gadai janji belum diterima. Sebanyak RM180,309,000 telah dipotong sebagai peruntukan bagi pinjaman lapuk dan juga pinjaman ragu. Sebagai pemegang amanah wang caruman pekerja KWSP melakukan kesalahan serius menghapuskan hutang ragu dan lapuk yang dianggap telah menyalahgunakan wang amanah pekerja. Saya tidak berpuas hati kewujudan akaun ini dan saya ingin meminta penjelasan Dewan yang mulia ini mengapa KWSP boleh berbuat demikian kepada wang caruman para pekerja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau.

**3.43 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, saya ada satu-dua perkara yang sedikit untuk membangkitkan dalam belanjawan pada B.31, Butiran 030100 – ‘Jabatan Kastam dan Eksais Diraja’ iaitu berhubung dengan masalah harta-harta dan kenderaan-kenderaan dan barang-barang yang dirampas oleh pihak kastam yang masalahnya ialah semua harta barang ini akan disimpan begitu lama untuk menunggu perbicaraan oleh pihak mahkamah. Maka saya dapati banyak kereta yang dirampas kerana membawa barang lari daripada cukai disimpan begitu lama memakan bertahun-tahun termasuk kereta yang elok pada peringkat awal tetapi akhirnya kereta itu makin lama makin rosak dengan sendirinya yang saya dapat lihat sendiri di tempat-tempat letak kereta.

Jadi, ini akan merugikan kepada kerajaan kalau keputusan dibuat begitu lama, termasuk juga barang-barang yang dirampas oleh pihak kastam di pelabuhan-pelabuhan dan sebagainya juga ia akan menunggu perbicaraan yang lama dan tentulah hendak menunggukan mahkamah, mahkamah banyak kes yang lain akan dibuat perbicaraan. Maka saya ingin kalau boleh pihak kerajaan mencari jalan supaya kes-kes yang melibatkan hasil yang besar kepada kerajaan dan barang-barang yang lepas yang berharga itu dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Saya contohkan, di peringkat pihak berkuasa Majlis Bandaraya ia ada mahkamah khas, ia tidak masuk dalam mahkamah biasa dan didapati perjalanannya amat baik. Kes yang tersebut dibawa dengan begitu segera dan dapat diselesaikan dengan begitu sekali. Tidak bolehkah dalam perkara ini pihak kastam ataupun kerajaan melihat supaya kalau boleh dalam kes-kes yang tersebut, Jabatan Kastam juga mempunyai satu mahkamah sendiri. Sebab saya kata ini kerana kemudian ini nampaknya melarikan cukai begitu banyak sama ada dapat dikesan dan tidak dapat dikesan dan ia melibatkan barangan yang berjuta-juta ringgit dan beratus-ratus ribu ringgit. Jadi, supaya tidak membazirkan harta-harta ini begitu sahaja untuk menunggu keputusan mahkamah, jadi supaya dapat mahkamah yang tertentulah. Jadi, senang bila kes mahkamah kastam sahaja, ada satu majlis macam Majlis Bandaraya. Ini kalau boleh buatlah mengikut sistem perundangan, Tuan Pengerusi. Sebab saya sebut ini ada macam Majlis Bandaraya dan sebagainya ia ada mahkamah sendiri.

Yang kedua, berhubung dengan Butiran 021100 – Bantuan Kewangan Kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Yang menjadi masalah pada hari ini,

Tuan Pengerusi, ialah bayaran yang dikenakan kepada orang ramai apabila kita memanggil untuk mengepam najis dan sebagainya melibatkan dengan syarikat ini dikenakan bayaran tinggi. Kalau tidak silap saya difahamkan RM80 sekali panggil tidak termasuk buat siasatan – dengan menggunakan borang yang tertentu diisi, apa yang patut dikenakan kepada penghuni rumah tersebut. Dahulu sebelum IWK mengambil bahagian, senang, MPJB dapat sahaja ia caj sahaja, tarik upah beberapa banyak itu. Ini tak, dia ada senarai. Kedua pula, kalau tangki itu empat-lima tingkat, dia kira yang dua tingkat, dua step sahajalah – kalau empat, itu bukan kerja dia, dua sahaja.

Saya ingat yang ini pun kerajaan kena teliti dan mengambil perhatian supaya tidak melibatkan bebanan kepada penghuni-penghuni rumah kerana dia kira yang baru. Yang lama itu dia tidak kira. Dia kira yang lama itu bukan di bawah tanggungjawab pihak Indah Water Konsortium (IWK) ini. Pada hal kerajaan menyumbang satu sumbangan yang besar kepada syarikat ini dan lepas itu dia akan berikan kepada yang lain untuk mengendalikannya.

Jadi, saya ingat dalam hal ini untuk mengelakkan rakyat dibebankan dengan bayaran yang tinggi, sudah tentulah kerajaan mengkaji semula sistem dan dikenakan syarat balik kepada IWK ini supaya bayaran-bayaran yang saya sebutkan itu tidak membebankan kepada orang ramai. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman.

**3.47 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan dalam perbelanjaan yang meliputi B.28, B.29 dan B.31 – Kementerian Kewangan. Butiran 021200 – Bayaran untuk Tanggungan Kumpulan PERWAJA.

Kerajaan sekali lagi akan suntik RM1.1 bilion untuk pengurusan projek PERWAJA. Saya hendak tahu prestasi PERWAJA sekarang ini, apabila kerajaan bersedia untuk menyuntik RM1 bilion lagi ini, adakah projek ini viable ataupun kita membuat keputusan *good money chasing after bad money*, seperti mana yang berlaku di satu masa dahulu dalam kes BMF di mana duit-duit dipam kononnya untuk mengambil alih duit-duit yang sudah kerugian. Jadi, saya takut sekali lagi perkara ini akan berlaku dan oleh kerana PERWAJA ini terletak di kawasan pilihan raya saya, saya minta sangatlah kerajaan agar mendedahkan Laporan Price Water House yang

sudah siap pada tahun 1996 supaya rakyat dapat menilai apa yang sebenarnya berlaku dalam pengurusan PERWAJA. Oleh kerana laporan sudah ada lebih baik dalam usaha kerajaan menunjukkan bahawa kerajaan tidak cuba melindungi sesiapa, maka Laporan Price Water House tersebut saya cadangkan supaya dibentangkan di Parlimen. Saya takut nanti apabila keluar dalam Internet menunjukkan bahawa kerajaan tidak efisien nanti.

Yang keduanya, ialah B.31, Butiran 021000 – mengenai Perbelanjaan Pertukaran Wang. Banyak yang diperkatakan mengenai tindakan kerajaan untuk menetapkan kadar pertukaran wang asing dan kerajaan telah banyak menyatakan bahawa kejayaan yang diperolehi oleh kerajaan dalam tindakannya untuk menetapkan kadar tukaran wang asing ini. Saya cuba juga tengok negara-negara yang melaksanakan sistem ini dan saya tidak dapat jumpa melainkan ada satu sistem yang pernah dilakukan iaitu sistem yang dilakukan oleh Kerajaan Israel dahulu di mana kadar pertukaran wang asing ini ditetapkan dan apabila sistem ini dilaksanakan, maka Israel melakukan banyak sabotaj ekonomi kepada negara-negara jirannya supaya sistem ini berjaya. Jadi, apakah kerajaan cuba melaksanakan apa yang dilaksanakan oleh Israel pada satu ketika dahulu, kerana kita tidak tahu sama ada kejayaan yang diumumkan oleh kerajaan ini benar-benar berjaya ataupun tidak. Sebab dengan *izinare we comparing orange and orange or we are comparing with other things*.

Jadi, saya harap supaya Kementerian Kewangan dapat memberitahu daripada sistem mana yang kita gunakan ataupun beritahu negara mana yang telah melaksanakan dengan jayanya sistem ini.

Yang ketiganya, ialah isu B.31, Butiran '020000' iaitu '010200' – isu pengeluaran AP oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mana pelaksanaan cukainya dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Isu ini banyak diperkatakan tentang penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak tertentu. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa AP-AP ini boleh dijual beli oleh penerima dan pengimport-pengimport kereta mewah di negara ini, dengar khabarnya di antara RM25,000 hingga RM35,000 satu keping AP yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Adakah menjadi perkara lumrah kereta-kereta yang diimport *under declare* dari segi tahun pembuatan dan juga harga pembeliannya. Jadi, kalau kebanyakan kereta baru yang diimport tetapi sampai di kastam dia declare bahawa kereta ini sudah dua-tiga tahun terpakai di luar negara

kononnya. Tetapi semua orang tahu, kemudian peniaga-peniaga kereta mewah ini ....., memang kepada pembeli-pembeli diberitahu *this is a new car* ataupun ini kereta baru. Sedangkan sebenarnya dalam declaration dia kereta ini adalah dua-tiga tahun.

Jadi, tindakan pengawasan daripada pengimportan kereta-kereta melalui pemberian AP-AP oleh MITI ini hendaklah diselaraskan. Saya cadangkan supaya Kementerian Kewangan sahajalah ambil alih mengenai pengeluaran AP-AP ini supaya kita dapat check sama ada AP-AP itu benar-benar dikeluarkan oleh MITI ataupun tidak kerana banyak juga kes di mana AP-AP palsu dikeluarkan di mana pengimport-pengimport kereta menggunakan AP-AP palsu untuk membawa kereta-kereta mereka ke dalam negara.

Juga mengenai penswastaan. Tujuan asal penswastaan ialah untuk mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan. Kedua, meningkatkan efisiensi dalam pengurusan syarikat-syarikat yang diswastakan dan juga kerajaan mengharap peningkatan perolehan daripada hasil cukai daripada syarikat-syarikat yang diswastakan. Tetapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya. Apakah kerajaan tidak akan menilai semula projek penswastaan ini seperti mana yang berlaku di IWK, kerajaan terpaksa membelanja RM225 juta lagi dan selain daripada itu kedengaran juga kerajaan terpaksa mengambil projek-projek penswastaan lain yang gagal seperti LRT Putra dan sebagainya.

Saya hendak tanya, ada lagikah selain daripada IWK ini projek-projek penswastaan lain yang kerajaan tengah ataupun tengah evaluate untuk pengambilan alih semula ataupun kita mengharapkan IWK ini merupakan yang terakhirlah, jangan ada lagi penswastaan projek-projek lain yang terpaksa kerajaan menanggung beban daripada pengambilan alih projek-projek yang telah diswastakan dan beban ini sepatutnya bukan dibebankan kepada rakyat tetapi mestilah dibebankan kepada mereka yang menyeleweng dalam pengurusan mereka di dalam projek-projek ini.

Juga sebelum saya akhiri, saya hendak tahu bilakah Menteri Kewangan mengisytiharkan kepentingannya dalam International Bank of Malaysia. Adakah ia diisytiharkan sebelum beliau mengarahkan bank-bank bergabung atau selepas itu. Sekiranya perisytiharan itu adalah selepas arahnya supaya bergabung, apakah kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap beliau kerana menyalahgunakan kuasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian.

**3.55 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan – Bayaran Untuk Tanggungan Kumpulan PERWAJA yang telah diuntukkan sebanyak RM1.167 bilion.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada PERWAJA yang genap usianya 18 tahun pada 22 April ini. 18 tahun rupanya sudah berlalu, hampir sama usianya dengan tempoh pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi nampaknya PERWAJA masih gagal dalam keseluruhan misinya. Dengan peruntukan RM1.167 bilion ini sudah tentu menambahkan lagi beban negara yang diakibatkan oleh PERWAJA.

Sehingga kini kerajaan telah pun meminjamkan RM4.1 bilion, ditambah dengan pemberian ini RM1.167 bilion serta jaminan pinjaman PERWAJA yang telah dijamin oleh kerajaan sejumlah RM5.1 bilion. Keseluruhan pinjaman dan jaminan pinjaman menjadikan jumlahnya ialah RM10 bilion.

Saya yakin ini bukanlah sumbangan terakhir negara pada PERWAJA kerana jika kita teliti senarai jaminan kerajaan, kita dapati untuk tahun-tahun akan datang lebih banyak pinjaman akan matang. Sebagai contoh:

- (a) Tahun 2000 pinjaman Arab Malaysian Merchant Bank berjumlah RM600 juta akan matang.
- (b) Tahun 2001 pinjaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM710 juta akan matang.
- (c) Tahun 2002, dua pinjaman akan matang, satu dalam negeri, satu luar negeri. Dalam negeri jumlahnya ialah RM600 juta dan luar negeri:
  - (i) USD400 juta; dan
  - (ii) untuk bunga pinjaman USD300 juta.
- (d) Tahun 2003, empat pinjaman luar negeri akan matang. Masing-masing bernilai USD95 juta; Yen 4.5 bilion dan Yen 6 bilion.

Pada masa yang sama kita terpaksa mengimport besi dan keluli dalam jumlah yang semakin meningkat pada setiap tahun. Sebagai bukti bahawa PERWAJA di

sebalik perbelanjaan yang demikian besar gagal mencapai matlamat membekalkan besi untuk keperluan negara.

Sebagai contoh, untuk tahun 1995 misalnya, mengikut Laporan Tahunan Malaysian Iron and Steel Industry Federation (MISIF) kita mengimport besi berjumlah RM30 bilion iaitu meningkat 30% daripada tahun sebelumnya. Dilihat dari sudut cukai besi yang diimport sebagai satu petanda saiz import besi kita telah meningkat dan PERWAJA gagal membekalkan besi sebagaimana yang diharapkan, angkanya adalah seperti berikut:

- hasil dari cukai import bahan binaan untuk tahun 1994 hanya RM348,000 tetapi pada tahun 1995 mendadak untuk keluli sahaja menjadi RM100 juta cukai import dan untuk jubin RM8.1 juta dan untuk bahan-bahan binaan yang lain RM22 juta; dan
- bagi tahun 1997 cukai import bagi besi ialah RM113 juta. Memang benar ada setengah pengeluaran PERWAJA dieksport pada masa ini kerana kedudukan industri besi kita yang mendapat perlindungan cukai dan tarif. Ia menjadikan produk kita pada masa ini lebih rendah tetapi jika kita dibenarkan bertanding secara bebas, ianya tidak semestinya seperti apa yang berlaku sekarang. Menjelang 2003 perlindungan ini akan hilang apabila kawasan bebas perdagangan ASEAN akan diterima pakai.

PERWAJA pada satu ketika mengalami kerugian operasi sejumlah RM1 juta tiap-tiap tiga hari, tiga hari RM1 juta rugi, tiga hari RM1 juta rugi. PERWAJA pernah membeli mesin pengeluaran yang menggunakan sistem *direct reduction* yang tidak pernah digunakan oleh mana-mana kilang besi di dunia dan selepas pemasangan ternyata ia tidak dapat digunakan.

Akhirnya, pembekal *direct reduction* ini Nippon Steel daripada Jepun mengakui mesin yang dijual tidak pernah diuji dan memberikan pampasan tetapi atas beberapa sebab terutamanya oleh kenaikan Yen pada waktu itu telah mengakibatkan kerugian permulaan yang begitu besar kepada PERWAJA. Jika dalam pembelian mesin pun sudah wujud kecacatan, ia sememangnya menimbulkan kebimbangan terhadap ketelusan PERWAJA diurus.

Dari sedutan laporan Price Waterhouse yang telah dibentangkan oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang sekarang dipenjarakan di Dewan ini telah dicerakinkan segment kerugian seperti kerugian operasi, kerugian pertukaran asing untuk pembayaran pinjaman luar, kos kewangan dan lain-lain kerugian.

Dari laporan Price Waterhouse dan kenyataan-kenyataan Perdana Menteri sendiri mengenai wujudnya siasatan ke atas PERWAJA dari satu masa ke satu masa memperlihatkan pengakuan tidak langsung bahawa sesuatu yang tidak kena telah berlaku dalam PERWAJA. Apabila pembangkang membangkitkan isu siasatan dan mendesak pendakwaan dilakukan, pada fikiran saya yang dihasratkan oleh rakyat dan disuarakan oleh pembangkang ialah satu keadaan perlindungan, protection terhadap pengurusan wang awam yang disalurkan melalui PERWAJA.

Satu pengelakan (prevention) dari berulangnya penyelewengan dan ketidakcekapan, satu ketelusan dalam penetapan harga sesuatu pembelian dan urusan niaga dan satu kesungguhan politik, bukannya satu sambil lewa dalam menangani isu kerugian PERWAJA.

Atas alasan ini adalah tidak wajar sama sekali kita meluluskan tambahan RM1.167 bilion ini tanpa Dewan ini terlebih dahulu memeriksa dan mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (i) kedudukan penyiasatan yang telah dilakukan, janganlah datang ke Dewan ini berulang kali menyatakan siasatan belum selesai untuk selama empat tahun yang lalu. Sekalipun benar ia belum selesai, apakah perkembangan yang telah dilalui oleh siasatan itu dan hendaklah dimaklumkan supaya kita dapat mengetahui sama ada siasatan memang belum selesai atau memang sengaja tidak akan diselesaikan. Malangnya, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan belum sampai pada waktu kita membincangkan portfolio ini;
- (ii) penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja yang akan menyediakan laporan penuh untuk Dewan ini. Jika dalam kes kerugian BMF yang hanya berjumlah RM2.5 bilion negara telah menubuhkan suruhanjaya sedemikian pada satu masa yang lalu, mengapakah untuk faedah negara kerugian dan tanggungan yang telah

mencecah RM10 bilion dalam kes PERWAJA ini kita biarkan seperti 'tikus melihat besi'. Paling tidak Suruhanjaya Diraja ini boleh membekalkan kita satu pelan bertindak untuk mengatasi kerumitan-kerumitan yang wujud;

- (iii) membentangkan Laporan Price Waterhouse seperti yang dicadangkan oleh saudara saya dari Kemaman di Dewan ini dan tidak hanya disimpan di Pejabat Perdana Menteri. Jika tidak, kita secara berdosa meluluskan peruntukan demi peruntukan dan meneruskan kesilapan demi kesilapan dari satu masa ke satu masa.

Saya beralih kepada tajuk yang lain berkaitan dengan B.28 khususnya 010100 – Pengurusan Am dan 020200 – Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan. Saya hanya ada sejumlah soalan yang memerlukan penjelasan daripada pihak kementerian:

- (i) saya pohon penjelasan jumlah pinjaman dan jaminan pinjaman – kalau menteri tidak ada, tolong siapa-siapa catat ini. Jumlah pinjaman dan jaminan pinjaman oleh Menteri Kewangan Diperbadankan;
- (ii) jumlah pinjaman dan jaminan pinjaman kerajaan kepada Khazanah Nasional Berhad;
- (iii) berapakah perbelanjaan yang telah digunakan oleh Khazanah Nasional untuk pembinaan Putrajaya dan bagaimanakah perbelanjaan ini dibiayai?;
- (iv) kategori pemilikan tanah di Putrajaya sebagai tapak Putrajaya, berapakah keluasan tanah ladang dan tanah milik perseorangan dan harga tiap-tiap hektar bagi tanah ladang yang telah dibayar dan tanah persendirian. Jika wujud perbezaan-perbezaan dalam kadar pembayaran itu apakah sebab-sebab perbezaan ini berlaku;
- (v) jumlah semua jaminan pinjaman kerajaan terhadap semua syarikat-syarikat dan tarikh matang tiap-tiap jaminan pinjaman tersebut;

- (vi) jumlah keluasan ruang pejabat kerajaan mengikut parcel demi parcel di Putrajaya dan kos pembinaan tiap-tiap bangunan kerajaan pada tiap-tiap parcel
- (vii) jumlah hutang-hutang yang telah dilupuskan oleh kerajaan kepada tiap-tiap syarikat dan lain-lain agensi pada 10 tahun yang lalu;
- (viii) jumlah cukai korporat yang telah dikutip bagi tiap-tiap projek penswastaaan pada setiap tahun sejak dasar ini telah diperkenalkan pada tahun 1983.

Saya berharap mendapat penjelasan ini, jika sekiranya tidak sempat diberikan secara lisan untuk mendapatkan penjelasan ini secara bertulis.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang penswastaaan IWK dan lain-lain yang berkaitan.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Masa saya sudah habis? Tidak ada sedikit-sedikit pasal Sik sudah lama tidak datang, dia beri saya kot. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Elok berhenti, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Elok.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Pendang.

#### **4.05 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada B.28 dan B.29 Butiran 021100 dan Butiran P.28 Butiran 03500 mengenai dengan Penswastaaan juga. Soalan saya apakah segala projek penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan ini telah mencapai matlamat dan objektif penswastaaan yang telah disenaraikan iaitu mengenai Dasar Penswastaaan yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mac 1983 yang mempunyai lima objektif:

- (i) mengurangkan beban kewangan kerajaan;
- (ii) meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja;
- (iii) menggalakkan pertumbuhan ekonomi;
- (iv) pengagihan sumber secara cekap; dan
- (v) mempercepatkan pencapaian hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Memandang kepada perkembangan dan prestasi projek-projek penswastaaan yang telah pun dijalankan, saya dapati ianya amat jauh daripada matlamat atau objektif yang telah digariskan. Umpamanya, kita dapat melihat sejak Dasar Penswastaaan diperkenalkan pada tahun 1983 banyak pengalaman pahit dan manis telah dialami oleh negara.

Sebelum kita melangkah lebih jauh adalah munasabah untuk kerajaan melakukan satu imbasan pandangan dan kajian yang menyeluruh terhadap pelbagai aspek dasar ini. Dua premis utama penswastaaan yang dipegang oleh kerajaan ialah untuk meringankan beban kewangan kerajaan dan dengan itu kerajaan boleh menggunakan wangnya untuk lain-lain pembangunan semata-mata untuk meningkatkan kecekapan pengurusan projek yang diswastakan dan dengan itu menghasilkan pulangan kepada kerajaan dalam bentuk cukai korporat.

Jika kita meneliti penyata ringkas memorandum pinjaman boleh dituntut dan memorandum jaminan dalam Buku Akaun Awam Persekutuan 1998, ternyata kerajaan masih menanggung beban kewangan yang besar. Di enam syarikat operator projek pengangkutan - United Engineers, Projek Lebu Raya Utara-Selatan, KESAS, Projek Lintasan Kota, Projek Usahasama Transit Ringan Automatik dan Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. sahaja kerajaan telah memberikan pinjaman sejumlah lebih dari RM5.4 bilion. Ini belum termasuk jaminan bagi pinjaman komersial yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat ini yang dianggarkan lebih daripada RM10 bilion.

Mengikut satu kertas yang dibentangkan dalam Persidangan Penyusunan Semula Hutang Korporat, yang baru diadakan di Kuala Lumpur pada 21 Mac yang lalu, dikatakan semua operator transit ringan di ibu kota pada dasarnya adalah bankrap dan tidak mampu membayar semula hutang mereka. Ini memerlukan kerajaan menyuntik semula wang awam lagi. Kertas yang sama memberitahu bahawa Projek Lebu Raya Utara-Selatan, kerajaan telah terpaksa menyerahkan lebu raya yang telah dibina oleh kerajaan sepanjang 255 kilometer kepada PLUS secara

percuma bersekali dengan hak kutipan tol ke atasnya. Ini belum termasuk pemberian-pemberian lain seperti peruntukan pembelian tanah dan lain-lain.

Senario ringkas yang saya bantah bertujuan menunjukkan dalam banyak keadaan, wang awam terpaksa dibelanjakan untuk menyelamatkan keadaan apabila sesuatu projek itu bermasalah. Kerajaan boleh berhujah bahawa ada penswastaaan yang membawa keuntungan. Sebenarnya jika diteliti lebih lanjut apabila kerajaan menswastakan projek yang menguntungkan ataupun berpotensi menguntungkan, kerajaan telah melepaskan punca kemasukan kewangan.

Jumlah cukai korporat yang dikutip untuk faedah awam jauh lebih kecil dari jangkaan keuntungan jika kerajaan terus memiliki projek-projek tersebut. Lagipun, keuntungan besar yang diperolehi selalunya dicapai dengan rakyat sebagai pengguna mendapat bebanan yang bertambah. Sebagai contoh, bayaran telefon dinaikkan 30% untuk panggilan tempatan seuruh selepas STMB diperbadankan.

Dalam masa yang ringkas ini, saya ingin mengetengahkan persoalan kenapa kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang demikian besar yang akhirnya rakyat terbeban dalam kedua-dua segi wang awam digunakan untuk membantu syarikat swasta dan kos dikenakan ke atas mereka kerana menggunakan kemudahan yang diswastakan.

Posisi saya ialah kerana tidak adanya pemantauan kos projek, syarikat swasta dengan bebasnya membelanjakan wang ke atas sesuatu projek tanpa pertimbangan perniagaan yang sebenar. Untuk mendapat keuntungan yang cepat, kos pelaksanaan projek mungkin telah ditinggikan dari harga yang sepatutnya. Ini menyebabkan projek tidak lagi menjadi viable, dengan izin.

Atas asas inilah kami sejak dahulu mahukan ketelusan dalam keseluruhan pelaksanaan penswastaaan. Janganlah kerajaan berselindung di bawah penswastaaan untuk memberi keuntungan segera kepada operator-operator pilihan yang belum teruji kemampuan dan kecekapan mereka dan tidak diuji kos efektif projek mereka melalui pertandingan terbuka.

Bagi mengatasi masalah ini ada beberapa cadangan yang kerajaan boleh laksanakan. Pertama, tender terbuka dilaksanakan. Kedua, bagi projek yang melibatkan public utilities atau kemudahan asas seperti air dan pembedungan, kerajaan tidak boleh melepaskan tanggungjawab sosialnya dan kaedah lain seperti pengkorporatan dipilih menggantikan penswastaaan sepenuhnya.

Ketiga, satu pemeriksaan audit dilakukan sebaik sahaja sesuatu projek disempurnakan dan laporan ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Amalan ini telah pun dilakukan di United Kingdom dan dengan itu, operator tidak boleh mengaut untung di atas angin dari pelaksanaan projek. Ini akan menjimatkan kos dan menurunkan bebanan rakyat.

Perlu diingat pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA) datang beberapa tahun selepas dasar penswastaan di mana harga kontrak dan dokumen tender dimasukkan dalam senarai dokumen yang mesti dirahsiakan. Dalam kesempatan ringkas ini, saya mencadangkan keseluruhan konsep penswastaan dinilai dan dikaji semula supaya ianya tidak membebankan rakyat dan negara dalam jangka panjang. Telah tiba masanya untuk kerajaan membuat penyiasatan yang lebih teliti dan lebih mendalam dan lebih menyeluruh dan dibentangkan laporan dari hasil penyiasatan itu dalam Parlimen untuk ahli-ahli Parlimen menilai apakah projek penswastaan yang telah dijalankan itu menepati sasaran dan objektif yang telah digariskan.

Selain daripada itu, kerajaan juga perlu mempertimbangkan semula beberapa keputusan yang telah dibuat untuk meneruskan penswastaan ini terutamanya seperti penswastaan Jabatan Pengangkutan Jalan, ini perlu dikaji semula supaya segala kelemahan yang telah berlaku, yang telah timbul ke atas projek-projek penswastaan yang telah dijalankan sebagai sebahagian yang telah saya sebutkan tadi itu tidak berulang lagi, bebanan ke atas rakyat tidak akan bertambah dan dasar ataupun matlamat objektif itu dapat dicapai.

Setakat ini kita melihat saiz tanggungan kerajaan terhadap pegawai-pegawai awam, bilangan, jumlah pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang dijangka akan dapat dikurangkan dengan projek penswastaan ini juga tidak berlaku. Kecekapan tetapi dibebankan dengan tanggungan berat yang terpaksa dipikul oleh para pengguna iaitu oleh rakyat.

Dan matlamat yang kelima, untuk mempercepatkan pencapaian hasrat Dasar Ekonomi Baru ternyata sangat meleset, oleh kerana itu sangat perlulah bahawa kerajaan mengkaji, meneliti dan membuat satu penyiasatan yang lebih rapi dan laporan lengkap dibentangkan dalam Parlimen ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Gelang Patah.

**4.12 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan B.28 – Kementerian Kewangan dalam Butiran 010000 – Bayaran Perkhidmatan Iktisas dan Komisen dalam Butiran 010300 – Bayaran Sewa Kereta Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kereta-kereta jabatan kerajaan termasuk kereta untuk para menteri, timbalan menteri, setiausaha politik, setiausaha Parlimen dan semua kenderaan diuruskan oleh Syarikat Spanco melalui cara penswastaaan. Saya ingin dapat tahu daripada pihak Kementerian Kewangan, semasa kereta Mercedes digunakan oleh para menteri, sewa bulanan adalah RM9,900 satu bulan dikenakan oleh Spanco dan untuk setiausaha politik adalah pada masa dahulu mereka menggunakan Volvo sebanyak RM2,900 sebulan. Pada masa sekarang, oleh kerana arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana kenderaan Proton Perdana Eksekutif digunakan oleh para menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, setiausaha politik dan lain-lain pegawai, berapakah sewa bulanan dikenakan oleh Spanco sekarang kepada kenderaan Proton Perdana Eksekutif atau V6 pada masa sekarang.

Saya pun ingin mendapat penerangan daripada Kementerian Kewangan bolehkah kementerian membuat perbandingan tentang perbelanjaan yang dikenakan semasa pengurusan kenderaan-kenderaan jabatan-jabatan kerajaan diuruskan oleh pihak JKR adalah lebih menjimatkan berbanding dengan pada masa sekarang diswastakan kepada Syarikat Spanco yang mana selepas diswastakan, selain daripada kena bayar sewa bulanan, pihak kerajaan perlu bayar bayaran servis, repair, membaiki kenderaan kerajaan kepada Spanco kerana ini sudah jadi satu hal monopoli kerana mereka yang di Syarikat Spanco ini yang cuma ia dapat kerja ini daripada kerajaan.

Saya harap dalam hal ini setelah dibuat perbandingan, pihak kerajaan perlu meninjau hal ini supaya kita dapat menjimatkan wang rakyat. Saya harap perkara ini dapat penerangan khusus daripada Kementerian Kewangan.

Yang kedua, saya ingin sentuh 020000 – Bayaran Pindahan dan Pemberian dalam Butiran Kecil 021100 – Bantuan Kewangan kepada IWK. Saya memang sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Tebrau tentang pihak IWK dan di sini saya dapat tahu melalui surat khabar pada hari Isnin iaitu sebanyak RM192 juta dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk membeli saham IWK. Dan selama ini setelah pewujudan IWK di negara kita ini melalui penswastaaan

pembetulan, pihak kerajaan telah memberikan subsidi dan softloan, dengan izin, kepada pihak IWK. Oleh kerana pihak IWK menghadapi masalah kewangan dalam urusan harian mereka menjalankan kerja pembetulan di negara kita ini dan kerana mereka mendapat sambutan dingin dari orang ramai kerana caj yang dikenakan oleh IWK adalah didapati tinggi terutama di sektor komersial dan industri.

Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Kewangan, berapa wang telah disalurkan kepada pihak IWK selama ini setelah ia diwujudkan dan bila kita tinjau hal ini, adakah pihak kerajaan perlu teliti dalam hal-hal penswastaaan yang lain supaya kita tidak akan menghadapi masalah seperti IWK ini di negara kita ini, bukan semua projek-projek penswastaaan akan mendatangkan kebaikan kepada negara kita ini dan untuk kepentingan menjimatkan wang rakyat. Adakah lebih baik jika IWK tidak diwujudkan dengan penswastaaan pembetulan, kemungkinan wang-wang yang telah disalurkan kepada IWK ini telah dapat membina banyak projek pembetulan di negara kita ini terutama di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain untuk memberikan manfaat kepada rakyat jelata terutama penduduk-penduduk yang mana sangat perlu projek-projek pembetulan.

Pihak kerajaan perlu teliti adakah wajar kita mengambil tugas atau fungsi utama pihak berkuasa tempatan, seperti pembetulan, kerja angkat sampah, kerja membersihkan parit dan kerja memotong rumput tepi jalan adalah lebih baik kita tinggalkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menguruskannya dengan cara yang lebih baik dan jangan mengadakan penswastaaan seluruh negara kerana daripada pengalaman dalam IWK, ini sudah mendatangkan satu perkara yang kurang baik kepada kita dan telah gagal dalam projek ini. Saya harap daripada pengalaman ini, kita dapat belajar bahawa kita jangan melaksanakan projek-projek penswastaaan perkhidmatan yang penting, yang selama ini dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan yang mana ini adalah satu tanggungjawab sosial oleh pihak berkuasa tempatan kerana mereka memungut cukai pintu daripada penduduk-penduduk, itu adalah fungsi utama mereka dan pihak Persekutuan lebih baik menuju kepada hal-hal yang lebih penting untuk negara kita ini dan hal-hal yang patut dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan, biarkan mereka menjalankannya dan jangan pindah kuasa pihak berkuasa tempatan daripada pihak negeri kepada Persekutuan. Ini adalah cadangan saya dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh.

**4.23 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Perkhidmatan Perakaunan khasnya merujuk kepada KWSP. Dalam laporan akhbar *The Sun* pada 23 Mac 2000, managing director daripada Syarikat Apply Magnatic (Malaysia) Sdn. Berhad (AMM) telah melarikan sumbangan KWSP sebanyak RM1.9 million. Jumlah ini kelihatan adalah perlonggokan hutang KWSP oleh pihak majikan selama enam sehingga lapan bulan.

Saya ingin tahu kenapakah pengurusan KWSP boleh membiarkan majikan tersebut untuk berhutang begitu banyak dalam tempoh yang begitu panjang. Menteri Kewangan harus memberi satu laporan kepada Parlimen, berapa ramai pekerja yang terlibat dalam skandal tersebut.

Selain dari itu, dividen KWSP pada tahun lepas ialah 6.7% yang mana merupakan kadar bunga yang paling rendah dalam 22 tahun yang lepas. Tahun ini dan baru-baru ini, kadarnya baru dinaikkan sebanyak 6.84% sahaja. Sekiranya kita lihat dividen yang diberi oleh tabung kewangan yang lain seperti Tabung Haji, Tabung Perwira dan Amanah Saham Nasional, mereka semua mengumumkan dividen terbanyak 8.5% dan 9% dalam dua tahun yang lepas dan juga dalam tahun ini. Tetapi kenapakah KWSP sebagai tabung kewangan yang paling besar di negara kita, hanya memberi dividen yang begitu rendah. Adakah ini berkaitan dengan masalah pihak pengurusan KWSP ataupun ini disebabkan oleh masalah berkaitan dengan pelaburan KWSP di mana dana KWSP dilaburkan dalam projek raksasa kerajaan yang tidak mendatangkan faedah kepada ahli-ahlinya. Saya berharap Menteri Kewangan akan menjelaskan kepada kita semua apakah sebab utama yang menyebabkan kerugian pelaburan KWSP.

Selain itu saya juga ingin merujuk kepada Butiran 020000 Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber. Dalam tahun yang lepas, kerajaan menjangka bahawa pinjaman bank akan berada pada kadar 8% sebagai sebahagian daripada usaha pemulihan ekonomi negara tetapi mengikut Laporan Bank Negara yang dikeluarkan pada hari ini, sehingga akhir tahun lepas, pinjaman bank di negara kita hanya berada pada kadar lebih kurang 2.8% sahaja dan bukannya 8%. Soalan saya adalah, apakah sebab utama para bank tidak membuat pinjaman, adakah ini disebabkan oleh peniaga tempatan tidak melihat terdapat permintaan baru di pasaran tempatan, dengan itu mereka pun tidak meminjam wang untuk membuat pelaburan ataupun adakah ini

disebabkan oleh institusi kewangan kita lebih berhati-hati terhadap pemberian pinjaman ataupun adakah keadaan ini disebabkan oleh penyatuan institusi kewangan ataupun bank merger sehingga institusi kewangan kita melambatkan kelulusan permohonan pinjaman.

Kerajaan telah banyak menyatakan tentang pemulihan ekonomi tetapi kapasiti pengeluaran tempatan sebenarnya tidak digunakan dengan sepenuhnya ataupun ia sebenarnya adalah under utilise. Keadaan ini tidak akan membantu terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita. Kerajaan juga telah banyak berkata tentang kelebihan perdagangan ataupun trade surplus tetapi kalau kita kaji eksport utama negara-negara di rantau ini, kita akan mendapati eksport utama negara Thai, Indonesia dan Malaysia adalah barangan elektronik dan elektrik yang dieksport ke pasaran Amerika Syarikat.

Yang saya tahu 57% daripada eksport negara kita adalah barangan elektronik dan elektrik. Pergantungan ekonomi kita kepada pasaran dan ekonomi Amerika Syarikat memang ada risikonya. Sekiranya ekonomi Amerika Syarikat menghadapi krisis ataupun berlakunya keruntuhan pasaran kewangan Wall Street, maka negara kita pun akan menghadapi masalah ekonomi kerana terlalu bergantung kepada negara ini. Selain itu, sekarang pasaran kewangan kita mempunyai tahap pencairan (liquidity) yang tinggi. Keadaan ini telah pun menyebabkan kenaikan harga asset dan property. Adalah penting bagi kerajaan untuk mengawal kenaikan harga property dan asset ini supaya ia tidak mencetuskan inflasi yang tinggi di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagan, selepas Bagan Menteri menjawab.

**4.25 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. B. 28. Butiran 010000 – Pengurusan Kewangan.

Tuan Pengerusi, tempoh hari Timbalan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat bagi Selayang, apabila menjawab soalan lisan daripada Yang Berhormat bagi Gaya, ada menjawab bahawa kerajaan akan mengurangkan hari pembukaan cabutan judi iaitu Empat Nombor Ekor. Lepas jawapan itu maka semua surat khabar di negara kita pun mengheboh-hebohkan perkara ini dan ramai rakyat dan pemimpin masyarakat pun turut membuat ulasan-ulasan berkenaan dengan hal ini dan saham

kaunter judi pun menjunam. Tetapi baru-baru saya baca dalam surat khabar bahawa pada 1 April yang akan datang ini akan diadakan satu cabutan tambahan lagi iaitu special draw.

Saya ingin menanya kepada kerajaan khasnya Menteri Kewangan sama ada jawapan yang dijawab oleh Timbalan Menteri itu betul-betul serius atau langsung tidak serius. Sekiranya jawapan itu serius dan kerajaan akan melaksanakannya, bilakah pengurangan hari pembukaan cabutan judi ini akan dikurangkan. Tidak apa, mungkin tahun depan, mungkin satu tahun lagi, tolong tetapkan satu hari supaya perkara ini ada satu hala tuju untuk dikuatkuasakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya juga ada menanya berkenaan dengan perjudian di atas cruise iaitu kapal peranginan dan Timbalan Menteri pada masa itu berkata beliau tidak tahu menahu mengenai hal ini dan berkata akan semak dan memberitahu saya jawapannya tetapi sehingga hari ini belum ada satu jawapan untuk perkara yang sama yang saya bangkitkan ini. Dalam percakapan saya, saya berkata bahawa ada cruise yang menganjurkan session perjudian di atas kapal pelayaran apabila mereka pergi ....., kalau dikatakan mereka ada hak berjudi di lautan antarabangsa itu pun tidak munasabah kerana mereka menggunakan pengkalan kita, pelabuhan kita untuk berlepas dan mendarat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh perkara tadi yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang iaitu bilakah Suruhanjaya Sekuriti akan dengan betul-betul, dengan serius untuk melaksanakan waran tangkap atas Dato' Soh Chee Wen kerana SC telah mendapat waran tangkap pada 19 April tahun lepas iaitu sudah genap satu tahun tetapi SC masih tidak dapat tangkap Soh Chee Wen dan dua, tiga orang yang bersabit dengan skandal transaksi saham-saham. Sekiranya SC tidak ada kepakaran atau kekurangan tenaga untuk mendapatkan Dato' Soh Chee Wen, maka beliau boleh mendapat pertolongan daripada Interpol.

Saya merujuk kepada satu laporan surat khabar di sini iaitu pada Jun 1999, berkata bahawa Security Chairman, Ali Abdul Kadir berkata, dengan izin, *Ali said, "He is satisfied with the case, has been well handled by Security Deputy Chief Executive, Dato' Aion Mohd Said."* Dia berpuas hati dengan handlenya kes ini tetapi satu tahun mungkin beliau masih berpuas hatilah, saya tidak tahu. Sekarang kita mahu

tanya dia sama ada dia masih berpuas hati atau tidak. Kalau dia masih berpuas hati itu kita tidak boleh kata apa, kalau tidak berpuas hati bermakna Security Commission (SC) tidak serius dalam perkara ini dan bagaimana ia boleh menyakinkan para pelabur dalam SC ini kerana ramai juga boleh mempelajari teladan ini dan melakukan skandal-skandal seperti yang dilakukan.

Tuan Pengerusi, pada sesi iaitu sebelum Parlimen dibubarkan, Budget telah dibentang dalam Dewan yang mulia ini dan dalam Budget itu dikatakan stamp duty atas hartanah akan dikecualikan. Tempoh pengecualian, kalau saya salah, I stand to be corrected, kalau salah tolong betulkan saya, tempoh pengecualian stamp duty atas hartanah adalah daripada 7 Disember 1999 hingga 2002 tetapi oleh kerana pembubaran Parlimen, Budget tahun ini tidak dapat diluluskan pada tahun yang lepas, maka sehingga hari ini pun syarikat-syarikat peguam yang mengendalikan transaksi hartanah masih mengenakan bayaran stamp duty atas hartanah-hartanah yang ditransaksikan. Apabila mereka membuat pertanyaan kepada Kementerian Kewangan mereka kata sekarang oleh kerana undang-undang belum dikuatkuasakan, Budget belum dikuatkuasakan, maka mereka kena bayar dan sekiranya selepas Dewan yang bersidang kali ini diluluskan, maka rebate akan dibayar, tahulah semua sekarang, apabila kita bayar kepada kerajaan senang sahaja, kalau lewat bayar denda, kalau sudah bayar mahu tuntutan balik, itu satu masalah yang besar.

Tuan Pengerusi, saya pergi ke Maksud Bekalan B.29 iaitu 021200 Bayaran Untuk Tanggungan Kumpulan PERWAJA. Tuan Pengerusi, selain daripada tumpuan kepada Eric Chia, adakah apa-apa perjumpaan penyelewengan seperti kos membina sebuah rumah teres satu tingkat membelanjakan sejumlah RM120,000 di mana kami boleh mendapat sebuah rumah satu tingkat teres di pasaran hanya RM40,000 hingga RM60,000 dengan tanah sekali, dengan prasarana semua sekali tetapi kos untuk membina sebuah rumah teres satu tingkat di Taman Perwaja iaitu di dalam kawasan PERWAJA, ia membelanjakan RM120,000. Ini memang sudah ada penyelewengan dan itu sahaja satu contoh, bagaimana dengan kelengkapan-kelengkapan, prasarana-prasarana dan lain-lain projek-projek yang dijalankan sama ada ini bukan kerja-kerja yang dijalankan oleh Eric Chia sama ada orang yang lain menjalankan penyelewengan ini dan sama ada apa-apa perjumpaan dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan kena tanggung hutang rugi oleh PERWAJA yang dilakukan itu dan sekarang PERWAJA diambil alih oleh Kumpulan Maju, apa

prestasinya sekarang? Sama ada Kumpulan Maju selepas mengambil alih PERWAJA ini masih ia viable seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi. Sama ada ia masih boleh viable dan sama ada kerajaan masih kena tanggung segala kerugian yang dialami oleh syarikat ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu 060000 Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ada kakitangan-kakitangan mereka keluar ke kedai-kedai untuk meneliti laporan income tax atau cukai pendapatan oleh pekedai-pekedai, peniaga-peniaga dan di antara perkara-perkara mereka semak adalah perkara-perkara yang bersangkutan dengan elektrik, air, cukai pintu, katanya jikalau seseorang peniaga beliau berniaga di tingkat bawah dan kediaman pekedai itu di atas dan dikatakan sekiranya elektrik atau air atau cukai pintu yang dipakai tidak boleh direbate, tidak boleh dimasuk campur untuk dapat potongan dalam cukai pendapatan mereka dan mereka meminta supaya perkara-perkara seperti yang saya bangkit....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah lebih daripada sepuluh minit.

**Tuan Lim Hock Seng:** Satu minit sahaja habis perkataan ini. Dan mereka berkata kalau mahu selesaikan perkara ini boleh selesai dengan sendiri. Jadi, inilah antara perkara-perkara yang dilakukan oleh segelintir kakitangan dari LHDN dan saya berharap supaya bukan pegawai-pegawai dari LHDN pergi turun ke tapak untuk memeriksa akaun pekedai-pekedai atau peniaga-peniaga, sebaliknya peniaga-peniaga dan pekedai-pekedai patut dipanggil ke pejabat untuk menyelesaikan perkara ini dan bukan mereka turun ke rumah orang untuk menjalankan pemeriksaan ini.

Dengan ini saya ucap terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun, banyakkah?

**4.40 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Sedikit sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cuba habiskan dalam lima minitlah.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tiga minit setengah. *[Ketawa]* Saya ingin menyentuh di bawah Perkhidmatan Kewangan menumpu kepada soal sistem faedah perbankan. Saya berharap bahawa kerajaan dapat mengkaji semula sistem ini kerana saya tahu bahawa ia memberi bebanan yang begitu besar kepada peminjam terutama peminjam yang gagal membayar kerana

apabila gagal membayar pihak bank akan mengenakan *default interest* yang begitu tinggi.

Saya ingin membawa ke Dewan ini sebagai salah satu contoh, Encik Mokhtar bin Bidi. Untuk makluman Dewan, Encik Mokhtar meminjam pada tahun 1986 daripada CCB, sekarang ini dikenali sebagai Allied Bank sebanyak RM8,000. Dicagar tanah dan apabila beliau gagal membayar, pihak bank telahpun menjual tanah. Tanah tersebut dapat dijual pada harga RM16,000. Kalau sepatutnya RM16,000 ini sudah berupaya untuk membayar *principle* sebanyak RM8,000 tetapi sekarang ini iaitu pada tahun 1999, ada surat ini, beliau masih lagi berhutang dengan pihak Allied Bank sebanyak RM50,000 dan telah di *declare* sebagai bankrap dan dikenakan *default interest* sebanyak 19.33% setahun, dan beliau tidak mampu membayar. Kalau saya buat projection, sekarang umur dia 55 tahun, umur dia 70 tahun, katalah dia mati, dia akan berhutang lebih kurang RM500,000 daripada pinjaman hanya RM8,000, tanah cagaran berharga RM16,000 telah dijual tetapi masih lagi berhutang sebanyak itu.

Saya nampak bahawa kelemahan sistem ini adalah:

- (i) faedah begitu tinggi;
- (ii) apabila berlaku sahaja tidak pembayaran pinjaman, dikenakan *default interest*, boleh jadi sampai 19.33%; dan
- (iii) timing di antara peminjam tidak mampu membayar dengan penjualan aset ini mesti kena betul. Oleh kerana bank gagal untuk menjual dalam tempoh waktu yang sepatutnya, RM16,000 sepatutnya sudah mampu membayar *principle* tetapi bank *drag*, dipanjangkan masa sehingga pinjaman menjadi besar baru jual.

Oleh yang demikian, saya minta kepada kerajaan marilah kita secara serius mengkaji pula balik konsep faedah bank ini. Kalau saya ambil daripada sudut kerajaan dan bank, bermakna sekarang pihak berkenaan telah membayar sebanyak RM16,000 ke atas pinjaman sebanyak RM8,000 dan masih terutang sebanyak RM50,000. Bermakna bahawa kepada penghutang dia berhutang sebanyak RM66,000 dan kepada bank RM66,000 ini adalah pendapatan kepada bank. Kerana cuba kita tanya secara serius, patutkah bank menganggap RM66,000 ini sebagai pendapatan. Ini sudah masuk dalam 'profit and loss'nya kerana sistem perbankan kita, sistem

negara kita, kita menggunakan sistem *accrual income basis* bukan *cash flow, cash basis*. Jadi bermakna, sebanyak RM66,000 yang ditanggung oleh orang ini sudah menjadi pendapatan dalam PNL bank, adakah sistem ini patut?

Saya membangkitkan isu ini kerana inilah perkara-perkara yang dihadapi oleh banyak syarikat dan individu dalam negara ini. Oleh yang demikian, saya meminta kepada Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia (BNM), Bank Negara Malaysia mesti meminta kepada commercial bank termasuk finance company merchant bank hantar laporan tahunan mereka dan peminjam-peminjam yang telah *default* ini mesti disenaraikan dan dikaji, bBerapa ramai orang yang menghadapi masalah begini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah lebih dari tiga setengah minit.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sedikit sahaja, saya minta maaf. Tadi saya masuk TV, Tuan Pengerusi, ja di saya tidak ada di dalam. *[Ketawa]*

Jadi, saya minta ini dikaji semula. Kedua, bank mesti ada had – kalau kita masih lagi menggunakan sistem faedah ini, bank mesti mempunyai tempoh had di mana ia akan mengenakan faedah ini. Katalah saya sudah tidak mampu membayar, mesti dalam tempoh satu tahun saya dikenakan faedah, selepas satu tahun tidak lagi dikenakan faedah, terutama apabila saya di declare bankrap, takkanlah bank hendak menagih keuntungan daripada orang yang tidak mampu macam saya untuk membayar. Boleh ya – tengok masa.

Okay, yang kedua, Tuan Pengerusi, saya anggap perkara ini serius. Tadi Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan cerita Pewaja ini. Ada sebanyak RM1.16 bilion bayaran untuk tanggungan kumpulan Pewaja daripada kerajaan. Isu yang sering kita dengar ialah mengenai dengan penyelewengan, siasatan ke atas Eric Chia yang belum selesai.

Perkara yang ingin saya bangkitkan adalah isu ini telah keluar daripada *proportion*, oleh kerana ada tanggapan masyarakat bahawa Eric Chia telah melakukan penyelewengan maka Perwaja menghadapi kerugian yang begitu besar. Apa yang saya minta daripada kerajaan, cuba kita terangkan sebenarnya apa yang berlaku. Kerana daripada analisis saya, penyelewengan - ada nampak penyelewengan dalam 2 bentuk, satu dari segi bentuk membeli bahan mentah yang tidak mendapat kelulusan dan tidak mengikut prosedur. Dan kedua, dari segi pemberian kontrak yang tidak

mengikut prosedur tetapi bukan kedua-dua perkara ini menyumbang kepada Perwaja menghadapi kerugian yang besar.

Kerugian yang besar dihadapi oleh Perwaja adalah atas tiga sebab Pertama kerana pihak Perwaja meminjam dalam bentuk Yen – apabila berlaku kenaikan tukaran asing Yen berbanding dengan Ringgit Malaysia, bermakna pembayaran balik menjadi besar, *the exchange risk loss*, sudah menjadi begitu besar.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya minta maaf Yang Berhormat, masa saya sikit. Nanti... berdiri bukan kita jawab. Itu satu ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri laluan.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okay, itu satu. Kedua, dalam bidang industri besi waja atau steel industry, biasanya dari segi *empirical capital structure* ataupun struktur modal mesti berasaskan RM1 ekuiti - RM2 hutang. Tetapi dalam soal Perwaja ini, RM1 ekuiti – 7 kali hutang, dengan itu ia menanggung bebanan bayaran faedah yang begitu tinggi dan oleh kerana bayaran faedah juga melibatkan bayaran dalam bentuk Yen, dia dapat dua kerugian dari segi bayaran faedah yang tinggi kerana pinjaman bank yang tinggi kemudian *conversion rate*, pertukaran asing yang rugi.

Dan ketiga, dari segi bidang steel, memang marginnya rendah, dia *seasonal*. Jepun kadang-kadang syarikat steelnya untung, kadang-kadang rugi, tempat lainpun kadang untung, tak ada satu steel company yang untung kecuali di China. Itupun kerana kos buruhnya begitu rendah, jadi marginnya begitu sikit. Hendak untung memangnya susah. Dibuat di negara kita kilang ini bertujuan untuk menyokong usaha pembangunan negara. Kita hendak memodenisasikan negara kita, penggunaan steel begitu penting untuk *contraction*, untuk pelbagai projek. Kalau kita tidak ada kilang ini, kita akan beli dari luar kemudian kita akan tertakluk kepada *fluctuation of prices and supply*, dan ini akan diserap kita punya *development of programme* di sini. Ini tujuan ...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya bagi satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, sudah sampai dua kali 3½ minit.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okay, baik. Saya terima kasih Tuan Pengerusi, saya ikut peraturan, saya sudah terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen sila jawab.

**4.53 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, terutama tadi Yang Berhormat bagi Serdang, Bukit Bintang, Raub, Kemaman, Kubang Kerian, Pendang, Gelang Patah, Seputeh, Bagan dan Tambun. Sebagai baru pertama kali diberikan tugas, memikul tugas untuk menggulung perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, saya memohon maaf kalau terdapat sebarang kekurangan ataupun jawapan-jawapan yang tidak memuaskan hati Yang Berhormat dan saya akan cuba seberapa yang saya boleh untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh kesepuluh-puluh Ahli Yang Berhormat tadi.

Saya rasa biar saya mulakan dengan Yang Berhormat bagi Serdang tentang beliau meminta supaya senarai ahli Lembaga Pengarah yang dilantik sebagai pengurus yang mengendalikan tentang Syarikat Perumahan Negara. Saya mohon maaf kerana tidak dapat memberikan semasa ini kerana saya akan berikan secara bertulis pada Yang Berhormat selepas ini nanti, secepat mungkin Yang Berhormat.

Tentang kekhawatiran Yang Berhormat jikalau berlakunya sesuatu persaingan di antara Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasa ini tidak timbul kerana seharusnya kalau ada persaingan kita akan dapat satu hasil yang lebih sihat. Persaingan ini bukan satu persaingan yang negatif, satu persaingan yang positif, ertinya kedua-dua kementerian ini bertanggungjawab untuk menampung keperluan perumahan kepada mereka yang memerlukan rumah khususnya rumah-rumah berharga rumah.

Memang benar saya tidak dapat memberikan perangkaan yang tepat tetapi yakinlah Yang Berhormat bahawa hasrat kerajaan adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat kita memiliki rumah yang selesa untuk mereka diami, lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpendapatan rendah, memang inilah hasrat kerajaan. Dengan sebab itulah maka Syarikat Perumahan Negara ditubuhkan. Syarikat Perumahan

Negara ditubuhkan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat ini iaitu supaya memberikan rumah sebanyak mungkin kepada mereka yang memerlukan rumah.

Jadi, Yang Berhormat saya rasa persaingan yang berlaku tidak menimbulkan sebarang kesulitan, mungkin kalau berlaku kesulitan dari segi proses pengurusannya, itu di antara dua kementerian ini akan selalu memonitor segala masalah yang dihadapi. Saya rasa setakat ini tidak ada sebarang masalah yang kita hadapi untuk mencapai matlamat yang murni ini dan bagi saya kedua-dua kementerian ini sama-sama komited dalam usaha memberikan rumah kepada rakyat yang belum ada rumah.

Kepada soalan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tentang Suruhanjaya Sekuriti mengenai kes dua orang korporat dan juga empat kaunter yang digantung. Sebenarnya seperti jawapan saya dalam soalan lisan yang lalu, saya telah menyentuh soalan ini iaitu memang benar bahawa pihak Suruhanjaya Sekuriti sebenarnya sedang mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap supaya kedua-dua Yang Berhormat maksudkan ini, tokoh korporat yang dimaksudkan ini, yang didakwa melakukan penyelewengan pada empat kaunter ataupun *listed companies* di BSKL, pihak SC sedang mengumpulkan maklumat-maklumat yang perlu untuk membolehkan SC bertindak ke atas kedua-dua tokoh ini.

Memang benar kerajaan ataupun SC tidak pernah bertujuan untuk melindungi penyelewengan seperti ini kerana SC sentiasa serius dan kita mahu supaya keyakinan para pelabur dalam dan luar negara terhadap pasaran saham kita begitu kukuh dan menyakinkan. Oleh kerana itu tidak ada sebab mengapa SC harus melindungi penyelewengan seperti ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ledang. Securities Commission telah mendapat *warrant of arrest* satu tahun yang lalu. Yang Berhormat sekarang jawab kata sekarang masih mahu kumpul segala butir-butir dan maklumat-maklumat penyelewengan. Jadi, bermakna *warrant of arrest* didapati dulu baru mahu dicari kesalahannya atau sebaliknya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** *Warrant of arrest* telah pun dikeluarkan mengikut Yang Berhormat bagi Bagan tadi dan sebenarnya ada beberapa *error technical* lain yang perlu dibereskan sebelum pendakwaan dibuat, Yang Berhormat, kerana untuk SC mendakwa dan menghadapkan sesiapa ataupun mereka yang terlibat ini ke muka pengadilan, kita perlukan satu bukti yang benar-benar menyalahkan pihak kita.

Ertinya SC tidak boleh sewenang-wenangnya menghadapkan sesiapa pun ke mahkamah untuk di atas dakwaan kesalahan dalam apa bentuk sekalipun kerana sekarang ini, SC masih lagi menyiapkan dirinya dengan beberapa perkara yang belum lagi dapat dibereskan dan insya-Allah, mudah-mudahan kes ini dapat kita selesaikan dan dalam masa yang singkat kita harap para pelabur merasa diri mereka dilindungi oleh kecekapan dan kemantapan pentadbiran di bawah Securities Commission ini. Tunggulah, sabar Yang Berhormat ya, kemungkinan apabila beberapa perkara teknikal ini dapat kita bereskan dan kemungkinan besar perkara ini dapat kita selesaikan dalam masa yang akan datang ini.

Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kata ada *cover up*, sebenarnya tidak ada kerana kerajaan ataupun Securities Commission tidak pernah bercadang untuk *cover up* mana-mana kes.

**Tuan Fong Kui Lun:** Penjelasan. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam akhbar *New Straits Times* pada 20 Jun 1999, ada kata "*the third man show in the SC shall deal broke*". Ini satu akhbar yang boleh dikatakan tentang perlindungan pihak ketiga. Saya ingin tahu apa kedudukan tentang akhbar ini, apa kedudukan Menteri Kewangan tentang hal ini. Siapa pihak yang ketiga itu? Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Pihak ketiga itu, Yang Berhormat, sebenarnya tidak dapat kita *disclose* ataupun memberitahu di sini mungkin kerana pihak ketiga inilah, usaha kita untuk mencari siapa yang terlibat di pihak ketiga inilah yang mungkin menyulitkan kita untuk membawa kes ini ke muka pengadilan kerana apabila isu pihak ketiga ini dapat kita selesaikan, dapat kita bereskan, maka keseluruhan isu ini mungkin lebih jelas dan akan memudahkan kita mengambil tindakan dan menyelesaikan masalah yang Yang Berhormat timbulkan tadi.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Seputeh tadi ada menimbulkan tentang KWSP yang membayar dividen yang rendah berbanding dengan ASN, ASB dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk tahun depan ini, tahun ini, tahun 2000 kita memberikan dividen yang lebih tinggi daripada tahun lepas. Seperti Yang Berhormat sebutkan tadi 6.8% dan sebenarnya KWSP adalah satu badan yang agak saya rasa stable dan steady. Ertinya walaupun dia tidak memberikan satu kadar faedah yang tinggi kerana KWSP tidak melabur dalam pelaburan yang bersifat *high risk*, tidak melabur di BSKL dan sebagainya kerana kita tidak mahu mendedahkan

para pencarum kepada risiko yang tinggi. Berbanding dengan lain-lain badan, mereka boleh melabur di dalam pelaburan yang berisiko tinggi. Pelaburan KWSP ialah *low risk*, risikonya rendah tetapi *steady* dan selamat serta terjamin. Jadi, kerana itu maka kita tidak boleh mengharapkan satu dividen yang tinggi daripada KWSP. Yang penting ialah bahawa dividen itu bersifat *steady*, tidak rendah dan tidak tinggi sangat, sederhana, di samping itu kita memberikan jaminan perlindungan kepada para pencarum kita supaya tidak terdedah kepada risiko pelaburan yang bersifat ataupun yang risikonya tinggi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tidak faham kenapakah pada beberapa tahun yang lepas, KWSP boleh memberikan dividen setinggi sampai 8%, kalau tidak silap saya, kepada ahli-ahlinya tetapi sekarang ia merupakan tabung kewangan yang memberi dividen yang paling rendah kalau berbanding dengan yang lain. Jadi, kita juga lihat macam mana wang KWSP itu berkumpul begitu banyak sehingga kelihatan kerajaan tidak tahu macam mana menggunakan ataupun membuat pelaburan dengan menggunakan dana KWSP.

Kita lihat yang wang KWSP digunakan untuk melabur di LRT yang mana mendapat keuntungan yang rendah secara perbandingan dan juga pernah digunakan untuk dalam pelaburan di Empangan Bakun di Sarawak. Dan kesemua ini, kita masih tidak dapat lihat keuntungannya. Adakah kerana wang KWSP digunakan untuk pelaburan di semua projek yang mana tidak mendatangkan keuntungan kepada para ahli sehingga hari ini yang menyebabkan keuntungan secara keseluruhan KWSP itu rendah sehingga KWSP tidak mampu memberi dividen yang tinggi kepada ahlinya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Seputeh. Sebenarnya komitmen kerajaan untuk memberikan dividen yang lebih tinggi tahun ini berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Saya rasa itu sudah agak cukup baik kerana selepas kegawatan ekonomi, kita masih lagi merasakan parahnya kegawatan itu maka kemampuan kerajaan untuk memberi dividen yang lebih tinggi, saya rasa sesuatu yang cukup baik setakat ini.

Mengenai pelaburan KWSP dalam LRT dan sebagainya yang dikatakan tidak menguntungkan itu, sebenarnya Yang Berhormat, KWSP juga perlu memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Jadi, walaupun pelaburan dalam LRT dan lain-lain itu tidak begitu menguntungkan tetapi untuk jangka panjang, ia adalah

menguntungkan negara. Jadi, saya rasa pencarum-pencarum yang terdiri daripada rakyat biasa juta perlu komited dalam perakra ini Perlu bersama-sama memikul komitmen, memajukan negara dalam apa bentuk sekalipun. Walaupun pada *short term* ia tidak menguntungkan tetapi untuk jangka masa panjang, projek-projek ini perlu untuk pembangunan negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tambun bangun.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya baca Laporan Tahunan KWSP. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya dasar yang saya lihat, dasar pelaburan KWSP adalah melabur dalam projek yang berisiko rendah untuk menjamin bahawa pendeposit tidak menghadapi risiko kehilangan wang dan pelaburan KWSP dalam projek-projek pembangunan bukannya secara *direct*, yang saya faham.

Katalah projek Bakun dilaksanakan oleh badan-badan tertentu, KWSP memberi pinjaman kepada badan-badan tertentu berasaskan jaminan kerajaan kerana dalam dunia pinjaman, jaminan kerajaan dianggap sebagai *low risk loan*. Bukannya KWSP yang terlibat dalam projek tersebut tetapi memberi pinjaman kepada pelaksana projek itu, dua perkara yang berbeza kerana dari segi KWSP, analisis sama ada hendak memberi pinjaman atau tidak adalah berasaskan kepada jaminan kerajaan. Kalau dia masuk dalam projek berasaskan risiko projek itu perkara yang berbeza. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat, saudara saya daripada Tambun. Memang benar bahawa pelaburan KWSP ataupun biasanya jikalau kerajaan meminjam daripada KWSP dalam bentuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) ertinya dalam masa yang sama kerajaan juga akan memberikan dividen kepada KWSP, satu pulangan yang terjamin kerana di mana-mana pun di dunia ini pinjaman yang dibuat oleh kerajaan melalui bon, sekuriti dan sebagainya adalah satu pinjaman yang paling selamat. Jadi kerana itulah maka kalau KWSP meminjamkan wangnya kepada kerajaan untuk sesuatu tujuan, maka ianya bersifat berisiko rendah dan terjamin dan inilah yang berlaku iaitu ertinya melalui sekuriti kerajaan itu maka para pencarum tidak terdedah dengan risiko dan kerugian yang tak sepatutnya mereka tanggung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Hashim bin Ismail:** ..akibat daripada, nanti kejap. Akibat daripada pinjaman itu. Terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tak berapa erti KWSP, saya nak tanya betullah ni. Oleh kerana pinjaman berisiko rendah ini yang dijamin oleh kerajaan ini telah diberikan oleh KWSP, adakah pinjaman ini tidak ditetapkan kadar faedahnya sebelum pada masa mula-mula diberikan pinjaman. Adakah dia turun naik ikut perkembangan syarikat ataupun memang telah ditetapkan dan ia tak ikut perkembangan ekonomi, katakana sekarang ni pergi kepada Bakun, RM1 billion, adakah kadar faedah ini ditetapkan masa mula-mula pinjaman itu diberikan dan dengan itu kalau Bakun rugi, Bakun untung, oleh kerana kadar itu telah ditetapkan kita tak payah buat alasan ekonomi naik, ekonomi turun, setiap tahun kita akan dapat.

Yang kedua ialah saya nak tahu a proportion dengan izin, pinjaman-pinjaman ini ataupun pelaburan-pelaburan KWSP ini. Berapa peratus yang diberikan dalam pinjaman yang dijamin oleh kerajaan, yang berisiko rendah, berapa peratus pula dalam pelaburan-pelaburan yang lain.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi bahawa pinjaman yang dibuat oleh kerajaan melalui Sekuriti Kerajaan Malaysia itu memang telah kita pada dasarnya kita ada satu garis - guideline untuk, satu garis panduan tentang pemberian dividen kepada KWSP tetapi akhirnya ia bergantung juga kepada seperti Yang Berhormat cakap tadi apa itu, turun naik ataupun rugi ataupun untungnya sesuatu projek itu kerana selalunya memang ada fleksibiliti dalam perkara ini dan selalunya kerajaan mengambilkira supaya KWSP walaupun terpaksa juga menanggung risiko walaupun rendah tetapi kerajaan pastikan bahawa faedah yang diberikan kepada KWSP adalah menguntungkan atau mungkin kalau tak begitu tinggi, tidak pernah pelaburan atau pinjaman yang dibuat oleh kerajaan merugikan KWSP. Kerana itulah saya katakan bahawa pinjaman oleh kerajaan melalui sekuriti, bon dan sebagainya tidak merugikan KWSP memang tidak pernah merugikan.

Dan yang kedua tadi tentang apa itu, lupa saya. Boleh ulang Yang Berhormat? Yang kedua tadi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih. Yang Berhormat kalau dapat proportion, KWSP melabur dalam pinjaman dijamin oleh kerajaan, berapa peratus,

dalam pelaburan lain berapa peratus, adakah pada masa akan datang oleh kerana kerajaan jadi penjamin, kerajaan boleh tetapkan daripada awal lagi kadar keuntungan. Jadi tak payahlah nak buat 'sabit' ekonomi naik, ekonomi jatuh pasal ini jaminan kerajaan. Kalau tidak tak payah kerajaan jamin pun tak pa.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Setakat ini Yang Berhormat kata tidak mempunyai proportion Yang Berhormat sebutkan itu dan ...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ..dapatkan kedudukan, peratus dia itu. Kalau tak dapat hari ini, bertulis pun tak apa.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya akan berikan nanti, saya akan berikan rangka itu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Bertulis ya?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Dan saya ingin menyentuh pula tentang Yang Berhormat bagi Tebrau tentang mahkamah khas disediakan supaya kes-kes rampasan kereta dan sebagainya dapat diselesaikan dan setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan satu mahkamah khas bagi membolehkan kes-kes itu tidak berlarutan begitu lama tetapi walau bagaimanapun pandangan ini akan diambil kira jikalau suatu masa nanti kita dapati satu mahkamah khas adalah wajar ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlarutan seperti ini maka kerajaan tidak keberatan untuk menerima cadangan-cadangan yang baik seperti ini.

Tentang Yang Berhormat bagi Kemaman mengenai Kumpulan PERWAJA dan juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Bagan dan Tambun. Sebenarnya Yang Berhormat, suntikan sebanyak RM1.167 bilion itu bukanlah suntikan kepada Kumpulan PERWAJA sebenarnya tetapi ialah sebagai komitmen kerajaan untuk membayar hutang kerana kerajaan memikul tanggungjawab kerajaan sebagai guarantor kepada pinjaman PERWAJA maka ini adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk membayar hutang PERWAJA bukan suntikan dan sekarang ini PERWAJA telah pun di swastakan supaya kerajaan, bebanan kerajaan dapat dikurangkan.

Oleh sebab itu PERWAJA di swastakan supaya kerajaan tidak lagi memikul beban di masa-masa akan datang. Di samping itu juga kerajaan telah mengarahkan.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat kerana beri laluan. Saya faham bahawa RM1.167 bilion bukan satu suntikan, namanya pun pemberian untuk tanggungan untuk membayar hutang yang telah dijamin oleh kerajaan. Persoalan saya di sini ialah selepas PERWAJA diambil oleh pihak swasta, bolehkah tidak Yang Berhormat mengemukakan progress ataupun perkembangan PERWAJA. Adakah ia sekarang ini sudah tidak mengalami kerugian operasi ataupun dia masih lagi rugi dari segi operasinya dan saya juga merujuk kepada Yang Berhormat bagi Tambun bahawa ada empat aspek yang menyebabkan kerugian pada PERWAJA, tukaran asing dan sebagainya. Ini sangat jelas yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bekas pada satu masa, semua orang tahu tetapi kita tidak boleh memandang kecil bahawa oleh kerana sebahagian daripada kerugian itu ialah daripada tiga punca yang lain maka kerugian daripada punca penyelewengan kita diaman, ini tak betul. Itu yang kita soalkan sekarang dan ada banyak sejarah lagi yang telah dikaitkan di dalam Price Water House, berkaitan dengan kerugian PERWAJA termasuk pemba yaran kepada syarikat ini tidak wujud. Ini membodohkan kita semua jika sekiranya kita kata kerugian ini hanyalah kerana kerugian naik harga Yen dan sebagainya.

Yang ketiga, saya nak tahu ialah oleh kerana jaminan ini seperti yang telah saya sebut dalam ucapan saya selampai pada tahun 2003 dalam jumlah RM5.1 bilion, adakah pada tahun depan kementerian ini akan datang semula ke Dewan ini untuk memberikan satu pemberian membayarkan hutang yang akan matang pada tahun-tahun seterusnya.

Jadi kalau tiaptiap tahun kerajaan kena bayar hutang yang diberikan pinjaman, saya nak tahu viability projek ini. Kalau projek ini viable kita boleh teruskan, kalau projek ini tidak viable kita memerlukan satu kajian semula.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi, saya setuju dengan beliau bahawa di antara sebab-sebab yang menyebabkan projek ini tidak viable kerana penurunan nilai mata wang kita berbanding Yen dan sebagainya. Sebenarnya kerajaan menyedari perkara ini Yang Berhormat, kerana itu maka CDRC iaitu Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat telah diarahkan untuk membuat

satu kajian yang menyeluruh dan dengan bantuan AS. Atkin Malaysia Berhad, kajian ini merupakan satu kajian yang menyeluruh. Semua syarikat besi keluli di seluruh negara dari segi *viability*nya, dari segi masa hadapannya supaya hasil daripada kajian ini akan menjadi satu garis panduan kepada kerajaan untuk mengendalikan syarikat ini. Walaupun dalam tempoh ini, syarikat ini mengalami banyak kerugian, masalah kewangan tetapi kerajaan masih lagi mengharapkan bahawa industri keluli di negara ini boleh memberikan faedah dan manfaat kepada pembangunan negara di samping memberikan *speed of effect* kepada industri-industri yang lain. Dan kita tunggu keputusan kajian ini dan akan menjadi satu garis panduan kepada kerajaan untuk industri ini di masa-masa akan datang. Jadi, kerana itu, dengan adanya satu kajian yang menyeluruh saya rasa di masa-masa hadapan ini kita dapat satu garis panduan, satu guideline tentang bagaimana kita hendak manage ataupun menguruskan syarikat-syarikat besi keluli di seluruh negara bukan sahaja di Terengganu malah di Johor. Di mana-mana sahaja ada industri besi keluli kita letakkan di bawah kajian ini dan inilah yang akan menjadi garis panduan untuk kerajaan mengendalikan industri ini di masa-masa akan datang.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ucap terima kasihlah kerana kerajaan akan mengkaji tetapi sudah 18 tahun kita rugi, baru kerajaan hendak kaji. Adakah masa kita buat kilang ini kita tidak buat kajian?

Yang kedua, saya hendak tahu, kita ada dua loji, satu di Kemaman, satu di Gurun. Ini loji di Gurun baru sahaja dibina. Saya hendak tahu kos pengangkutan yang terlibat di antara loji Kemaman ke Gurun dan syarikat yang mendapat kontrak daripada pengangkutan besi daripada Kemaman ke Gurun.

Saya ucap terima kasih di atas kajian yang hendak dibuat walaupun sudah agak lambat, 18 tahun kita rugi baru kita hendak kaji. Saya hendak tahu adakah laporan ini akan dibentangkan di Dewan ini?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat dan seperti Yang Berhormat cakap tadi adakah kajian dibuat sebelum projek ini dilaksanakan dahulu, saya rasa ada kajian dibuat tetapi kita berdasarkan kepada pengalaman, Yang Berhormat. Dahulu semasa kajian dibuat di peringkat awal, kita tidak ada pengalaman sebenarnya. Kita buat secara rambang dan bukan berdasarkan kepada pengalaman yang sebenarnya. Tetapi kajian ini kita berdasarkan kepada pengalaman kita. Apakah kelemahan-kelemahan yang berlaku yang dihadapi oleh industri seperti

ini. Jadi, saya rasa tidak terlambat, belum lagi terlambat untuk kita memperbetulkan keadaan dan saya rasa ini satu langkah yang cukup baik kerana kerajaan sentiasa mengakui kelemahan-kelemahannya kalau ada dan setelah kita akui kelemahan itu, kita buat satu langkah untuk mengkajinya semula, kita buat satu *post-mortem* tentang apakah kelemahan-kelemahan yang berlaku dan kita harap berdasarkan kepada pengalaman yang nyata dan benar-benar kita alami. Bukannya berdasarkan kepada andaian dan satu kajian yang rambang. Memang kita telah mengalami sebenarnya. Jadi, kerana itu saya rasa kajian kali ini lebih baik dan lebih menyakinkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang ..... tadi Yang Berhormat bagi Kemaman.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak balik kepada rakan saya tadi menyebut bahawa hasil kajian itu adakah akan bentang di ..... [*disampuk*]

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya sudah habis. Yang tajuk ini sudah habis dah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Hasil kajian itu - adakah ini akan dibentangkan?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Oh! ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Belum habis lagi itu.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Kajian itu saya rasa ..... [*disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sama ada ucapan Yang Berhormat panjang lagikah sebab saya.....

**Tuan Hashim bin Ismail:** Bergantung Yang Berhormat, kalau tidak ada gangguan saya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya rasa ada juga soalan lain yang perlu mendapatkan jawapan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Okay dan saya hendak jawab Yang Berhormat tadi iaitu sama ada kajian ini akan dibentangkan di Parlimen, saya rasa terlalu awal untuk saya commend kerana kajian itu masih lagi di peringkat awal dan saya buat setakat ini no komen. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang AP tadi, konflik di antara MITI dengan kewangan saya rasa tidak timbul tu. Tidak pernah ada konflik antara kedua-dua kementerian ini dan setakat ini

pengeluaran AP terkawal dan kita tidak ada cadangan untuk meletakkan urusan AP ini hanya di bawah Kementerian Kewangan. Kita akan kekalkan keadaan yang ada dan insya-Allah, kerajaan akan sentiasa mengawasi dan memantau pengeluaran AP supaya tidak disalahgunakan dan setakat ini kerajaan puas hati dengan pemantauan dan pelaksanaan pengeluaran AP kita, terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, soal AP ini kita harap Kementerian Kewangan kena betul-betul sebab di sinilah Kementerian Kewangan boleh dapat wang yang banyak, sebab kami ini sayang kepada kerajaan. Yang kami tidak sayang kepada UMNO. Jadi, bila misalnya AP dikeluarkan, dia import kereta itu kita tahu AP sahaja boleh jual RM25,000 - RM30,000. Masa kami dahulu, Ahli Parlimen ditawarkan AP penggal dahulu. Ada broker-broker kereta mari jumpa bawa AP itu kita boleh bayar RM25,000. Kemudian kalau misalnya ia import kereta baru tetapi *dideclare* kepada pihak kastam misalnya kereta recond. Maka cukai yang kerajaan pungut berkurangan. Ini masalah dan adakah dibuat kajian perkara ini berlaku? Sebab kita dengar, hebohlah benda ini berlaku, iaitu kerajaan kurang pendapatan dan tauke-tauke boleh dapat untung segera. Yang inilah kita minta kerajaan kaji betul. Yang diimport kereta itu, kalau baru – baru, kalau recond – recond. Kerajaan jangan kurang pendapatan nanti teruk lagi BN nanti.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan terima kasih juga kerana bersimpati atau kasihkan kepada kerajaan, harap pada UMNO pun kasihan jugalah. Sebenarnya setakat ini kerajaan belum ada bukti tentang dakwaan Yang Berhormat itu dan kalau Yang Berhormat boleh bantu kerajaan kalau ada kes-kes yang tertentu Yang Berhormat pasti dan ada bukti-bukti yang jelas dan nyata Yang Berhormat boleh berikan kepada kerajaan, kepada kami dan kalau memang benar ada bukti yang jelas seperti itu kita akan mengambil tindakan. Setakat ini kerajaan tidak punya bukti itu cuma dengar secara 'hear say' sahaja, cara rambang sahaja dan tidak ada bukti-bukti yang jelas untuk membolehkan kerajaan bertindak untuk menangani isu tersebut.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga tadi minta beberapa, ada lapan perkara yang dia pinta untuk diperjelaskan, tentang Putrajaya secara detail sangat. Jadi oleh kerana benda ini terlalu spesifik dan saya tidak dapat memberikannya di sini tetapi untuk menjawab sebahagian daripada soalan Yang Berhormat tentang Putrajaya itu, sebenarnya kerajaan tidak menanggung kos pembinaan Putrajaya itu begitu tinggi

kerana kerajaan minta Putrajaya Holding membina bangunan-bangunan kerajaan, selepas itu kerajaan sewa bangunan-bangunan tersebut daripada Putrajaya Holding untuk tempoh 25 tahun dan selepas itu bangunan-bangunan itu adalah milik kerajaan sepenuhnya.

Bagi infrastruktur jalan-jalan, longkang-longkang dan sebagainya di Putrajaya, kerajaan tidak juga keluaran belanja untuk tujuan ini kerana kerajaan tukarkan, beri tanah kepada Putrajaya Holding untuk dia melaksanakan projek-projek infrastruktur di Putrajaya kita buat 'swop' cara itu, pertukaran cara itu dan bagi 'public amenities', kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, sekolah, bomba, balai polis dan sebagainya itu adalah kerajaan yang menguruskan pembayarannya secara 'direct funding' melalui tender terbuka kerana itu adalah tugas kerajaan Untuk menyediakan kemudahan awam, itu adalah tugas kerajaan maka kerajaan bayar untuk yang itu, tetapi yang lain-lain kerajaan hanya sewa dan akhirnya apabila sampai tempoh yang saya sebutkan tadi bangunan-bangunan itu akan kita miliki.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]* Siapa Yang Berhormat beri, sanakah sini?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Sini dahulu, Yang Berhormat saya beri dia dahulu, tadi Yang Berhormat sudah tanya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia bangun dahulukah atau saya bangun dahulu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa yang dipandang oleh beliau dahulu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Macam mana duduk belakang dia pandang dahulu? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, terima kasihlah. Saya memang tertariklah soalan daripada pembangkang dan Yang Berhormat jawab cukup baiklah. Soalan saya, saya dengar tempat ini dibina, dan 25 tahun akan datang diserahkan kepada pihak kerajaan. Dalam masa pembinaan itu berapa kos kerajaan telah belanjakan untuk membina ataupun mengurus Putrajaya. Adakah penilaian dibuat, unjuran dibuat pada 25 tahun akan datang nilai harta di Putrajaya itu yang pulangan kepada kerajaan selepas itu, macam

mana pulangan yang akan diterima oleh kerajaan selepas 25 tahun tempat itu disewa, macam mana Yang Berhormat?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Tentang kos itu Yang Berhormat saya rasa setakat ini kita belum dapat tentukan kerana beberapa fasa yang lain masih lagi dalam proses pembinaan. Jadi belum dapat saya pastikan tentang kos itu dan dari segi unjuran pulangan itu juga saya rasa masih terlalu awal untuk kita buat unjuran.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat saya ingin, pertanyaan saya memang ada remeh sedikitlah, minta maaf, saya pun ingin tahu juga. Oleh kerana apabila Putrajaya dirancang dahulu pernah tuan tanah berjumpa saya, Yang Berhormat, saya tidak ada duit, tidak cukup duitlah, dia hendak jual satu ekar tanah dengan harga RM70,000 satu ekar, dan tanah yang hendak dijual sebesar 100 ekar, jadi saya kata 100 ekar, RM70,000 seekar itu bermakna RM7 juta, manalah PPRT dapat beli RM7 juta.

Jadi saya tidak dapat belilah, kalau saya beli tetapi pada masa sekarang saya nampak tanah di Putrajaya itu telah bernilai tidak kurang daripada RM1 juta satu ekar. Jadi maknanya daripada perancangan itu dimulakan sampai pada masa sekarang tanah itu berharga RM1 juta....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batang Lupar, sila pendekkan soalan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi macam mana kalau 25 tahun akan datang tidakkah ini mungkin berlaku, minta maaf Tuan Pengerusi, tidak boleh dipendek cerita ini, [Ketawa] kalau 25 tahun akan datang dikira daripada nilai yang ada daripada perancangan sampai pelaksanaan dan 25 tahun akan datang kita lihat mungkin tanah ini tidak dikira dengan ekar lagi, dikira dengan square foot, mungkin square inches pada masa 25 tahun yang akan datang, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tentang perbezaan kos sekarang ini dengan 25 tahun akan datang. Saya rasa kerajaan akan melakukan satu kajian tentang unjuran itu dan setakat ini belum lagi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada 40 minit.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya hendak layan pertanyaan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi saya hendak ingatkanlah kepada Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Okay. Ini penghabisanlah, lepas ini....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hanya hendak kepastian soalan saya yang lapan itu dia akan jawab bertulis, Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi beliau telah menyatakan yang tidak dapat jawab akan beritahu kemudian.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya tidak commit tadi cuma.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak acilah macam itu, Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya cuma jawab sebahagian tadi, cuma mana-mana yang ada dalam simpanan saya, Yang Berhormat, mana-mana yang rasa perlu, saya akan berikan secara bertulis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Oh, tak aci macam itu, jawab semualah, apa salahnya. Nanti kita buat fitnah pula.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Kalau angka itu ada pada saya, maklumat itu ada pada saya dan perlu saya....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang tidak ada pun tolong carilah, ini kementerian, saya bukan tanya Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Yalah saya cari kemudian, mana yang saya boleh cari, saya cari, yang tidak boleh itu apa hendak buat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Takkan kementerian tidak simpan?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tetapi, insya-Allah, mana yang saya boleh, saya akan cuba.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya tanya kementerian, saya tidak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sahaja.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Okay Yang Berhormat, saya akan cuba mana yang boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat, masa saya ingat sukalah saya maklumkan lagi sudah lebih daripada 40 minit.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tadi Yang Berhormat bagi Pendang juga, sedikit lagi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pendang ada mengatakan bahawa perlu ada satu kajian menyeluruh tentang projek-projek penswastaaan di negara kita dan kita

alu-alukan pandangan ini dan memang benar pun kerajaan sedang mengkaji setiap projek penswastaan. Tadi yang saya katakan Perwaja, IWK, pun tadi Price Water House Cooper. Saya belum sentuh tentang IWK, memang kerajaan ada buat kajian tentang IWK dan dua hari yang lalu kerajaan telah pun menandatangani untuk mengambil alih keseluruhan saham Public Prime Utilities Bhd. (PUB), kerajaan telah mengambil alih tugas ini kerana kerajaan dapati IWK dalam keadaan yang tidak begitu viable dan lemah dari segi kewangannya dan banyak menerima aduan, lebih-lebih lagi Yang Berhormat bagi Gelang Patah, setiap kali dia berucap inilah isu yang dibangkitkan dan orang lain pun 'concern' tentang perkara ini dan kerajaan sedang dalam proses mengambil alih IWK ini. IWK akan berjalan seperti biasa melaksanakan tugas seperti biasa tetapi pemegang saham utamanya ialah Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Satu perjanjian telah pun ditandatangani dan dengan penglibatan sepenuhnya oleh kerajaan saya rasa masalah-masalah yang dihadapi oleh IWK selepas ini akan dapat kita atasi dan sungutan-sungutan publik dapat kita kurangkan, dan lebih efisien apabila kerajaan yang terlibat – kerajaan ada beberapa peruntukan untuk kita melaksanakan tugas ini dengan efisien dan baik.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak? Kita tidak ada masa panjang.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Sorry Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak? Jawab hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Masa sudah suntuk, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Dak, jawab hendak beri jalan atau tidak, itu sahaja.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah, dia kata tak payah. Yang Berhormat, dia kata tak payah. Tak payah itu bukan senanglah. *[Ketawa]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** IWK juga selepas ini apabila diambil oleh kerajaan, kerajaan mempunyai kemampuan dari segi kewangannya, dari segi enforcementsnya, maka IWK selepas ini akan menjadi lebih efisien saya rasa. Kita tidak perlu susah lagi selepas ini kerana dengan komitmen kerajaan yang sepenuhnya

ini, maka saya rasa segala masalah yang dihadapi oleh IWK selama ini akan dapat kita atasi dan dapat kita perbetulkan.

Tuan Pengerusi,.....

**Tuan Pengerusi:** Ada banyak lagikah Yang Berhormat?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat itu telah pun diberi pada masa perbahasan dalam dasar – IWK dan juga barangkali berkenaan dengan Putrajaya. Saya harap janganlah diulangkan. Jikalau sekiranya hendak ulang pun sedikit sahaja dah mencukupi.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Cuma satu, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan, tentang adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan hari perjudian. Timbalan Menteri dahulu menjawab, saya tidak dengar apa yang dia jawab. Tetapi Yang Berhormat ada refer dengan jawapan beliau. *[Ketawa]* Yang Berhormat ada refer dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya, sebenarnya kerajaan menghadapi dilema kerana judi ini – dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kata budaya, orang marah. Tetapi bagi saya judi ini agak sukar untuk kita mansuhkan ataupun kita atasi kerana memang telah menjadi satu kelaziman masyarakat kita.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun pula Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tunggu sekejap. Saya habiskan dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Dia suruh duduk.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Maksud saya jikalau kita kurangkan ataupun kita hapuskan terus maka perjudian secara haram akan terus berleluasa dan akan menjadi lebih sukar untuk kita mengawalinya. Memang kita tahu bahawa judi memang dari segi agama apa pun dari segi nilai-nilai universal memang tidak begitu baik, jikalau berlaku di kapal-kapal mewah, dan di mana-mana tempat Yang Berhormat sebutkan tadi. Tetapi ini sebenarnya terpulang kepada kekuatan iman kita. Judi ini sebenarnya kalau ada di Malaysia pun kalau orang Islam khususnya dan orang-orang lain juga, penganut agama lain juga menganggap ia sebagai satu perkara yang tidak baik, maka kita boleh jauhi dan perkara ini boleh diatasi. Tetapi oleh kerana telah menjadi satu kebiasaan, satu hobi, yang menagihkan, ketagih, sampai di kapal-kapal, di mana-mana

dalam hutan pun mereka berjudi, tetapi kalau kita sekat dan kita hapuskan terus maka perjudian secara haram akan terus berleluasa dan masalah pokok kita untuk mengatasi masalah perjudian pun tidak dapat kita selesaikan.

Sebaliknya, keimanan kita perkukuhkan. Saya mintalah saudara kita orang PAS juga dan kita sendiri dapat....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Hendak tolong.

**Tuan Hashim bin Ismail:** .....sama-sama memberi didikan, tarbiah kepada masyarakat kita supaya menjauhi premis-premis perjudian sama ada di kapal-kapal ataupun di mana-mana.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** Penghabisan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, last question. Terima kasih banyaklah Yang Berhormat beri peluang kepada saya. Masalah sekarang bukan masalah kuat iman orang kampung, kuat iman kerajaan itulah yang menjadi persoalan. Dalam buku ini kerajaan sendiri ada saham dalam perjudian. Saya tidak hendak sebutlah kerana masa singkat. Adakah Kementerian Kewangan bercadang hendak tarik balik saham kerajaan dalam syarikat-syarikat judi ini? Orang kampung berjudi, satu dosa. Kerajaan pula ada saham judi itu saya rasa pun berdosa itu. Saya tidak pastilah. Yang kedua, ialah berkaitan dengan IWK, adakah sekarang bila kerajaan sudah beli.....

**Tuan Pengerusi:** IWK sudah habis, Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah yang itu. Berkenaan dengan judi sahaja.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak boleh, okay terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila. Adakah kerajaan mempunyai saham sebagaimana judi apa ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya tidak tahu.....

**Tuan Pengerusi:** Tak tahu ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** .....sumber mana Yang Berhormat ambil itu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tidak mengapalah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak payahlah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Tak payah.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya tidak tahu sumber itu. Tetapi kerajaan memang sebenarnya.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** Okay, Yang Berhormat. Kerajaan sekarang ini tidak lagi meluluskan premis-premis perjudian yang baru, Yang Berhormat. Memang menjadi satu kesalahan bagi orang Islam pergi ke premis perjudian. Itu peraturan kerajaan. Ertinya, kerajaan tidak mahu menggalakkan perjudian berlaku dengan berleluasa di negara kita. Tetapi tentang saham itu saya tidak pasti Yang Berhormat dapat dari sumber mana. Bagi saya kerajaan memangnya dari masa ke semasa cuba untuk mengurangkan kegiatan judi di negara kita dengan cara yang pertama tadi tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen baru. Ertinya, setakat yang ada ini sahajalah. Selepas itu kalau ada yang ditutup, dibatalkan, ertinya semakin berkurangan kedudukan aktiviti perjudian di negara kita. Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa mana-mana isu yang dibangkitkan tidak dapat saya jawab, tidak ada kesempatan untuk saya menjawab....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** Yang Berhormat bagi Seputeh, saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Saya mohon maaf kalau ada isu-isu yang dibangkitkan saya tidak sentuh, tetapi saya ada mengambil catatan dan akan memberikan perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Soalan tambahan bolehkah? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM431,232,300 untuk Maksud B.28; RM2,676,888,100 untuk Maksud B.29; RM2,561,792,400 untuk Maksud B.30; RM283,006,400 untuk Maksud B.31 dan RM40,310,700 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM431,232,300 untuk Maksud B.28; RM2,676,888,100 untuk Maksud B.29; RM2,561,792,400 untuk Maksud B.30; RM283,006,400 untuk Maksud B.31 dan RM40,310,700 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,709,589,700 untuk Maksud P.28; RM168,000,000 untuk Maksud P.31 dan RM1,000,000,000 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,709,589,700 untuk Maksud P.28; RM168,000,000 untuk Maksud P.31 dan RM1,000,000,000 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.33 [Jadual] –  
Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

**5.44 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebagai permulaan saya ingin hendak menyentuh di bawah Program 010600 – Perancangan Jalan. Masih banyak jalan di Sarawak yang sama ada perlu dibuat, dibina semula ataupun diperbaiki dan sebagainya. Umpamanya jalan daripada Kuching ke Miri yang sekarang terutama sekali di antara Daerah Betong hingga ke sempadan bahagian kedua dan bahagian keempat jalan begitu buruk sekali dan perlu diperbaiki. Kita telah mendengar semenjak tahun lepas yang jalan ini telah diserahkan kepada pihak kontraktor tetapi sampai sekarang Tuan Pengerusi, jalan ini masih macam jalan zaman roman empayar dahulu. Jadi, kalau kita gunakan kereta lembu, kereta kuda mungkin kita boleh gunakan itu kerana kita tidak payah laju sangat tetapi oleh kerana jalan kereta laju sekarang, kita kena juga jalan laju-laju sedikitlah kerana jalan daripada hujung negeri Sarawak ke Miri daripada Kuching itu 973 kilometer, kalau kita hendak berhenti tepi jalan itu susah sedikit. Jalan tempat perhentian tidak ada, hotel tidak ada, hotel satu bintang, lima bintang jangan sebut lagi.

Jadi, saya berharap pihak kementerian mengambil perhatian khusus jalan ini terutama daripada Bahagian Kedua iaitu Sri Aman sampai ke Bahagian Keempat di

Bintulu, supaya dilaksanakan pengubahsuaian dan pembaikpulihan dengan segera. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi

Kedua, satu lagi Tuan Pengerusi, kadang-kadang pihak Parlimen ini dan Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan untuk membina jalan-jalan ataupun mengubahsuai jalan ataupun membaik pulih jalan di seluruh Sarawak. Kadang-kadang jalan banyak dibuat ataupun direka bentuk. Pada tahun 60-an iaitu masa sebelum merdeka, jadi reka bentuk ini dibuat oleh pegawai teknikal pada zaman itu mungkin mengikut arah yang tidak ada mempunyai satu ekonomik ataupun social obligation ataupun implication dibina sebagaimana yang murah, yang senang pada masa itu.

Jadi, pada masa sekarang jalan itu dan reka bentuk itu dan alignment dengan izin, itu adalah tidak sesuai lagi oleh kerana tidak menepati pendapat teknikal ataupun jurutera yang ada masa sekarang ini dan perlu diubahsuai. Jadi, peruntukan dibuat kadang-kadang bila peruntukan dibuat berlandaskan nilai harga untuk membina jalan tersebut. Jarang sekali pihak kementerian menilai iaitu apabila alignment jalan itu dibuat akan merentaskan tempat-tempat tanah orang dan rumah orang dan sebagainya. Ini juga perlukan penggantian tanah, ganti rugi tanah, kos jalan dan kos kawal seliaan.

Jadi, saya berharap pihak kementerian di dalam merancang jalan tidak kira sama ada di Sarawak, di Sabah ataupun di Semenanjung Malaysia terutama sekali ketara nampak di Sarawak. Kita lihat apabila satu jalan daripada point A ke point B ini telah dirancangan, jurutera melapor kepada pihak kementerian iaitu nilai harga untuk membina jalan itu semua sekali, potong jalan, survey dan sebagainya ialah RM100 juta umpamanya, Tuan Pengerusi.

Jadi, kementerian melihat dari segi RM100 juta itu sahaja. Soalan ganti rugi tanah tidak dilihat sekali. Jadi, apabila pelaksanaan itu dibuat nanti timbullah masalah ganti rugi tanah yang hendak diambilkan. Jadi, mekanismenya diterima pada masa sekarang ialah katakan tadi daripada point A ke point B jalan raya sudah diluluskan. Jadi, diminta kerajaan negeri untuk mengambil tanah di tempat yang berkenaan.

Jadi, apabila peruntukan itu hanya untuk jalan raya sahaja dan peruntukan untuk pengambilan tanah tidak dilaksanakan. Jadi, dengan sendirinya jalan itu tidak akan boleh dilaksanakan oleh kerana peruntukan untuk mengganti rugi untuk pengambil tanah yang tersebut tidak dibuat. Jadi, diserahkan kepada pihak kerajaan-kerajaan negeri tetapi dalam masa yang sama pihak kerajaan negeri berkemungkinan

tidak ada peruntukan ataupun tidak ada kelulusan daripada Dewan mereka untuk menyediakan peruntukan negeri mengambil tanah orang di tempat yang tersebut. Ini perkara yang kedua.

Ketiga, juga dalam keadaan sekarang apabila umpamanya projek itu sama ada diswastakan ataupun ditenderkan dan sebagainya. Kita tidak kisah, macam saya kalau penswastakan cara yang lebih mudah, senang dan cepat melaksanakan mana-mana projek, saya akan menerima kerana saya percaya pihak kementerian/kewangan membuat secara telus, lurus dan teratur penswastakan ini tetapi apa yang berlaku kawal seliaan masih dibuat oleh pihak JKR negeri. Ini juga perlukan peruntukan yang tertentu.

Jadi, saya berharap pihak kementerian apabila merancangkan satu jalan:

- (i) kos jalan itu sendiri mengikut cadangan yang telah dibuat oleh pihak pereka ataupun jurutera telah merancang jalan itu;
- (ii) kos untuk pengambilan tanah mestilah dibuat persediaan, kalau tidak ini akan melambatkan pengambilan tanah;
- (iii) kos kawal seliaan yang akan dicaj oleh pihak JKR macam di Sarawak, mungkin juga di Sabah oleh kerajaan negeri, JKR dan juga kerajaan negeri yang mana melibatkan kos yang di luar jangka bagi mereka.

Jadi, kalau ini tidak dibuat dengan sendirinya jalan ini terlambat tetapi bagi pihak orang kampung, orang kawasan, mereka tidak tahu soalan ini. Mereka akan berkata kalau kerajaan sudah setuju hendak buat satu perkara, memang sudah setuju semua perkara-perkara ini difikirkan dan dibincangkan dan diluluskan. Apabila kita dengar dalam rangka kerajaan, dia kata "*Oh, Kerajaan Pusat sudah lulus ini kenapa tidak buat?*". Kita sebutlah Ahli Parlimen, wakil rakyat dan sebagainya akan heboh ke sana sini beritahu jalan ini memang betul hendak dilulus, duit sudah ada, Kementerian Kewangan sudah luluskan, tetapi apa yang tidak dilihat ialah peruntukan kos ini tadi, kos tambahan yang tidak disediakan nanti.

Jadi, bila diambil tanah ini Tuan Pengerusi, satu lagi saya minta maaf lah lambat sedikit ini. Bila sudah diberi notis, di sana di Sarawak kita ada sebut Seksyen 47 Pengambilan Tanah Sarawak. Di Seksyen 47 di sepanjang jalan di mana jalan ini hendak dibuat tetapi dalam jangka masa Kerajaan Pusat tadi mengatakan jalan ini dibina pada tahun 1999 sampai tahun 2000 umpamanya, tetapi apabila Seksyen 47 itu diletakkan di sana untuk dilaksanakan oleh kerana kos ini tidak ada, kos itu tidak ada,

benda ini terlambat, jalan ini terlambat tetapi Seksyen 47 ini masih berkuat kuasa di atas tanah tersebut.

Jadi, apabila pengambilan ini tidak dibuat serta-merta dilambatkan projek ini sampai lima, enam tahun umpamanya, dilupa oleh pihak kerajaan. Apabila pengambilan dibuat selepas lima ataupun enam tahun selepas itu, harga nilai daripada mengikut undang-undang Sarawak ialah tanah akan dinilai berlandas tahun dan bulan Seksyen 47 ini dikuatkuasakan.

Jadi, tuan tanah, orang kampung, pengundi kita, masyarakat keseluruhannya rasa terkilan. Kerajaan mendatangkan masalah kepada mereka kerana tanah itu dinilai pada umpamanya tahun 1995, jalan baru dibina pada tahun 2001.

Jadi, nilai itu bukan pada tahun 2001 tetapi pada tahun 1995. Jadi, dia kata kenapa pengambilan tanah saya begitu murah sekali. Jadi, bila dalam keadaan sama kerajaan negeri tidak bolehlah hendak mengata Kerajaan Pusat yang salah, Kerajaan Pusat pun tidak boleh kata kerajaan negeri-negeri yang salah tetapi, masyarakat akan berkata bahawa yang salah wakil rakyat.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian Tuan Pengerusi, saya berharaplah, saya tidak sebut cerita panjang, saya cerita ini sahaja. Saya harap kawan saya Timbalan Menteri yang muda, handsome ini membawa cerita ini ke atas, tunjukkan kepada pegawai-pegawai, beritahu dan tolong tekankan kepada pegawai-pegawai tertentu supaya perkara-perkara ini tidak berlaku pada bila-bila masa.

Saya baru berbincang, saya berbincang tiga malam lepas saya berbincang dengan menteri di Sarawak mengatakan perkara ini banyak berlaku kerana masalah pengambilan tanah di bawah Seksyen 27 ditetapkan tetapi projek tidak dijalankan, duit sudah ada, kenapa tidak dijalankan oleh kerana kos ini tadi, kos itu tidak diperuntukkan.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian saya menyokong Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Bukit Mertajam.

**5.54 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh tentang Butiran 020000 – Skim Mengatasi Kesusakan Lalu Lintas Pulau Pinang. Saya memang menyambut baik tentang skim ini dan saya ingin mendapat beberapa penjelasan tentang skim ini. Apakah program yang ada di bawah skim ini dan apakah projek-projek yang akan dijalankan?

Masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang memang semakin serius dan kepada orang Pulau Pinang, masalah yang terutama ialah kerana kelewatan pembinaan Lebu Raya Jelutong. Lebu raya ini mengikut rancangan sepatutnya telah siap dibina pada tahun 1996 tetapi sampai hari ini walaupun Ketua Menteri Pulau Pinang telah merasmikan upacara untuk pecah tanah tetapi kerja-kerja pembinaan tidak dijalankan dan kerana kelewatan projek ini, ia mengakibatkan kesesakan lalulintas di kawasan Jalan Jelutong dan Jalan Masjid Negeri di kawasan Allan Glaze. Dan baru-baru ini Menteri Kerja Raya yang mengatakan akan menjalankan projek Jambatan Pulau Pinang Kedua, tetapi kepada orang Pulau Pinang mereka mengatakan, mengadakan walaupun membina Jambatan Pulau Pinang Kedua ini, tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas sekiranya jalan-jalan di dalam pulau itu tidak dinaik taraf atau Lebu Raya Jelutong tidak disiapkan sebelum jambatan kedua ini disiapkan.

Maka saya suka mengetahui, adakah kementerian di bawah tajuk ini akan memberi peruntukan untuk pembinaan Lebu Raya Jelutong kerana mengikut laporan kerajaan Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan, oleh sebab itu projek ini perlu diswastakan dan kerana krisis ekonomi, syarikat swasta ini pun tidak mampu menjalankan projek ini. Maka saya menyeru supaya bantuan diberi kepada negeri Pulau Pinang untuk membina lebu raya ini.

Yang kedua, saya ingin tahu, adakah peruntukan ini juga akan diguna untuk membina satu fly over di pintu kereta api di Jalan Arumugam di Bukit Mertajam, kerana 'kereta pintu' ini ditutup sebanyak 20 kali sehari dan Jalan Arumugam Pillay ini adalah merupakan satu jalan yang sibuk khasnya pada waktu yang sibuk dan ia menyebabkan kesesakan lalulintas pada setiap kali jalan itu ditutup dan projek ini memang banyak kali telah dipohon tetapi masih belum diluluskan ataupun diberi perhatian. Maka saya harap pihak kementerian akan memberi perhatian.

Di bawah Butiran 02300 – saya ingin tahu, bagaimana keadaan under pass Butterworth-Kulim ini kerana under pass Butterworth-Kulim ini telah beberapa kali dibanjiri air dan air sedalam sembilan kaki, apakah sebab under pass ini boleh dibanjiri air dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menangani atau menyelesaikan masalah ini.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh satu projek JKR di Taman Ria, Tingkat Sentosa, ini mungkin dilihat sebagai satu perkara yang kecil kerana ia hanya melibat

dua buah rumah tetapi kepada pemilik rumah ini, perkara ini adalah satu masalah yang besar kepada beliau. JKR Bukit Mertajam telah menawarkan kontrak untuk menstabilkan slop ditepi rumah No. 46, Tingkat Sentosa, Taman Ria dan kontraktor yang menjalankan kerja, saya tidak tahu adakah kekurangan pengalaman ataupun tidak tahu macam mana hendak buat, dia menyebabkan keadaan lebih teruk lagi dan seterusnya merosakkan kitchen, bahagian dapur di kedua-dua rumah yang di tepi slop ini dan sekarang projek ini dibiarkan begitu sahaja dan tanah setiap kali hujan, tanah dan air akan masuk ke dalam rumah mereka. JKR menasihatkan mereka mengosongkan rumah itu, tetapi mereka hanya ada sebuah rumah. Kalau mengosongkan rumah itu, JKR tidak menyediakan tempat kediaman, macam mana mereka hendak pindah dan saya rasa perkara ini adalah bahaya, sekiranya ada hujan yang lebat mungkin tanah akan runtuh dan masuk ke dalam kawasan rumah ini.

Sekarang JKR mengatakan kontraktor ini ada insurans dan menunggu untuk pampasan insurans tetapi kontraktor ini juga mengatakan menunggu untuk insurans memberi pampasan, tetapi semasa ini apa yang hendak dibuat oleh pemilik ini. Saya harap..., kontrak ini ditawarkan oleh JKR dan saya harap JKR boleh membantu kerana mereka dalam keadaan yang begitu susah. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**6.01 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sukacita saya menyentuh B.33 Butiran 030000 – Bekalan Air dan Butiran 030100 – Perkhidmatan Bekalan Air.

Tuan Pengerusi, pihak kementerian telah menyatakan bahawa dasar air negara sedang dirancang dan membangunkan sumber bekalan air di negara kita ini secara teratur dan berkesan. Inilah satu langkah wajar yang diambil oleh kerajaan. Tetapi bilakah dasar air negara yang dicadangkan sebagai garis panduan merancang sumber bekalan air akan dikemukakan kepada Majlis Sumber Air Negara untuk dipertimbangkan.

Ini satu soalan yang sedang ditanya kerana saya seorang yang kena catuan air pada satu ketika dahulu, saya terlibat langsung, maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan Dewan yang mulia ini, bilakah dasar air negara dapat dikemukakan.

Saya juga difahamkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri sedang dan telah mengkorporatkan atau menswastakan Jabatan Air Negeri masing-masing. Kalau kerajaan negeri telah mengkorporatkan atau menswastakan jabatan air ini, siapakah yang akan jadi pengawakselia terhadap perkhidmatannya, adakah badan kawal selia air itu yang bertanggungjawab menyelia perkhidmatan bekalan air dan menjamin mutu perkhidmatan bagi mendapat memenuhi keperluan semasa dan memastikan lebih efektif dan berkesan sejajar dengan caj yang dikenakan kepada pengguna yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya minta ini penting kerana Jabatan Kerja Air telah dikorporatkan atau diswastakan tanpa kawal selia, ini akan menjadikan satu masalah maka saya minta pandangan dan adakah akan ditubuhkan badan kawal selia pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, P.33 Butiran 02300 – Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Tuan Pengerusi, syarikat konsesi yang bernama Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd. (SILK) yang sudah diamanahkan menguruskan Jalan Balakong pada 8 Oktober 1997, saya bangkitkan perkara ini kerana sehingga kini tiada tanda pembangunan dilaksanakan hingga menyebabkan kesesakan lalulintas di sepanjang Jalan Balakong, berlubang dan tiada ada lampu pada waktu malam. Keadaan Jalan Balakong semakin teruk apabila hujan kerana air bertakung dalam lubang yang menjadikan satu kemalangan berlaku.

Tuan Pengerusi, syarikat konsesi ini sepatutnya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jalan ini kerana ia sudah diswastakan kepadanya dan keadaan jalan yang tidak sempurna boleh mengakibatkan kemalangan berlaku. Pihak kementerian atau Lembaga Lebuhraya Malaysia perlu tetapkan tarikh sebenar Jalan Balakong dinaikkan taraf bagi memastikan masalah kesesakan yang dialami oleh pengguna-pengguna jalan sepanjang jalan ini dapat diatasi kerana ekonomi negara kita sedang pulih dan tidak ada alasan lagi bagi syarikat konsesi ini kata kerana kegawatan ekonomi yang dihadapinya untuk jadi alasan untuk melambat-lambatkan lagi pelaksanaan projek ini. Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana saya rasa ini penting kerana ini satu komitmen oleh kerajaan yang telah disiarkan dalam akbar semasa menandatangani perjanjian yang disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Itu sebab perkara ini kalau dilambatkan lagi saya tidak tahu apa jadinya, apa berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada dua, tiga tahun ini lebih kurang sepuluh orang terkorban dalam kemalangan di Jalan Balakong ini kerana tidak ada sistem lalu lintas buat waktu ini. Semasa membangkitkan perkara ini JKR kata memang ini tanggungjawab pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia katakan ini tanggungjawab pihak syarikat konsesi. Dengan yang demikian itu pengguna-pengguna jalan menjadi mangsa kerana Jalan Balakong ini penting sebagai jalan utama dari Hulu Langat ke Putrajaya melalui Mines Resort. Maka, saya minta kalau syarikat konsesi memang tidak mampu untuk berbuat demikian itu, bolehkah pihak kementerian memperuntukkan wang terlebih dahulu untuk memperbaiki untuk mengatasi masalah kesesakan buat waktu ini sehingga syarikat konsesi ini akan datang untuk mengembali balik wang di masa akan datang. Kalau tidak, jalan ini hanya terbiar sahaja demikian, menjadi satu masalah yang jadi sungutan orang ramai terutama sekali pemimpin masyarakat termasuklah persatuan penduduk, termasuklah badan-badan politik, kebajikan di sepanjang masa ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya tidak tahu semasa rancangan penswastaaan dilancarkan, badan kawal selia siapa dilantik. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah yang saya turut hadir untuk membincangkan masalah-masalah tempatan, saya tanya kalau sesuatu masalah sedang dihadapi oleh rakyat berkaitan dengan lebuh raya itu, masalah ini hendak disampaikan kepada siapa. Kalau disampaikan kepada wakil Lembaga Lebuhraya Malaysia katakan ini polisi yang ditentukan oleh EPU, Jabatan Perdana Menteri, maka tidak boleh ubah lagi. Kalau demikian, itu akan menjadi masalah kepada rakyat yang sedang menghadapi masalah lebuh raya itu. Maka saya minta, kalau bolehlah, satu badan kawal selia dapat ditubuhkan sebagai satu saluran bagi rakyat tempatan untuk menyampaikan masalah-masalah yang dihadapi supaya dapat ditimbangkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia atau pihak kementerian supaya dapat mengatasinya. Tanpa saluran ini mungkin menjadikan satu masalah yang berlanjutan lagi, mungkin menjadi satu isu politik yang boleh dimainkan oleh pihak-pihak tertentu. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu isu ini menjadi isu yang dimainkan oleh pihak yang tertentu yang akan merosakkan imej kerajaan.

Maka itu saya mintalah pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak kerajaan akan menubuhkan badan kawal selia untuk menjadi saluran bagi rakyat untuk sampaikan dan jadi wakil rakyat Barisan Nasional juga ada

dapat bertanggungjawab sampaikan supaya masalah tempatan ini dapat diatasi dan juga saya mintalah Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai satu badan yang bertanggungjawab sebagai koordinasi antara syarikat konsesi dengan pihak kerajaan, jangan sekali-sekala sahaja untuk mendengar cadangan yang dibentangkan oleh juruperunding pihak syarikat konsesi seperti mana yang berlaku di Desa Serdang. Jalan persimpangan itu yang 'keluar' sepanjang masa, Tuan Pengerusi tetapi tengah-tengah telah ditutup, biarkan pengguna jalan tidak boleh melalui jalan tersebut, saya tanya apa sebab, surat sampai kepada saya daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia katakan, sebab syarikat konsesi tidak cukup tenaga untuk menjamin orang-orang yang menggunakan jalan pintas. Inilah bukan tanggungan kita, patutnya ini tanggungjawab pihak syarikat konsesi. Maka itu saya mintalah kalau boleh pandangan atau ulasan daripada wakil-wakil rakyat tempatan atau pemimpin-pemimpin tempatan yang dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk ditimbang cara mana untuk mengatasi masalah yang dihadapinya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat....

**Dato' Yap Pian Hon:** Ini cara saluran yang boleh untuk atasi masalah dihadapi oleh rakyat .

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sipitang.

**6.11 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kepala B.33 Kementerian Kerja Raya ini saya ingin mengambil bahagian di bawah Butiran 020000 Jalan dan Jambatan dan Butiran 030000 Bekalan Air.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya dan juga Kementerian Kerja Raya kerana sejak kebelakangan ini telah melaksanakan sistem rangkaian jalan raya di seluruh negara sehingga sistem jalan raya di Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia. Sejurus dengan itu, saya ingin minta penjelasan daripada.... Menteri ada di sini, kedudukan lebuhraya baru yang diberi kepada satu syarikat konsesi di antara Karak dengan Pantai Timur. Kita difahamkan rundingan projek ini begitu lama dan apakah hasilnya sekarang ini. Siapakah pemegang konsesi yang terakhir yang dapat projek ini dan bilakah dimulakan dan berapakah kos yang telah diputuskan untuk lebuhraya baru di antara

Karak dengan Pantai Timur. Walaupun Terengganu sekarang di bawah PAS tetapi kita yakin Kerajaan Barisan Nasional tetap meneruskan projek ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan di Sabah. Keadaan jalan raya di Sabah sekarang ini sejak Barisan Nasional memerintah telah pun bertambah baik. Sebab itu rakyat Sabah memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional terutama sekali pada pilihan raya bulan November baru-baru ini. Namun demikian, terdapat juga jalan-jalan utama yang belum selesai. Beberapa jalan utama dan jalan yang dapat mengembangkan pertumbuhan ekonomi perlu dibuat. Di negeri Sabah ini ada dua jalan iaitu jalan-jalan yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan dan ada juga jalan-jalan yang dikendalikan oleh kerajaan negeri. Bagi jalan-jalan di bawah Kerajaan Persekutuan beberapa jalan perlu dilihat semula dan keadaan sekarang ini menyebabkan ianya perlu dikaji dan dilaksanakan segera. Misalnya, Tuan Pengerusi, jalan di antara Kota Kinabalu dan Papar. Pakej pertama jalan Kota Kinabalu ke Putatan sudah siap dan dari Putatan ke Lok Kawi sedang dibuat. Jalan ini jalan berkembar tetapi pada masa ini terdapat bottle neck, dengan izin, di antara Lok Kawi sehingga ke Papar yang jauhnya lebih kurang 30 kilometer kerana jalan ini adalah jalan satu lorong dan inilah tempat yang paling sibuk pada setiap hari. Kalau kita lihat yang melambatkan perjalanan dan menghalang kelancaran jalan di kawasan inilah iaitu di antara Lok Kawi sehingga ke Papar.

Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian apakah ada rancangan ingin membuat jalan berkembar di antara Lok Kawi sehingga ke Papar dan juga sehingga ke Beaufort kerana pada masa ini jalan ini menjadi jalan utama yang paling sibuk yang menghubungkan negeri Sabah, Sarawak dan Brunei. Setiap hari kereta dari Sarawak dan Brunei tidak kurang daripada 1,000, Tuan Pengerusi, yang melalui jalan ini. Jadi, apakah pendirian kerajaan terhadap jalan-jalan ini.

Begitu juga dengan jalan-jalan penghubung di antara daerah. Dahulu Yang Berhormat Menteri ada menyatakan iaitu pembinaan jalandi antara daerah Keningau iaitu jalan Keningau Sepulut dan Kalabakan. Jadi, apakah kedudukan rancangan jalan ini, apakah kerajaan ingin melaksanakan jalan ini.

Yang berikutnya, ialah jalan di antara daerah iaitu daerah yang sepatutnya dilaksanakan misalnya jalan di antara Tenom-Kemabung, iaitu penghubung kawasan Tenom dengan daerah Sipitang. Jalan ini, sekarang ini adalah jalan kayu balak tetapi kalau dibuat jalan utama di antara Sipitang dan Kemabung, ini boleh memajukan,

tidak kurang daripada 20 kampung-kampung yang ada di situ, tidak kurang daripada estet yang besar yang meliputi ladang getah melebihi 10 ribu ekar, kem-kem balak dan juga kebun buah-buahan yang mana berada di kawasan itu.

Jalan ini juga kalau dibina boleh memudahkan perhubungan kerana di situ terdapat 6 buah sekolah rendah yang merentasi jalan tersebut dan ini melibatkan penduduk sebanyak lebih kurang 8 ribu penduduk di luar bandar terdiri dari suku kaum Murut, Lendayuh dan juga kalau dikira pengundi lebih kurang 3 ribu pengundi di kawasan itu. Jadi, saya rasa amat penting jalan ini dibuat untuk menghubungkan daerah Tenom dan daerah Sipitang.

Perkara berikutnya ialah jambatan-jambatan penting. Di Sabah masih banyak jambatan-jambatan yang perlu dibina. Saya ingin minta penjelasan, walaupun jalan ini adalah jalan negeri tetapi apakah pendirian Kerajaan Persekutuan iaitu jambatan yang menghubungkan di antara pekan Kuala Penyu dengan kampung Palu-palu yang sekarang ini masih menggunakan feri. Daerah Kuala Penyu ini adalah lintasan di antara Kota Kinabalu hingga ke Labuan, tetapi ini adalah jalan singkat. Dan daerah Kuala Penyu ini adalah satu daerah yang begitu berpotensi untuk kemajuan pelancongan. Jikalau dibuat jambatan di sungai Kuala Penyu ini tentu sekali orang ramai akan dapat berkunjung ke Kuala Penyu dan akan memesatkan pembangunan Kuala Penyu yang masa ini adalah amat lesu dan perlu bantuan.

Begitu juga dengan jambatan di Sungai Sipitang – ini di kawasan saya – pada masa ini, inilah satu-satunya jambatan iaitu jambatan ~~bailey~~, *Bailey Bridge*, dengan izin, satu lorong yang terpaksa setiap hari membuat berbaris kereta kadang-kadang sehingga 30-40 buah berbaris melalui jambatan Bailey ini. Saya mohon Kementerian Kerja Raya dapat membina jambatan ini. Tidak begitu panjang lebih kurang 100 meter sahaja dan inilah satu-satunya kawasan laluan untuk menghubungkan di antara Kota Kinabalu dan juga Kuching. Jikalau jambatan ini terputus maka lumpuhlah kawasan itu. Jadi saya mencadangkan supaya kementerian dapat membuat jambatan yang lebih baik dan tetap, yang kosnya tidak begitu mahal, mungkin sekitar RM4 hingga RM5 juta sahaja untuk projek itu.

Yang akhir mengenai jalan ini, saya minta penjelasan, apakah pendirian kerajaan, satu masa dahulu ura-ura ingin dibuat jambatan di antara Wilayah Persekutuan Labuan dengan Pulau Dahad dan juga dengan Tanah Besar iaitu di Mempakul-Manumbuk. Jaraknya lebih pendek daripada jambatan Pulau Pinang

sekitar 8 kilometer tetapi jambatan ini saya lihat begitu perlu kerana untuk pada masa ini Labuan ini agak lesu juga. Jikalau jambatan ini dibuat, boleh menyenangkan orang-orang dari Tanah Besar Sabah dan Sarawak untuk berkunjung ke pelabuhan bebas Labuan. Jadi apakah rancangan kerajaan untuk membina jambatan ini, untuk memastikan Labuan itu akan tumbuh dengan cepat dan menjadi tumpuan.

Perkara yang akhir iaitu mengenai dengan bekalan air, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kedudukan bantuan geran pinjaman kepada negeri Sabah untuk menaik taraf mengganti saluran-saluran bekalan paip air yang telah rosak dan lama yang berjumlah – dulu diumumkan RM181 juta. Kerja-kerja pembaikan penggantian paip-paip ini telah pun siap dan kontraktor-kontraktor telah pun melaksanakan dengan baik tetapi saya difahamkan kontraktor ini belum dibayar dengan peruntukan ini kerana Kerajaan Persekutuan tidak menyalurkan wang ini kepada kerajaan Negeri. Saya ingin tahu berapakah wang yang telah diluluskan ini telah pun diberikan kepada kerajaan Negeri, saya difahamkan cuma baru dibayar RM35 juta. Inilah yang menimbulkan masalah, kerja sudah siap, belum dibayar dan apakah sebab-sebab kelambatan proses pembayaran ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menyalurkan, jadi saya bagi pihak kawasan saya memang masalah air ini adalah satu masalah yang begitu serius yang perlu ditangani dan inilah juga menjadi buah mulut orang-orang di kawasan mana-mana daerah yang mana air ini menjadi masalah. Jadi, dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan

**6.22 petang.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mula-mulanya saya ucap terima kasih kepada Menteri Kerja Raya kerana walaupun sudah lepas waktu pejabat masih beliau ambil usaha untuk datang ke Parlimen supaya mencatat apa-apa hujah-hujah dari wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini. B.33, Butiran 020000 – Jalan dan Jambatan. Tuan Pengerusi, di bawah butiran 020400 – Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan.

Tuan Pengerusi, pada setiap tahun kerajaan membelanjakan ratus-ratus juta untuk memperbaiki jalan raya dan saya ucap terima kasihlah kepada pihak yang berkenaan kerana sudi menurap semula beberapa jalan persekutuan di kawasan saya tetapi malangnya selepas ia diturap tidak lama 2 bulan, 3 bulan, dikorek oleh pihak Telekom, TNB ke, saluran najis dan paip air telah dikorek. Tuan Pengerusi, ini

memang sayangnya kerana jalan yang begitu licin, cantik itu dikorek dan tidak ditampung dengan sempurna. Apabila kami bertanya kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya kata mereka ini mendapat kelulusan dari pihak yang berkenaan dan ada wang pertaruhan atau deposit dan sekiranya mereka tidak memperbaiki dengan sempurna maka wang pertaruhan itu akan dirampas dan dipakai untuk membaikpulih jalan itu. Tetapi malangnya selepas 1, 2 tahun masih serupa, tidak dibaiki dengan baik.

Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan khasnya Jabatan Kerja Raya jangan dengan sewenang-wenangnya memberi kebenaran untuk mereka mengorek jalan ini dan sebaliknya mereka perlu memakai teknik yang baru seperti boring atau mereka boleh memakai mesin yang terkini untuk memasang dart atau saluran-saluran Telekom, TNB dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, skim mengatasi kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang ada diperuntukkan lebih kurang RM40 juta dan saya ingin ambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Menteri bahawa Menteri ada mengumumkan jambatan dan terowong iaitu jambatan kedua akan dibina di antara Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dan juga satu *Butterworth Outer Ring Road (BORR)* juga dibina di Seberang Prai. Dan ucapkan terima kasih juga kerana kedua-dua projek ini mendarat di kawasan saya iaitu Bagan.

Saya ingin mendapat tahu setakat ini di peringkat apa iaitu berkenaan dengan jambatan kedua di peringkat apa dan bila ia akan dijalankan dan BORR (Butterworth Outer Ring Road) walaupun telah diheboh-hebohkan dua tiga tahun dahulu sehingga sekarang belum ada kerja-kerja dijalankan dan apa peringkat pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, 10300 iaitu Rancangan-rancangan Bekalan Air bagi pinjaman kepada Kerajaan Pulau Pinang ialah RM62 juta. Saya difahamkan bahawa empangan air di Teluk Bahang telah siap dibina oleh sebuah syarikat Cina dan pada tahun-tahun yang lepas Kerajaan Persekutuan juga ada memberi pinjaman kepada Kerajaan Pulau Pinang dan RM62.8 juta ini untuk tujuan apa?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini dan hari ini juga saya baca dalam surat khabar bahawa menteri ada mengumumkan satu peruntukan RM47 juta untuk memperluaskan jalan dari Mentakab pergi ke satu tempat di Pahang, apa nama dia *[Disampuk]* Ha, Temerloh. Ini biasa, sudah jadi biasalah, bila-bila dalam musim pilihan raya kecil baik, pilihan raya besar baik, kerajaan akan mengumumkan projek-

projek dan saya ingin bertanya di sini sama ada peruntukan RM47 juta ini diberi dengan mengorbankan projek yang lain ataupun tidak.

Kalau kerajaan ada duit yang lebih dengan tidak korbakan projek-projek yang sudah ditetapkan, itu tidak apa. Kalau hendak mengorbankan projek yang lain untuk tujuan pilihan raya kecil ini, maka ini adalah kerugian kepada projek yang asal yang akan dikatakan itu dan memang kerajaan akan meneruskan projek ini sekiranya kalau kalah pada Sabtu ini, macam mana? Mahu jalankan atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, Menteri mahu jawab terus. Silakan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan sedikit kepada Yang Berhormat, kita tidak tahu adakah Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sanggang itu akan kembali kerahmatullah atau tidak. Apabila saya telah umum dalam Dewan ini lebih kurang satu bulan dahulu, apabila Ahli Yang Berhormat bagi Mentakab minta saya macam manakah keadaan jalan ini. Masa itu Ahli Yang Berhormat pun ada hidup juga. *[Ketawa]* Belum meninggal lagi. Jikalau pembinaan jalan ini ada kaitan dengan kematian Ahli Yang Berhormat, saya percaya ini tidak benarlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tak apalah. Apa jua pun alasan-alasannya, saya berharaplah Yang Berhormat Menteri teruskan kerja ini. Besok juga, kalau boleh *overtime* juga, teruskan jalan ini dan tidak kira dia kalah atau dia menang. Teruskan untuk kepentingan rakyat di kawasan sana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terus yang lain Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, itu saya ingat pun pergi ke kawasan Yang Berhormat Speaker tu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Maran.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, kena pergi ke Maran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Melalui Temerloh.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, melalui jalan itu. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada menyentuh berkenaan dengan KBE iaitu Kulim-Butterworth Expressway Underpass ditenggelami air. Saya hendak membangkitkan bahawa di kedua-dua belah *underpass* ini tiada lampu jalan. Di sebelah kiri, di sebelah kanan di peringkat Seberang Jayalah *underpass* ini, saya menyebutkan

perkara ini, Merteri dia sendiri sudah tahu di mana-mana. Semua jalan, selok-belok dia tahu, termasuk Sabah dan Sarawak.

Itu pasal saya nampak dia masuk, saya pun gembira juga. Ha, bagus dia kerja. *Underpass* ini bila dari Kulim hendak masuk *underpass* ini tidak ada lampu jalan. Bila dari Butterworth hendak masuk *underpass* ini, pergi ke Kulim pun tidak ada jalan. Dan tempat itu dia *underpass*, that means dia bawah pergi. Bila kereta jalan sini sampai sana tidak ada jalan, nanti dia lompat naik atas jambatan pula. Jadi, saya berharap pegawai-pegawai ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada lampukah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak ada lampu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, tidak ada lampu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ha, tidak ada lampu

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jalan ada?

**Tuan Lim Hock Seng:** Jalan ada, memang ada. Tadi dia kata ditenggelami air 9 kaki, kalau tidak ada lampu nanti kereta terus masuk air, dia macam sampan juga. Jadi, saya berharap pegawai JKR boleh memperingatkan KBE untuk memasang lampu di kedua-dua belah *underpass* ini.

Tuan Pengerusi, juga 1090300 Bayaran Pampasan Tol. Saya nampak ini satu jumlah yang besar RM267.856 juta diberi untuk pampasan tetapi tempoh hari Yang Berhormat Menteri ada memberi saya satu jawapan bahawa pampasan diberi kepada konsesi-konsesi lebuhraya kerana tidak menaikkan kadar tol pada tahun 1999 RM63.52 juta. Tahun ini iaitu tahun 2000 RM82.10 juta. Dua-dua tahun ini, 1999 dan 2000 ini, RM145.62 juta tetapi di dalam butiran ini diberi sehingga RM267.856 juta.

Sekiranya dikira dari tahun 1990, saya pun ada satu butiran di sini – dikira dari tahun 1990 iaitu sehingga sekarang dalam 10 tahun baru RM282 juta dibayar kepada konsesi tetapi RM282 juta ini sudah dibayar. Takkan kita lagi mahu kira balik kepada tahun 1990, 1996, 1997 dan 1998, jadi saya berharaplah, bukan saya pandai sangat untuk mempertikaikan angka ini tetapi oleh kerana ini pada fikiran saya bukan satu *figure* yang tepat, maka saya hendak bertanya sahaja. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Labuan, Labuan.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Labuan, ingat Tebrau tadi.

**6.33 ptg.**

**Datuk Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini kali kesepuluh saya berdiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, terus bercakap.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.33 Butiran 020000 Jalan dan Jambatan, Butiran 030000 Bekalan Air dibaca bersekali dengan Butiran 070300 JKR Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh kerana Tuan Pengerusi selalu memberikan saya masa yang singkat, jadi saya cuma berucap pasal Labuan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin menimbulkan soal masalah jalan raya yang ada di Labuan di mana Kementerian Kerja Raya sering menimbulkan masalah kepada masyarakat kampung bila mana mereka membuat jalan dan membaik pulih paip air terutama *main pipe*. Baru-baru ini saya didatangi 23 ketua kampung yang mana menghalang Jabatan Kerja Raya daripada meneruskan kerja-kerja pembinaan paip air kerana pampasan tanah belum dibayar.

Saya ingin meminta kepada Kementerian Kerja Raya supaya di masa-masa akan datang, apa juga bentuk projek yang di bawah kementerian tersebut, masalah tanah yang melibatkan orang kampung harus diselesaikan terlebih dahulu kerana perkara ini menyulitkan wakil rakyat terutama sekali bila dekat-dekat masa berkempen. Jadi, perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana ianya berlarutan. Mengikut rekod yang saya ada, ada satu kampung Sungai Lada, Sungai Miri, mereka telah membuat protes tentang pampasan tanah yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya sejak tahun 1980 lagi. Hari ini sudah tahun 2000, bermakna sudah hampir 20 tahun pampasan tersebut tidak diberikan perhatian.

Selain daripada itu saya juga ingin bertanya kepada kementerian, peruntukan JKR untuk tahun 2000 nampaknya berkurangan. Anggaran tahun 1999 diperuntukkan sebanyak RM28,854 juta manakala anggaran 2000 peruntukan cuma RM26,055 juta. Seperti yang Datuk Pengerusi sedia maklum, Labuan dikenali sebagai IOFC di mana semua kemudahan haruslah mencapai taraf international, dengan izin ataupun antarabangsa. Tapi apa yang menyedihkan jika dilihat jalan raya yang menjadi

penghubung utama pusat bandar dan kampung-kampung hampir 50% masih lagi dalam berkeadaan seperti tahun 1980-an. Jadi saya meminta kepada kementerian supaya pada tahun 2001 janganlah dikurangkan peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya di Labuan malah kalau boleh dipertingkatkan demi untuk menjaga imej Labuan sebagai International Offshore Financial Center, dengan izin.

Datuk Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit apa yang disentuh oleh Ahli Parlimen Sipitang tadi berhubung dengan pembinaan jambatan. Kita telah membuat kajian bahawa jarak menghubungkan di antara Labuan dengan Semenanjung Klias ataupun Menumbok, hanya mengambil sekitar 7.7 kilometer. Pada pendapat saya, Datuk Pengerusi, jika Kementerian Kerja Raya dapat mempertimbangkan agar pembinaan projek jambatan menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Negeri Sabah melalui Semenanjung Klias akan memberikan banyak kebaikan bukan sahaja kepada warga Pulau Labuan malah penduduk negeri Sabah, penduduk negeri Sarawak dan negara jiran, negara Brunei Darussalam khususnya dan ini baik untuk kerajaan Barisan Nasional kerana seperti yang Datuk Pengerusi sedia maklum, jika pembinaan jambatan ini dapat direalisasikan, saya yakin dan percaya pada tahun 2004, 20 kerusi Parlimen yang ada di Sabah pasti akan menjadi milik Barisan Nasional. Dan kedua, jalan yang menghubungkan Menumbok dengan Beaufort ini juga telah menjadi isu sepanjang empat penggal pilihan raya, kalau tidak silap saya, dan ianya tidak pernah disiapkan dan kalau perlu saya minta kepada Kementerian Kerja Raya supaya memberikan perhatian khusus ke atas kelambatan dan kelewatan pembinaan jalan yang menghubungkan Menumbok dengan Beaufort ini.

Datuk Pengerusi, seperti yang saya maklumkan tadi ini saya cuma ingin bercakap pasal Labuan. Ada satu lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah berhubung dengan bekalan air. Pada masa sekarang ini Labuan menerima sedikit bantuan air daripada Sipitang ataupun Klias. Water dam yang ada di Labuan tidak mencukupi untuk menampung kegunaan harian. Saya meminta dan mendesak Kementerian Kerja Raya untuk memberikan perhatian ke atas masalah ini di mana sekarang ini hingga ke hari ini setiap pukul 7.00 malam air yang digunakan oleh penduduk Labuan dikurangkan. Setengah-setengah kampung jam 7.00 sudah tidak ada air, jadi masalah ini juga harus diberikan perhatian kerana Labuan seperti yang saya maklumkan tadi sering kali diumumkan di kaca-kaca TV sebagai sebuah pulau

International Offshore Center dan sebagainya tetapi kemudahan asas masih jauh di belakang.

Jadi untuk itu, Datuk Pengerusi, saya ingat hari ini saya mendahului Datuk Pengerusi, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan meminta kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya melihat keperluan-keperluan yang boleh menaiktarafkan kedudukan Labuan terutamanya dengan nama IOFC kerana kemudahan-kemudahan asas itu adalah perlu untuk penduduk Labuan terutama jalan raya, bekalan air dan juga Yang Berhormat Datuk Menteri, Datuk Pengerusi, pembinaan jambatan tersebut kalau boleh diberikan perhatian dan diluluskan kalau boleh sebelum menjelang pilihan raya yang akan datang. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tebrau.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kubang Kerian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muham ad bin Abdullah]:** Bagan Datoh.

**6.40 ptg.**

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** Datuk Pengerusi, Datuk Pengerusi memang baik hatilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Memang dah lama baik hatinya.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Seperti Bagan. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kerja Raya dan Timbalannya yang keduanya hadir walaupun tempoh waktu pejabat telah lama berlalu dan seperti Bagan juga, Bagan Datoh ingin menyentuh Butiran 090300 mengenai Bayaran Pampasan Tol.

Walaupun Bagan tadi ada menyebutkan tentang satu jumlah yang cukup besar iaitu sebanyak RM267.8 juta akan diperuntukkan bagi membayar pampasan tol. Inilah masalahnya jika pihak pembangkang tidak diberikan penjelasan terhadap butiran terperinci perbelanjaan yang begitu banyak bagi menampung apabila tuntutan-tuntutan oleh pembangkang supaya bayaran tol tidak dinaikkan pada setiap tahun. Namun demikian saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pinjaman mudah atau softloan yang diberikan kepada pemegang-pemegang konsesi lebuhraya yang dibina ini tidak cukup untuk menampung perbelanjaan yang telah dikeluarkan atau adakah tidak boleh konsesi sesebuah lebuhraya yang dibina oleh syarikat konsesi itu diperpanjangkan supaya tidak ada kenaikan yang terlalu ketara

dan ini sudah tentu tidak membebankan pengguna-pengguna lebuh raya. Dan adakah tidak boleh perjanjian-perjanjian yang telah sedia dimeterai antara pemegang konsesi lebuh raya dengan pihak kerajaan melalui Lembaga Lebuh Raya dikaji semula agar tidak terjebak ikatan dalam perjanjian berkenaan yang menyangkut tentang kenaikan bergantung kepada kadar inflasi tahunan dan juga indeks harga pengguna atau consumer price index, mana-mana yang lebih tinggi.

Jadi ini secara tidak langsung walaupun sebagai bekas seorang banker, saya memahami keadaan inflasi dan Consumer Price Index (CPI) ini tetapi demi untuk perjuangan rakyat terbanyak kita harus memikirkan bahawa bebanan yang ditanggung oleh pemegang syarikat konsesi ini harus pada waktu yang sama dikurangkan, keuntungan boleh diperolehi, kerajaan tidak kerugian tetapi yang lebih penting lagi rakyat, kebajikan rakyat harus diberikan keutamaan dan diambil kira. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar semua perjanjian-perjanjian konsesi, pemegang-pemegang konsesi lebuh raya ini dapat dikaji semula supaya kerajaan tidak terus dituduh oleh pihak-pihak tertentu terutamanya pembangkang bahawa kerajaan pada waktu yang sama mencari keuntungan, memberikan keuntungan kepada syarikat pemegang konsesi dan ini membebankan rakyat. Oleh kerana itu, pendetailan atau perincian terhadap perkara-perkara seperti ini harus diberikan di Dewan yang mulia ini, supaya tidak lagi timbul kekeliruan-kekeliruan dan dijadikan isu-isu di dalam mana-mana pilihan raya terutama di Sanggang dan saya dapat tahu tadi ada seorang lagi wakil rakyat meninggal dunia di Pahang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 020400 yang menyentuh mengenai Perkhidmatan Penyeenggaraan Jalan. Saya walaupun kagum dengan pencapaian yang cukup baik oleh kementerian ini apabila mewujudkan jalan-jalan sambungan selepas rumah-rumah tol, di tempat-tempat yang menyambungkan lebuh raya ke bandar-bandar utama, namun tidak terlalu berat pada hemat saya jika jalan-jalan yang menyambungkan bandar-bandar dengan lebuh raya ini dinaikkan tarafnya.

Contoh yang ingin saya bawa ialah penyambungan jalan daripada pekan Bidor ke Teluk Intan dan ke Pekan Lumut dan daripada Teluk Intan ke Bagan Datoh. Ini sekadar beberapa contoh sahaja kerana Jalan Bidor ke Teluk Intan yang setiap minggu saya lalui sekurang-kurangnya dua kali. Keadaannya walaupun telah dinaikkan taraf tetapi masih ada ruang lingkup yang cukup luas untuk diperbaiki kerana jalan ini tidak sesuai kalau tidak dinaikkan taraf kerana Pelabuhan Lumut yang merupakan pintu

masuk dan juga tempat *naval base*, dengan izin, pengkalan tentera laut merupakan dua pintu masuk iaitu untuk tentera laut dan juga untuk barangan dagangan ke kawasan pantai barat di sebelah Perak dan Selangor. Tetapi kedaifan jalan berkenaan tentulah pada pendapat kita dapat dilebar luaskan, dinaikkan taraf terutamanya kawasan Changkat Jong walaupun bukan kawasan saya, kawasan sahabat saya daripada Teluk Intan, namun apabila hujan lebat jalan ini ditenggelami air dan menyukarkan lalu lintas untuk melalui jalan itu. Walaupun saya faham bahawa pihak Yang Berhormat Menteri akan menyebut dalam jawapannya nanti peruntukan telah disediakan tetapi soalnya pelaksanaan yang agak lambat akan menyukarkan dan akan menimbulkan beberapa perkara terutamanya rungutan oleh penduduk-penduduk persekitaran dan juga kawasan-kawasan yang terlibat seperti Lumut, Teluk Intan, Bagan Datoh dan Sabak Bernam.

Begitu juga, saya ingin menyebutkan jalan-jalan laluan alternatif masih banyak ruangan yang harus diperbaiki sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Serdang tadi dan beberapa sahabat yang lain, jalan-jalan alternatif ini adalah merupakan janji kerajaan kepada rakyat dan tentulah rakyat sentiasa mengharapkan bahawa jalan alternatif ini akan dijadikan sebagai pilihan bagi mereka yang tidak akan menggunakan lebuh raya. Dan walaupun saya tahu bahawa peruntukan yang disebutkan cukup besar iaitu sebanyak RM206.7 juta, namun dari segi pelaksanaan, satu pemantauan daripada menteri yang canggih ini serta dibantu oleh Timbalan Menterinya, pada hemat saya akan dapat mengurangkan tuduhan-tuduhan yang tidak kunjung padam oleh pihak-pihak tertentu terutamanya pembangkang kerana memanglah sesuatu yang melibatkan orang ramai biasanya akan menimbulkan kritikan yang pedas dan tajam terutama di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, terima kasih atas baik hati itu dan terima kasih di atas kehadiran Menteri dan Timbalan Menterinya pada petang ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian.

**6.49 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, saya angkat tabik dan saya hari ini tidak hendak bergaduh dan saya cuma hendak tahu bahawa perkara saya merujuk kepada Butiran 03802, 03000 berkenaan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan.

Saya ingin tahu dalam muka surat 339, ada diuntukkan sejumlah RM2 bilion dan telah pun dibelanjakan lebih kurang RM1.4 bilion untuk lebuh raya ini dan kemudian penswastaaan Lebu Raya Utara-Selatan Hubungan Tengah telah pun dibelanjakan sejumlah RM600 juta. Berapakah keseluruhan yang kerajaan telah belanjakan terhadap Projek Lebu Raya Utara-Selatan ini, dalam bentuk pinjaman, jaminan pinjaman, geran ataupun pemberian ataupun peruntukan projek itu sendiri termasuk United Engineers Malaysia Berhad (UEM). Kemudian saya ingin tahu agaknya penswastaaan ini dijalankan secara BOT, saya agaklah, begitukah Yang Berhormat Menteri?

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Apakah kekurangan BOT ini, dia punya negatif point, apa dia? Adakah satu kajian telah dibuat supaya pelajaran dapat diambil, lain kali kita tidak payah guna BOT ini lagi, kita guna satu sistem yang lain? Dan saya hendak tahu adakah lebu raya ini dijalankan secara kerajaan sendiri *determine*, menentukan pelannya, laluannya dan tidak diserahkan semata-mata kepada pemegang konsesi? Dan saya ingin menyokong rakan saya daripada Bagan Datoh - akhir-akhir ini banyak persefahaman fikiran dengan pihak kami. Adakah kerajaan ingin kaji semula terma-terma perjanjian ini kerana mungkin pada waktu perjanjian konsesi ini dilakukan, kerajaan belum mempunyai pengalaman yang cukup tentang penswastaaan lebu raya yang begitu besar? Dan dengan kajian ini, kita berharap perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan begitu besar kita dapat mengurangkan kadar tol. Setengah orang kata, tol ini 'tekan orang lalu-lalang'. Jadi, kadang-kadang orang lalu itu rasa tertekan. Jadi, kita boleh kaji supaya pada masa akan datang kadar ini dapat dikurangkan dan saya juga inginkan satu penjelasan oleh kerana pada tiap-tiap tahun bilangan kenderaan meningkat. Ia tidak menjadi makin kurang, ia makin meningkat setiap tahun. Dengan itu kutipan tol ini juga akan meningkat yang membolehkan syarikat ini mendapat pulangan yang secukupnya tanpa mengenakan apa-apa tekanan kepada kerajaan.

Saya beralih kepada negeri Kelantan, saya ucap terima kasih Lebu Raya Pasir Mas-Salor, ada dalam buku ini, termasuk dalam kawasan saya. Saya hendak tahu adakah dalam buku ini diperuntukkan sebanyak RM45 juta, adakah harga kontraknya masih kekal dengan RM45 juta, turun ke, naikkah?

Kemudian yang terakhir, yang ketiga ialah Dabong. Dabong kalau Yang Berhormat pergi, kawasan yang agak pedalaman - kawasan Yang Berhormat Gua Musang. Bila hendak potong sungai kena letak kereta sebelah sini, kena naik perahu. Ini sudah lama Wakil Rakyat Barisan Nasional di kawasan tersebut dan kawasan-kawasan lain janji lepas pilihan raya jambatan ini siap. Tetapi sampai hari ini jambatan ini belum lagi diuntukkan apa-apa peruntukan dalam belanjawan kita dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan peruntukan untuk membina Jambatan Dabong yang saya rasa amat kritikal berbanding dengan Jambatan Pasir Mas-Salor yang telah diperuntukkan ini.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau.

**6.53 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja, dua atau tiga perkara. Saya teruskan berhubung dengan Butiran 03300 - Projek Pembangunan Bersepadu Tambak Johor.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara ini berhubung dengan bayaran tol di Tambak Johor yang dipungut oleh pihak Jabatan Kerja Raya melalui tol. Oleh sebab jauhnya perjalanan yang dikenakan tol itu hanya cuma lebih kurang 800 meter ke Tambak Johor dan dpungut hasilnya keseluruhan oleh kerajaan pusat dan membaiki jalan-jalan selepas keluar daripada kawasan Tambak Johor itu ditanggung oleh pihak Majlis Bandaraya melebarkan jalan tetapi digunakan beribu kenderaan daripada Singapura bayar tol sahaja ia masuk ke Johor dan Kerajaan Johor dan Majlis Bandaraya menanggung membaiki dan kerosakan jalan.

Jadi, saya hendak bangkitkan dalam perkara ini, kalau bolehlah atas jasa Kerajaan Negeri Johor, Barisan Nasionalnya menang dengan cemerlang dalam pilihan raya lalu, bolehkah tidak kerajaan pusat oleh Jabatan Kerja Raya memberikan sedikit imbuhan kepada kerajaan negeri? Tol RM2.10, 50 sen serahkan kepada kerajaan negeri untuk mengenangkan jasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah dan seterusnya Yang Berhormat Menteri pun dilantik sekali lagi menjadi Menteri Pusat. Mungkin jasa-jasa ini dapat diberi peluang pada kerajaan negeri kerana saya rasa jalan yang dipungut itu tidak berapa jauh. Jadi, selepas keluar sahaja daripada pemeriksaan kastam, digunakan jalan di kawasan Majlis Bandaraya. Jadi, inilah saya harap

kerajaan pusat dapat menimbangkan - itu hari minta tol di Senai dan dia kata ada guna. Jadi, yang ini saya ingat bolehlah dibuat kajian sedikit untuk kerajaan ini menampung jalan-jalan yang selepas keluar daripada Tambak Johor. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dan kerajaan pusat dapat mengambil perhatian dalam perkara ini.

Yang kedua, jalan ke Pelabuhan Johor, saya ingat sudah lama minta dan Yang Berhormat menteri pun sedia maklum jalan ini agak begitu sempit sekali tetapi hasil yang besar kepada Kerajaan Pusat datang daripada kawasan perindustrian dan juga ke Pelabuhan Johor. Di situlah keseluruhannya pelabuhannya dengan industri yang besar ada di kawasan tersebut dengan pembangunan yang pesat dalam perindustrian yang melibatkan pelabur-pelabur luar negara kita berada di kawasan Pelabuhan Johor.

Jadi yang menjadi masalah ini jalan, memang betul-betul sempit dan memang tidak begitu lancar, jadi ada cadangan dahulu hendak dilebarkan ke empat atau enam tetapi setakat ini masih belum lagi dibuat. Jadi saya ingat ini diambil perhatian yang serius oleh kerajaan supaya laluan di situ tidak tergendala dan tidak menjejaskan laluan atau laluan lori yang besar mengangkut barang-barang daripada dan juga hendak dihantar ke pelabuhan dan juga mengangkat daripada pelabuhan hendak dibawa ke negeri lain dan dengan ada cara sebegini saya ingat bantuan yang dapat hasil daripada pelabuhan itu dapat diagih kepada negeri. Jadi saya ingat ini mintalah kepada kerajaan supaya segerakanlah pembinaan enam lorong yang menuju ke Pelabuhan Johor. Kalau berlaku satu-satu kemalangan hampir satu jam setengah Yang Berhormat, baru dapat diselesaikan.

Yang akhirnya, bekalan air ini, ini pasal bil banyak bekalan air telah diswastakan di tempat-tempat boleh tidak ini pasal bayaran-bayaran bil, kenaikan bil air ini, sekarang ini terpulang kepada kerajaan negerilah. Jadi bolehkah tidak Kerajaan Pusat ini menyelaraskan bayaran bil ini supaya tidaklah berbeza di antara kerajaan negeri dan kerajaan lain dalam masalah kenaikan bil air ini. Kalau kerajaan dapat selaraskan, ini untuk memberi faedah kepada pengguna supaya kerajaan negeri tidak membebankan kepada pengguna. Jadi saya ingat kalau boleh diselaraskan kenaikan bil-bil air ini di seluruh negara,, tidaklah negeri yang menentukannya.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang hendak saya bangkitkan, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjong.

**6.58 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sukacita saya mengambil sedikit masa untuk menyentuh tentang P.33, Butiran 02000 - Skim Mengatasi Kesyakan Lalu Lintas di Pulau Pinang, di mana lebih kurang RM40 juta diperuntukkan di dalam Belanjawan 2000.

Peruntukan wang ini oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan bahawa perlunya kerajaan di pusat mahupun di peringkat negeri ataupun di peringkat Majlis Perbandaran untuk mengatasi masalah kesyakan lalu lintas di Pulau Mutiara dan juga di Seberang Prai yang semakin menjadi masalah kerana beberapa faktor yang akan saya sentuh.

Di negeri Pulau Pinang masih tidak ada satu 'overall conception plan' mengenai lalu lintas negeri Pulau Pinang yang dapat menyelaraskan segala usaha oleh pihak Kerajaan Pusat, Negeri dan Majlis Perbandaran untuk mengatasi masalah ini di mana pada waktu ini Kerajaan Pusat, Negeri dan Majlis Perbandaran masing-masing melaksanakan ataupun bercadang untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di negeri Pulau Pinang yang nampaknya tidak ada koordinasi kerana tidak ada pelan conception yang keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, di negeri Pulau Pinang sejak tahun 80-an sudah empat kajian mengenai masalah lalu lintas sudah dilakukan oleh JICA iaitu Japan International Corporation Agency, oleh satu konsultan British, oleh Universiti Sains Malaysia dan juga oleh Majlis Perbandaran sendiri tentang masalah lalu lintas di negeri Pulau Pinang khususnya di pulau. Walaupun empat kajian telah dibuat tetapi tidak ada komitmen untuk melaksanakan cadangan-cadangan ataupun mengambil langkah untuk 'act upon' kajian yang dilakukan oleh empat badan ini.

Apa yang dibuat sekarang adalah secara 'ad-hoc basis' sama ada oleh Majlis Perbandaran, misalnya baru-baru ini membina sebuah jambatan yang diberi nama Autopon di Jalan Masjid Negeri dan juga secara 'ad-hoc' mengubah 'flow of traffic' di sekitar pulau. Juga terdapat Tuan Pengerusi, satu kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek yang besar yang perlu untuk mengatasi masalah lalu lintas di negeri Pulau Pinang. Sebenarnya projek-projek ini seperti Penang Outer Ring Road, Butterworth Outer Ring Road dan Jelutong Expressway ini sudah lama diumumkan baik daripada apabila Tun Dr. Lim Chong Eue menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun awal 70-an, projek-projek ini pun sudah diumumkan untuk menyelesaikan

masalah lalu lintas di negeri Pulau Pinang, tetapi nampaknya selepas 20 lebih tahun projek-projek seumpama ini diumumkan masih tidak nampak tindakan-tindakan diambil walaupun sedang diambil projek Jelutong Expressway seperti mana diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam memang ada banyak masalah mengenai projek Jelutong Expressway yang menjadi satu projek yang begitu penting bagi menghurai trafik dari Jambatan Pulau Pinang masuk ke Bandaraya Georgetown.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu perkembangan dengan projek Penang Outer Ring Road yang akan menelan perbelanjaan sebanyak RM1.02 bilion yang juga akan melibatkan pembangunan semula Gurney Drive yang begitu mashyur sebagai satu pusat pelancong di negeri dan di antarabangsa. Saya ingin tahu, bilakah projek ini akan bermula sebab syarikat yang kononnya diberi, ditawarkan projek ini telah mengumumkan bahawa sebaik sahaja mereka menandatangani konsesi dengan Kerajaan Pusat maka bermulalah projek untuk membina Penang Outer Ring Road dan juga pembangunan semula Gurney Drive yang akan menukar wajah dan juga akan membawa kesan-kesan ekologi sosial-ekonomi kepada sekitar Persiaran Gurney dan menurut laporan media, setakat ini masih belum ada EIA yang didapati oleh syarikat ini. Jadi saya ingin tahu, saya ingin Menteri Kerja Raya ini memberilah maklumat terkini berhubung dengan projek Penang Outer Ring Road dan juga pembangunan semula Gurney Drive.

Baru-baru ini Menteri Kerja Raya, memang kerja dengan rajin mengumumkan cadangan untuk membina 'second link' yang akan menghubungkan Bagan Ajam di Butterworth dengan Bagan Jermal di Tanjong Tokong. Saya rasa projek ini haruslah mendapat 'public opinion' mengenai kesesuaian projek ini, tetapi Menteri Kerja Raya, walaupun kita dengar puji-pujian terhadap beliau, kerja dengan rajinnya tetapi beliau juga bersikap dengan begitu sombong sekali bahawa tidak perlulah rakyat Pulau Pinang memberi 'public opinion' ataupun 'feedback', maklum balas kepada projek.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri bangun.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Nanti boleh jawablah.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya ingat Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong tidak erti apa sombong ertinya. [Ketawa] Sombong kira lain, penjelasan kira lain. Bagi butir-butir berkenaan dengan apa ditanya oleh pemberita, kita jawab. Pemberita minta adakah kita dapat penjelasan daripada penduduk berhampiran dengan projek ini. Jadi, saya jawab kepada mereka kita telah memutuskan iaitu projek-projek

penywastaan telah dijalankan oleh syarikat-syarikat konsesi iaitu kita mesti mendapat penjelasan daripada penduduk berhampiran kawasan oleh kerana mereka akan bayar untuk projek ini. Tetapi projek-projek akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat kita tidak ada keputusan untuk meminta penjelasan. Kalau itu dia erti sombong, saya percaya Yang Berhormat lebih sombong daripada sayalah.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Nampaknya cara beliau menjawab pun begitu sombong juga. Walau apa pun sama ada projek dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri ataupun Majlis Perbandaran ataupun melalui penswastaan, saya rasa maklum balas dari penduduk-penduduk yang akan menerima kesan terhadap projek yang akan dilaksanakan menjadi satu sifat sebuah kerajaan dan governance yang baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya minta Ahli Yang Berhormat, kalau saya minta penjelasan daripada pihak-pihak untuk membina tiap-tiap jalan di negara ini, saya percaya 100 tahun lagi kita tidak ada jalan. Permintaan daripada Yang Berhormat tadi mahu ini jalan, mahu itu jalan, ini buat, itu buat, permintaan adakah kita dapat pandangan daripada semua rakyat Pulau Pinang kita semua bersetuju atau tidak. Separuh kata kita tidak setuju. Jadi, apa jadinya, macam manakah Yang Berhormat akan jawab kepada pengundi-pengundi Yang Berhormat. Apalah ertinya sombong kalau saya kata you orang tidak baik, ini saya tidak boleh buat, itu sombongkah? Saya jelas, itu pun tidak ertikah apa sombong. Jawapan saya sombong. Tidak ada orang berani kata di Dewan ini saya sombong dalam tempoh 21 tahun ini, you seorang sahaja paling sombong, paling sombong. You punya muka pun sombong, you pun sombong. *[Ketawa]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Menteri lebih sombong. Kalau kata 20 tahun pengalaman.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** You sombong!

**Tuan Chow Kon Yeow:** Pengalaman 20 tahun di Dewan Rakyat ini bersikap dengan lebih baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya bukan sombong, you sombong, hari-hari you sombong besar.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Bersikap dengan lebih baik, tatasusila sebagai seorang menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Buka mulut sahaja, sombong!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, sila gulung.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Kalaulah itu cara Menteri.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, sila gulung ya, masa sudah cukup.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Kalau itu cara Menteri, boss over MIC, itu cara beliau, itu hal beliau.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya minta dia minta maaf. Saya bukan duduk di sini sebagai Presiden MIC, saya sebagai Menteri. *[Tepuk]* Minta maaf!

**Tuan Chow Kon Yeow:** Biar saya melanjutkan hujah saya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Minta maaf!

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tak perlu, tak perlu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dia mesti minta maaf!

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tidak perlu - duduk!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya bukan jawab, tengok.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya tidak bagi penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Panggil dia minta maaf. Itu sangkaan jahat!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan buat....

**Tuan Chow Kon Yeow:** Duduk!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Itu sangkaan jahat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Dia jahat!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tanjong....

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya, saya akan gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini Menteri Kerja Raya, dia hadir di sini sebagai Menteri.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Dia juga sebagai Pengerusi MIC. Itu satu fakta yang tidak boleh dinafikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Chow Kon Yeow:** Kalau selaku Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang sering kata pro rakyat, saya rasa satu exercise walaupun tidak seratus peratus orang akan bantah ataupun sokong, satu exercise perlu diberikan, kesempatan diberikan kepada persatuan-persatuan nelayan, penduduk-penduduk sekitaran projek

ini untuk memberi pandangan, itu sahaja. Mereka juga ingin tahu bagaimana projek ini akan dihubungkan kelak dengan projek Northern Region International Airport dan lain-lain dan juga dari segi sumber kewangan, bebanan tol yang akan dipikul oleh rakyat. Ini semua hak rakyat untuk mendapat maklumat dan juga untuk memberi maklum balas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, masa sudah cukup.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Jadi, saya rasa kerajaan dan khususnya Menteri haruslah menganggap ini sebagai satu amalan demokrasi untuk membenarkan rakyat menyoalkan pandangan mereka terhadap projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**7.11 mlm.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Tebrau tadi agar pihak Kerajaan Pusat dapat membahagikan kutipan tol di Tambak Johor kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan di bandar besar Johor Bahru. Sebenarnya cadangan ini pernah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru yang sedang memegang jawatan Timbalan Menteri Kerja Raya semasa dalam persidangan Parlimen Penggal Kesembilan di Dewan yang mulia ini.

Saya yakin dan percaya, dengan kenaikan pangkat Yang Berhormat bagi Johor Bahru di Kementerian Kerja Raya dan kerja rapat dengan Menteri Kerja Raya yang rajin – kedua-dua orang yang sangat rajin dalam kerja di Kementerian Kerja Raya akan dapat menunaikan hasrat penduduk di bandar Johor Bahru untuk dapat agihan kutipan tol di Tambak Johor kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru demi kepentingan penduduk.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah, termasuk tol Senai.

**Tuan Chang See Ten:** Termasuk tol Senai, [*Ketawa*] kerana tiada jalan alternatif, saya paling sokong atau memansuhkan kutipan tol di Senai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Ini paling baik, lagi baik hendak mansuhkan. Di Tambak Johor bagikan separuh kepada MPJB untuk kerja pembinaan jalan dan

infrastruktur. Kerana Tambak Johor pada tahun 1950-an sejak dibina, pada masa itu dibina oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Kerja Raya dan bila diswastakan pihak swasta dapat kutipan tol ini kurang adil kepada Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 020200 tentang Rekabentuk Jalan. Kita semua sedia maklum bahawa salah satu punca kemalangan adalah akibat permukaan jalan atau rekabentuk jalan yang kurang selamat. Memandangkan perkara ini sangat penting, saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat memperkenalkan lorong khas di bahagian jalan Persekutuan terutama di kawasan-kawasan hitam yang diperkirakan ada lebih kurang 200 kawasan hitam di jalan-jalan Persekutuan dalam negara kita ini. Kita patut bina lorong khas untuk motosikal di jalan raya Persekutuan, kawasan yang mencatat jumlah kemalangan maut paling tinggi. Penyediaan lorong khas itu akan dapat memastikan pengguna motosikal, mangsa terbesar kemalangan maut di negara kita ini terhindar dari ancaman kenderaan lain di jalan raya berkenaan.

Sebab-sebab yang lain tentang punca kemalangan adalah jalan-jalan yang kurang diselenggarakan, sentiasa berlubang, jalan ditenggelami air hujan, perparitan di sebelah kiri dan kanan, jalan kurang baik yang sentiasa menghadapi masalah banjir kilat seperti di kawasan saya di kawasan Jalan Gelang Patah dekat dengan tapak Kem Tentera Skudai, di Jalan Kangkar Pulai, di Jalan Pontian depan Taman Teratai, bila hujan lebat ditenggelami air, tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Ini saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat ambil perhatian dan ambil tindakan secepat mungkin untuk membaik pulih keadaan di kawasan yang saya sebutkan tadi dan di kawasan-kawasan dalam negara kita ini tempat-tempat bahagian jalan yang sentiasa menghadapi masalah banjir kilat ditenggelami air, harap pihak Kementerian Kerja Raya kenalpasti dan ambil tindakan untuk membaikinya.

Daripada tinjauan Majlis Keselamatan Jalan Negara, pada tahun 1995 kes-kes kemalangan akibat reka bentuk jalan yang kurang baik adalah 26,278 tetapi ia meningkat pada tahun 1996 kepada 32,491 kes dan tahun 1997 31,991 kes. Saya ingin tahu keadaan pada tahun 1998 dan 1999 sama ada meningkat atau kurang? Jika kurang kita puji Kementerian Kerja Raya, jika tinggi saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat ambil tindakan secepat mungkin untuk mengurangkan kes-kes kemalangan akibat permukaan jalan atau reka bentuk jalan yang kurang memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang perkara pembinaan bonggol atau *hump* di jalan raya dalam kampung-kampung, taman-taman perumahan dan ini adalah penting untuk mengurangkan kelajuan kenderaan dengan lebih efektif. Pembinaan bonggol yang mempunyai piawaian antarabangsa adalah lebih murah dalam pembinaannya dan lebih efektif untuk mengurangkan kelajuan kenderaan jika dibanding dengan pembinaan jalur kuning iaitu yellow strip, dengan izin.

Oleh yang demikian, pihak JKR dan pihak berkuasa tempatan patut menasihatkan pihak pemaju membina bonggol di jalan-jalan raya dalam taman perumahan untuk mengelakkan pembinaan bonggol yang tidak ikut piawaian antarabangsa dan bahaya kepada pengguna motorsikal yang dibina oleh penduduk-penduduk di taman-taman dan di kampung. Oleh kerana di kawasan yang sering berlaku kemalangan, mereka telah tidak puas hati sendiri tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan dan JKR telah membina bonggol, oleh kerana mereka tidak ada kepakaran dan tidak tahu piawaian antarabangsa telah membina bonggol-bonggol jalan atau *hump* jalan yang tidak sesuai. Ini telah mendatangkan bahaya kepada pengguna motorsikal di kampung-kampung dan taman-taman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin minta pihak Kementerian Kerja Raya agar dapat mempercepatkan projek *interchange* di persimpangan Jalan Pontian dan Jalan Skudai kerana kawasan itu sering menghadapi masalah kesesakan lalu lintas.

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kerja Raya kerana telah luluskan projek ini pada tahun lalu, cuma tunggu sumber wang dari Kementerian Kewangan. Saya harap dengan usaha Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan timbalannya projek ini akan dapat dipercepatkan dan dapat dibina serentak dengan pembinaan pelebaran Jalan Skudai dan pembinaan jejantas bertingkat *fly-over*, dengan izin, di persimpangan Jalan Gelang Patah dan Jalan Skudai ini.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Seputeh, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

**7.20 mlm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya satu-satunya wanita yang ingin menyertai perbahasan dalam kementerian ini tetapi tidak ada '*lady first*' dipakai. [Ketawa]

Okay, saya ingin merujuk kepada Butiran 03700 – Jalan Alternatif Bagi Lebuhraya Persekutuan II dan juga 10001 – Projek Penswastaaan Jalan (PBT). Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri terhadap Projek Lebuh Raya Baru Pantai di Kuala Lumpur yang telah mengambil suatu tanah yang terdapat banyak rumah setinggan yang didiami oleh ramai penduduk di sekitar Jalan Kuchai Lama dan Jalan Klang Lama.

Masalah sekarang ialah para penduduk ini tidak diberi pampasan yang sewajarnya manakala tuan tanah mereka diberi berjuta-juta ringgit sebagai pampasan. Ramai di antara mereka telah duduk di sana lebih daripada 20 tahun dan malah ada yang duduk selama 50 tahun. Kebanyakan mereka merupakan golongan yang berpendapatan rendah tetapi jumlah wang sagu hati ataupun pampasan yang diterima oleh mereka tidak sampai 10% daripada jumlah pampasan yang diterima oleh tuan tanah yang diberi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia kepada mereka. Wang yang diterima oleh mereka itu tidak cukup bagi mereka untuk membeli rumah kos rendah.

Saya berharap Kementerian Kerja Raya akan campur tangan dan membetulkan ketidakadilan terhadap penduduk yang lama mendiami di kawasan Jalan Klang Lama dan Jalan Kuchai Lama tersebut supaya satu keadaan *win-win* akan tercapai.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Bekalan Air, berkenaan dengan pembinaan Empangan Sungai Selangor. Terdapat beberapa soalan yang ditanya-tanyakan oleh orang yang prihatin terhadap projek ini dan juga prihatin terhadap alam sekitar yang saya berharap akan diambil berat oleh kerajaan. Projek ini iaitu projek pembinaan Empangan Sungai Selangor akan mengeksploitasi 19,000 hektar hutan simpanan asal dan memakan RM2 bilion dan dibina oleh Gramuda Konsortium.

Soalan pertama ialah mengapakah syarat-syarat yang terkandung dalam 45 EIA tidak dibenarkan untuk tontonan ataupun perolehan orang ramai. Jika projek ini adalah begitu selamat sebagaimana yang didakwa oleh kerajaan mengapakah syarat-syarat 45 EIA tersebut disembunyikan?

Soalan kedua, apakah pelan kecemasan sekiranya berlakunya kebocoran dalam empangan tersebut? Pelan itu mesti mengspesifikasikan kelajuan arus air yang

akan menenggelami kawasan hilir dan prosedur pemindahan penduduk dari kawasan banjir tersebut. Apakah pihak berkuasa mempunyai pelan semacam ini? Kalau tidak, siapa akan bertanggungjawab untuk nyawa yang diragut jika empangan ini benar-benar bocor?

Soalan ketiga, Gunung-ganang Corporation Sendirian Berhad mendakwa syarikatnya telah dilantik oleh kerajaan untuk membentuk sebuah pasukan pengurusan alam sekitar yang bebas. Persoalannya ialah siapakah pengurus ataupun latar belakang syarikat ini, apakah mereka ini mempunyai kelayakan ikhtisas dan kemahiran yang diperlukan untuk menilai sebuah projek empangan di Hutan Huja n Khatul-Istiwa? Apakah kajiannya benar-benar bebas ataupun syarikat ini adalah sama seperti Gramuda Berhad yang tidak mempunyai apa-apa kepakaran dalam pembinaan empangan?

Soalan keempat ialah apakah pakej pampasan untuk Orang Asli yang terlibat ini dijamin secara hitam putih ataupun sekadar kata-kata kosong yang tidak akan dilaksanakan seperti janji-janji yang dibuat kepada Orang Asli di Batang Ai dan Bakun. Apakah rancangan penempatan untuk Orang-orang Asli di kawasan tersebut? Adakah ini iltizam kerajaan untuk memelihara dan memba ngunkan warisan budaya Orang Asli kita?

Persoalan kelima ialah mengapa pembinaan empangan bermula sebelum kelulusan diberi kepada Kerajaan Tempatan? Apakah tindakan yang telah diambil ke atas kontraktor yang bermaharajalela sehingga sanggup mencabuli undang-undang kita?

Soalan keenam ialah apakah jaminan kerajaan bahawa projek penswastaan ini tidak akan gagal? Hingga kini tiga projek empangan penswastaan iaitu Bakun, projek pengairan di Sabah dan Kelantan telah pun gagal dan diserahkan kepada kerajaan dan rakyat sebagai pembayar cukai terpaksa menanggung kerugian mereka.

Jadi, memandangkan para kontraktor yang terlibat ini menghadapi kekurangan dana sekarang, apakah jaminan kerajaan terhadap projek ini bahawa kerajaan tidak akan mengulangi kesilapan yang lepas itu. Empangan Sungai Selangor mempunyai banyak persoalan yang susah ditangani. Kerajaan harus mempertimbangkan alternatif lain selain daripada pembinaan empangan ini untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan Lembah Klang. Alternatif pertama adalah, melancarkan kempen penjimatan air. Malaysia sebenarnya mempunyai sumber air yang cukup tetapi kita

sebagai rakyat selalu boros menggunakannya. Secara purata warga kota Kuala Lumpur menggunakan lima kali ganda air lebih daripada penduduk di London. Jadi, pendidikan mengenai penjimatan air haruslah dijalankan.

Alternatif kedua ialah pembersihan air sungai dengan menggunakan cara saintifik. Alternatif ketiga, ialah sistem paip air kita haruslah dibaiki dan mengadakan overhaul untuk mengurangkan pembaziran. Mengikut suatu sumber yang didedahkan oleh kerajaan sendiri, bahawa terdapat 30% sehingga 40% daripada air terawat ataupun treated water hilang kerana kebocoran paip, meter rosak, pencurian dan penggunaan lain yang tidak mendatangkan hasil. Jadi, adalah lebih baik sekiranya kerajaan mengambil berat tentang pengoverhaul sistem paip air kita.

Alternatif keempat ialah menggunakan air daripada sumber yang sedia ada seperti sungai dan empangan di Perak dan malah Empangan Kenyir di Terengganu. Alternatif tersebut adalah lebih murah dan cepat berbanding dengan membina suatu empangan dengan kos dan risiko yang begitu tinggi. Diharap pihak kementerian akan mengambil berat tentang cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**7.27 mlm.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan beberapa perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Kerja Raya.

Yang pertamanya, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan perkara berkenaan dengan keadaan jalan di negeri Sarawak iaitu dari Sri Aman ke Bintulu dan apakah masalah dihadapi oleh kerajaan dalam pembinaan ini dan telah juga membangkitkan isu ia itu jalan di negeri Sarawak itu nampak macam zaman Roman Empire.

Suka saya menjelaskan jalan-jalan telah dibina dalam Roman Empire lebih kuat daripada sekarang. *[Ketawa]* Baru-baru sahaja saya pergi ke Itali, saya nampak jalan yang telah dibina melalui Roman Empire itu lebih kuat daripada jalan kita. Jadi, jalan-jalan yang sedang dibina oleh kita mengikuti dengan taraf dan reka bentuk dunia, bukan reka bentuk kita sendiri. Satu standard telah ditetapkan oleh jurutera-

jurutera dan juga institusi-institusi jurutera dan juga badan-badan yang ada juga kaitan dengan reka bentuk jalan di dunia ini.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan iaitu simpang Jalan Miri ke Bintulu ke Kuala Baram mengalami masalah pengurusan dan kewangan oleh kontraktor, oleh kerana itu beliau tidak memula atau tidak diteruskan dengan kerja dan kementerian saya melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak sedang menjalankan beberapa perbincangan untuk mengatasi masalah kontraktor. Saya percaya selepas itu kita boleh juga meneruskan dengan projek ini.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan berkenaan dengan bayaran pampasan atas tanah akan diambil alih oleh kerajaan untuk membangunkannya.

Tuan Pengerusi, kementerian saya menetapkan aliran jalan, selepas itu pengambilan tanah itu akan dijalankan oleh Pengarah Tanah dan juga Pejabat Tanah. Ganti rugi ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan kita bayar ganti rugi itu kepada Pejabat Tanah dan kita menunggu, tetapi apabila sahaja Form 9 sudah keluar, kita ambil tanah untuk bekerja. Tetapi tuan punya tanah atau pemilik tanah itu akan mengadakan apa-apa bantahan berkenaan dengan tanah, barulah mereka tidak berpeluang untuk mendapat ganti rugi sampai perkara itu dapat diselesaikan.

Saya percaya, banyak di antara masalah sedang dihadapi oleh tuan punya tanah itu oleh kerana mereka membantah dan kes-kes berkenaan dengan penyelesaian itu belum dapat diselesaikan dan Jabatan Tanah tidak membayar ganti rugi kepada mereka. Jadi, itulah penjelasan saya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Satunya, berkenaan dengan under pass. Under passkah, jalan bawah aras tanahkah, atau terowongkah, itu dia di bawah tanah. Jadi, beliau minta mengapa jalan di bawah tanah itu selalunya banjir dan apakah tindakan kementerian akan mengambil untuk mengatasinya.

Kementerian telah mengambil tindakan segera untuk menukar pam. Pam itu iaitu submerge pump di bawah air, kadangkala kita dapati pam itu rosak oleh kerana banyak kotoran yang masuk bersama-sama dengan air. Jadi, perkara ini saya percaya akan diselesaikan tidak lama lagi. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, saya minta Jabatan Kerja Raya jikalau boleh kita menaikkan pam itu kepada kawasan yang lain, di mana pam itu lebih selamat, tidak rosak lagi.

Ada juga soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berkenaan dengan Butiran/Projek iaitu 02000, apakah projek yang terkandung dalam butiran ini. Butiran ini mempunyai dua projek iaitu projek Lebuhraya Butterworth Outer Ring Road, Jambatan Perai dan Penang Outer Ring Road. Baru-baru sahaja, saya telah melawat ke kawasan itu untuk mendapat tahu lebih penjelasan daripada kontraktor, kita melawat ke tapak untuk mendapat tahu apakah masalah dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, masalah dihadapi oleh kerajaan sekarang iaitu berkenaan dengan pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Perai. Mula-mulanya kita menetapkan satu paras untuk jambatan. Sudah tetap, pelan telah dibuat, rundingan telah diadakan dengan Jabatan Laut dan juga pihak-pihak yang lain, semua sudah selesai. Selepas itu reka bentuk telah diselesaikan, kontrak telah disiapkan, apabila kita mula kerja, kita dapat juga bantahan berkenaan dengan iaitu paras daripada air di bawah jambatan itu. Oleh kerana ada juga satu shipyard di punyai oleh Hong Leong, kapal-kapal mereka akan mengikuti di bawah jambatan itu.

Sudah sampailah masalah, Tuan Pengerusi. Ada juga pihak-pihak yang meminta kita akan membina The London Bridge di Perai, banyak orang suka London Bridge, banyak orang suka Tower Bridge. Tetapi kita tidak suka kedua-dua jambatan itu pun. Oleh kerana itu ....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak bertanya. Di Putrajaya ada tujuh jambatan, modelnya itu ada London Bridgekah?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Itu Jambatan Putrajaya, itu bukan London Bridge. *[Ketawa]* Reka bentuk itu untuk memberi lebih elok bila kita nampak jambatan itu, bukan sahaja jambatan dengan konkrit tetapi ia lebih elok.

Jadi, Tuan Pengerusi, kita sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jikalau boleh kita memindah sedikit daripada operasi Hong Leong keluar daripada sungai itu, kita boleh teruskan dengan jambatan. Bila selesai pembinaan jambatan, saya percaya kita akan menyelesaikan masalah pembinaan The Butterworth Outer Ring Road. Dengan Butterworth Outer Ring Road itu suka juga saya menjelas kepada Ahli Yang Berhormat iaitu projek Penang Island Ring Road bukan satu projek daripada Kerajaan Pusat, itu kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, diran dan lain-lain ada kaitan dengan kita. Jikalau mereka membina sahaja tanpa kebenaran daripada Kerajaan Pusat, masa akan datang apabila kita membina jambatan, saya percaya ini akan menghadapi masalah. Oleh kerana itu, mereka sedang berbincang dan juga

kontraktor dan pihak-pihak telah dapat kontrak pembinaan itu pun telah menghadapi masalah kewangan oleh kerana kegawatan ekonomi. Jadi, perkara itu sudah lewat sedikitlah.

Walau bagaimanapun, saya percaya sebelum kita membina sambungan yang kedua dengan Tanah Besar dan pulau itu kita mesti selesai dua-dua jalan lingkaran luar dan lingkaran dalam. Tanpa itu saya percaya jambatan tidak ada apa-apa guna lagi. Jadi, saya bincang dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri itu, dalam tempoh dua minggu ini kita ada perbincangan, semalam pun kita ada juga perbincangan dan saya minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang selesaikan masalah-masalah dengan kontraktor dan juga mengadakan dua pulau – pulau ‘man made island’ akan diadakan. Kita percaya pulau itu boleh digunakan sebagai dua pulau itu menjadi satu tempat di mana kita akan meletakkan jambatan kita.

Hubungan yang kedua di antara Pulau Pinang dan Tanah Besar iaitu 4 kilometer dengan terowong dan juga 3½ kilometer dengan jambatan. Di sana, kita sudah pun menjalankan beberapa kegiatan dan kita akan menjalankan kajian keseluruhan termasuk EIA. Juruperunding akan dilantik tidak beberapa lama lagi, mereka akan diminta untuk menjalankan semua projek itu. Jadi, aliran yang telah ditetapkan oleh jambatan dari Bagan Ajam ke Bagan Jermal bukan ada apa-apa kaitan dengan nelayan. Itu bukanlah kawasan di mana nelayan berusaha, itu kawasan lain. Jadi, kita ambil kira semua. Oleh kerana apabila kita membina jambatan ini, ini mesti mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan juga di Tanah Besar.

Jadi, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga telah meminta beberapa soalan lain....

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, sebelum ke soalan lain. Apakah peranan feri dalam semua projek ini kerana ada pendapat bahawa mungkin sekiranya kita menambah perkhidmatan feri, kita tidak perlu jambatan kedua itu. Kita menggunakan kerana feri merupakan juga satu attraction pelancongan. Bolehkah kita mengembangkan perkhidmatan menggunakan feri dari jeti di sini ke Tanjong Bunga

dan ke lain-lain tempat? Mungkin perbelanjaan ini adalah lebih murah daripada membina satu jambatan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah menimbang beberapa aliran. Pada akhirnya kita menetap aliran seperti apa yang saya kata tadi. Aliran yang dicadangi oleh Yang Berhormat itu lebih dekat dengan Jambatan Pulau Pinang. Saya juga percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bercadang untuk menutupkan feri yang sedia ada. Feri pun boleh juga menjadi satu sistem transportation untuk digunakan oleh rakyat jelata dari Butterworth ke Pulau Pinang.

Jadi, soalan yang diminta oleh Yang Berhormat iaitu program di skim penyuraian trafik Pulau Pinang, pembinaan Lebuh raya Jelutong sudah jawab dan pintu kereta api Jalan Arulmupullai, Bukit Mertajam. Saya tidak ada apa-apa butir berkenaan dengan pembinaan ini tetapi kita telah menjalankan beberapa projek dalam penyuraian trafik iaitu di Balik Pulau ke pekan Genting ke Balik Pulau sejauh 2.2 kilometer dan juga Teluk Kumbar iaitu 1 kilometer dan jambatan dan pembenteng iaitu Tanjong Bunga, Teluk Bahang siap dalam tahun 1997 dan projek akan diteruskan di bawah skim penyuraian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan iaitu jalan selekoh akan diperbaiki iaitu di Bayan Lepas ke pekan Genting 13.8 kilometer dan jalan dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar iaitu 4.2 kilometer akan dibaiki juga. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, juga kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, kita akan mengadakan beberapa persimpangan bertingkat akan dibina di Val D'or, di Nibong Tebal, Bukit Tengah dan la in-lain tempat akan dibina berharga lebih daripada RM45 juta untuk memperbaiki keadaan lalu lintas.

Berkenaan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang berkenaan dengan kawal selia perkhidmatan bekalan air selepas penswastaaan perkhidmatan bekalan air nanti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi polisi kerajaan bahawa badan kawal selia ditubuhkan apabila satu-satu pihak berkenaan dengan air, satu pihak berkuasa air diswastakan atau dikorporatkan. Ini adalah untuk memastikan mutu perkhidmatan bekalan air akan terus dikekalkan pada tahap yang baik dan memenuhi kehendak pengguna.

Yang Berhormat bagi Serdang juga telah membangkitkan satu lagi perkara iaitu bilakah Dasar Air Negara akan dikemukakan kepada Majlis Sumber Air Negara

untuk berbincang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Air Negara sedang dalam perbincangan pada peringkat pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri. Perkara ini ialah satu perkara yang serius. Hari ini mereka bersetuju, hari esok dia datang, dia kata, "Saya tidak bersetuju." Oleh kerana itu, kita kena bincang dengan mendalam dengan kerajaan-kerajaan negeri sebelum kita dapat polisi ini menjadi undang-undang atau juga satu peraturan untuk menjaga kepentingan bekalan air dan juga pe njualan air dan juga menjaga kepentingan pengguna -pengguna air.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat saya ingat boleh sambung ucapan Yang Berhormat pada hari esok.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Esok, baik.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam.*

Februari 2000

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)

“	Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
“	Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
Yang Berhormat	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
“	Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
“	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
“	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
“	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
“	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
“	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)

- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)**
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
  - “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
  - “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
  - “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
  - “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.
-

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

*Ketua Penolong Setiausaha*

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha*

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof



**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA****Jilid II****Bil. 25****Rabu****29 Mac 2000****K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

- Pelanggaran Prinsip Demokrasi dan Penganiayaan Terhadap Doktor Panel,  
Para Peguam dan Kontraktor di Melaka.  
– *Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]* (Halaman 22)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

**Jawatankuasa:****Jadual –**

- Maksud B.26 dan B.27 (Halaman 24)
- Maksud B.28 hingga B.32 (Halaman 91)
- Maksud B.33 (Halaman 135)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2000

**Jawatankuasa:**

- Maksud P.26 dan P.27 (Halaman 24)
- Maksud P.28, P.31 dan P.52 (Halaman 91)
- Maksud P.33 (Halaman 135)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 90)